

**KOMPONEN IBADAH DALAM PENDIDIKAN ISLAM KURIKULUM
BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH: STRATEGI
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN
DI KUCHING, SARAWAK**

ROZEY @ ROZIANA BINTI ZAMLI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**KOMPONEN IBADAH DALAM PENDIDIKAN ISLAM
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH:
STRATEGI PEMBELAJARAN DAN
PEMUDAHCARAAN DI KUCHING,
SARAWAK**

ROZEY @ ROZIANA BINTI ZAMLI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **ROZEY @ ROZIANA BINTI ZAMLI**

No. Matrik: **IGA 160008**

Nama Ijazah: **SARJANA SYARIAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**KOMPONEN IBADAH DALAM PENDIDIKAN ISLAM KURIKULUM
BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH: STRATEGI PEMBELAJARAN DAN
PEMUDAHCARAAN DI KUCHING, SARAWAK**

Bidang Penyelidikan:

FIQH (SAINS KEMASYARAKATAN)

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tarikh: .

25 / 06 / 2018

Diperibuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tanda Tangan Saksi

Tarikh:

25 / 06 / 2018

Nama:

Jawatan

**KOMPONEN IBADAH DALAM PENDIDIKAN ISLAM KURIKULUM
BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH: STRATEGI
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN
DI KUCHING, SARAWAK**

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji tentang strategi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) komponen Ibadah di sekolah-sekolah menengah terpilih di Kuching, Sarawak. Terdapat empat objektif utama kajian iaitu untuk mengenalpasti pendekatan yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam (GPI) ketika mengajar komponen Ibadah, mengenalpasti kaedah yang digunakan ketika mengajar tajuk-tajuk dalam komponen Ibadah, menilai keberkesanan teknik yang digunakan terhadap PdPc komponen Ibadah di dalam kelas dan bentuk cabaran yang dihadapi oleh GPI. Kajian ini menggunakan reka bentuk gabungan iaitu kuantitatif dan kualitatif untuk mendapatkan data dengan menggunakan instrumen soal selidik dan menemu bual empat orang informan. Data kuantitatif telah dianalisis menggunakan IBM SPSS versi 20 dan data kualitatif dianalisis secara manual. Secara keseluruhan dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa GPI di sekolah-sekolah menengah terpilih di Kuching telah menggunakan kedua-dua pendekatan iaitu pendekatan berpusatkan guru dan pendekatan berpusatkan murid, tetapi mereka lebih cenderung mengaplikasikan pendekatan berpusatkan murid. Seterusnya kaedah PdPc yang popular digunakan untuk mengajar tajuk-tajuk dalam komponen Ibadah ialah penceritaan, tunjuk cara dan latih tubi, manakala kaedah yang kurang digunakan ialah pembelajaran maya Frog VLE. Teknik yang digunakan oleh GPI adalah bersesuaian dan berkesan dengan tahap pencapaian murid. GPI juga telah berdepan dengan beberapa cabaran iaitu isi kandungan komponen Ibadah yang terlalu banyak, peruntukan kewangan yang terhad, kekangan masa, kekurangan kemudahan PdPc, kekurangan bengkel atau kursus yang berkaitan dengan PdPc dan sikap murid.

Sebagai kesimpulan dapatan kajian ini, beberapa cadangan lanjutan telah dikemukakan bagi membantu pihak yang terlibat dengan PdPc komponen Ibadah dalam Pendidikan Islam seperti KPM, JPN, pentadbir sekolah dan GPI supaya dapat meningkatkan PdPc komponen Ibadah sekaligus melahirkan murid yang *istiqamah* dalam penghayatan terhadap Ibadah.

Kata kunci: PdPc, pendekatan, kaedah, teknik, cabaran

Universiti Malaya

**COMPONENT OF IBADAH IN ISLAMIC EDUCATION IN INTEGRATED
CURRICULUM FOR SECONDARY SCHOOLS: LEARNING
STRATEGY AND FACILITATING METHODS
IN KUCHING, SARAWAK**

ABSTRACT

This study examined the learning strategy and facilitating methods (PdPc) of the component of Ibadah at the selected secondary schools in Kuching, Sarawak. Four main objectives of this study were identified; approaches used by Islamic Education teachers (GPI) during the PdPc of component of Ibadah, methods used during the lesson of topics in the Ibadah component, the effectiveness of techniques used in the classroom and the challenges faced by GPI. The researcher used mixed methods which are quantitative method and qualitative method to obtain data using questionnaire and interviewing four informants. The quantitative data was analysed using IBM SPSS version 20 meanwhile qualitative data analysed manually. Overall, the finding shows that GPI of the selected secondary schools in Kuching used both approaches, which are teacher-centred and student-centred but they choose more on student-centred approach. The most popular methods that have been used to teach topics in Ibadah component are storytelling, demonstration and drilling while less used methods is Frog VLE. The techniques used by GPI are appropriate and effective with students' ability. GPI also faced a few challenges which are too many syllabus, limited budget, lack of time, PdPc facilities, workshops and courses related to PdPc and students' attitude. In conclusion, there are suggestions proposed to assist those who are involved in the process of the PdPc component of Ibadah in Islamic Education such as KPM, JPN, school administrations and GPI so that the PdPc of component of Ibadah can be improved, as well as to shape students who continuously perform their Ibadah.

Keywords: PdPc, approaches, methods, techniques, challenges.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W. Dengan Rahmat dan InayahNya jua, perjalanan ilmu untuk menyiapkan disertasi ini telah dapat dilaksanakan dalam masa yang ditetapkan. Doa juga dipanjatkan agar kembara ilmu ini diterima sebagai amal soleh di sisiNya serta dapat dimanfaatkan oleh hamba-hambaNya yang lain.

Sekalung penghargaan dan terima kasih dititipkan khusus kepada Dr. Rushdi b. Ramli dan Dr. Tengku Sarina Aini Tengku Kasim selaku penyelia di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan. Sesungguhnya segala kesabaran, bantuan, nasihat, bimbingan, teguran, tunjuk ajar dan penyeliaan mereka yang profesional telah membantu penulis menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga ucapan takzim dan terima kasih ditujukan kepada Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Dr. Luqman bin Haji Abdullah dan semua pensyarah Akademi Pengajian Islam bagi subjek *Objectives of Shariah, Contemporary Islamic Jurisprudence, Methodology of Shariah Studies dan Research Methodology* di atas segala ilmu dan bantuan yang telah dicurahkan selama ini.

Penulis juga ingin merakamkan ucapan takzim dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana sudi memberikan sumber kewangan dan kemudahan cuti belajar untuk penulis menambah ilmu pengetahuan bagi mengembangkan profesyen sebagai seorang pendidik. Begitu juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, pengetua-pengetua sekolah kajian, panel-panel pakar, panel-panel penilai, responden dan informan di atas semua kerjasama yang diberikan.

Ucapan penghargaan dan terima kasih khas buat arwah ayahanda dan bonda tercinta iaitu Almarhum Haji Zamli b. Haji Bolhassan dan Almarhumah Hajjah Mu binti Mokhtar, (semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh keduanya), adik beradik iaitu

Hellina serta suami, Dr. Mohd Khairol serta isteri dan Dr. Muhamad Nazim serta isteri di atas setiap doa dan sokongan yang diberikan.

Teristimewa ucapan terima kasih yang tidak terhingga khusus buat suami tercinta, Ali b. Abdullah yang banyak berkorban masa dan tenaga serta sentiasa memberi galakan dan sokongan di sepanjang kembara ilmu ini. Juga anak-anak tersayang, Nurul Fatin Nazeeha, Nurul Fatihah Nabeela, Nurul Adlina Hazwani dan Ahmad Asyraf Syauqi yang memahami kesibukan mama mereka selama ini. Sesungguhnya hanya Allah sahaja yang dapat membalas setiap pengorbanan kalian.

Akhir sekali, terima kasih ditujukan buat teman-teman seperjuangan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, rakan-rakan HLP zon Sabah dan Sarawak, rakan-rakan guru di SMK Semerah Padi dan semua pihak yang terlibat dalam kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sesungguhnya kejayaan ini bukan kejayaan individu tetapi kejayaan semua pihak. Semoga segala usaha ini akan diberkati dan dirahmati Allah S.W.T. Aamiin.

Sekian, Wassalam.

ROZEY @ ROZIANA BINTI ZAMLI

Jabatan Fiqh dan Usul,

Akademi Pengajian Islam,

Universiti Malaya,

50603 Kuala Lumpur.

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iiii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI JADUAL	xviii
SENARAI KEPENDEKAN	xix
SENARAI LAMPIRAN	xxi
PANDUAN TRANSLITERASI	xxii

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan.....	1
1.2	Latar Belakang Kajian.....	1
1.3	Pernyataan Masalah Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Soalan Kajian.....	9
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.6.1	Murid	9
1.6.2	Guru	10
1.6.3	Pelaksana Kurikulum	10
1.7	Kerangka Teori Kajian	10
1.7.1	Teori Al-Ghazali.....	11
1.7.1	Teori Ibnu Khaldun	12
1.7.1	Model Pengajaran Dunkin dan Biddle	14
1.7.1	Integrasi Teori Kajian dan Model Pengajaran.....	16

1.8	Kerangka Konseptual Kajian.....	18
1.9	Limitasi Kajian	19
1.10	Definisi Tajuk	20
1.10.1	Komponen Ibadah	20
1.10.1	Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah	21
1.10.1	Strategi.....	21
1.10.1	Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	22
1.10.1	Kuching, Sarawak Sebagai Lokasi Kajian	24
1.11	Penutup	24

BAB 2 : KAJIAN PERPUSTAKAAN

2.1	Pendahuluan.....	25
2.2	Konsep Ibadah dalam Islam.....	25
2.2.1	Definisi Ibadah	27
2.2.2	Bahagian Ibadah	29
2.2.3	Tujuan Ibadah	30
2.2.4	Penerapan Elemen Penghayatan dalam Ibadah	34
2.3	Mata Pelajaran Pendidikan Islam KBSM	37
2.3.1	Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)	38
2.3.2	Falsafah Pendidikan Islam (FPI)	38
2.3.3	Objektif dan Kandungan Kurikulum Komponen Ibadah Pendidikan Islam KBSM	39
2.3.4	Tajuk Komponen Ibadah dalam Pendidikan Islam Tingkatan 4	40
2.4	Pendekatan PdPc Komponen Ibadah Pendidikan Islam	40
2.4.1	Pendekatan Berpusatkan Guru	41
2.4.2	Pendekatan Berpusatkan Murid.....	42

2.5	Kaedah PdPc Komponen Ibadah Pendidikan Islam	43
2.5.1	Kuliah atau Syarahan.....	44
2.5.2	Hafazan	46
2.5.3	Penceritaan	47
2.5.4	Tunjuk Cara atau Demonstrasi	48
2.5.5	Latih tubi	49
2.5.6	Pembelajaran Koperatif.....	50
2.5.7	Penyelesaian Masalah.....	51
2.5.8	Simulasi.....	52
2.5.9	Projek.....	53
2.5.10	Inkuiri	54
2.5.11	Permainan	55
2.5.12	Lawatan.....	56
2.5.13	Pembelajaran Berbantuan Komputer.....	57
2.5.14	Pembelajaran Maya Frog VLE	58
2.5.15	Pembelajaran Berasaskan Peta Pemikiran i-Think.....	59
2.6	Teknik PdPc Komponen Ibadah Pendidikan Islam	60
2.7	Sorotan Kajian-kajian Lepas.....	61
2.7.1	Penghayatan Ibadah dalam Kalangan Murid.....	62
2.7.2	Strategi Pembelajaran dan Pemudahcaraan Pendidikan Islam KBSM....	64
2.7.3	Strategi Pembelajaran dan Pemudahcaraan Komponen Ibadah Pendidikan Islam KBSM.....	67
2.7.4	Cabaran Guru Pendidikan Islam.....	69
2.7.5	Kesimpulan Sorotan Kajian Lepas	70
2.8	Penutup	70

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan.....	71
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	71
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	72
3.4	Prosedur Kajian	75
3.5	Kaedah Pengumpulan Data.....	77
3.5.1	Soal Selidik.....	78
3.5.1.1	Borang Soal Selidik	79
3.5.1.2	Ujian Rintis.....	82
3.5.2	Temu Bual	84
3.5.3	Kajian Perpustakaan / Dokumentasi.....	85
3.6	Kaedah Analisis Data	86
3.6.1	Analisis Data Kuantitatif.....	87
3.6.2	Analisis Data Kualitatif.....	88
3.7	Penutup	89

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan.....	90
4.2	Latar Belakang Responden	91
4.2.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina.....	91
4.2.2	Taburan Responden Berdasarkan Aliran.....	92
4.2.3	Taburan Responden Berdasarkan Gred Pencapaian Pendidikan Islam dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) 2016	92
4.2.4	Taburan Responden Berdasarkan Komponen yang Paling Diminati dalam Pendidikan Islam	93
4.3	Pendekatan yang Digunakan oleh GPI Ketika Mengajar Komponen Ibadah Pendidikan Islam	94

4.3.1	Pendekatan Berpusatkan Guru	95
4.3.2	Pendekatan Berpusatkan Murid	102
4.4	Perbincangan Dapatan Kajian Objektif 1	112
4.5	Kaedah yang Digunakan oleh GPI Semasa Mengajar Tajuk-tajuk dalam Komponen Ibadah Pendidikan Islam.....	117
4.5.1	Lambaian Kaabah.....	119
4.5.2	Sembelihan, Korban dan Aqiqah.....	124
4.5.3	Muamalah dalam Islam 1	127
4.5.4	Muamalah dalam Islam 2	131
4.6	Perbincangan Dapatan Kajian Objektif 2.....	136
4.7	Keberkesanan Teknik yang Digunakan oleh GPI Terhadap PdPc Komponan Ibadah Di Dalam Kelas.....	141
4.8	Perbincangan Dapatan Kajian Objektif 3	151
4.9	Cabaran yang Dihadapi oleh GPI Ketika Mengajar Komponen Ibadah Pendidikan Islam... ..	156
4.9.1	Kandungan Komponen Ibadah yang Terlalu Banyak	156
4.9.2	Kekangan Masa untuk PdPc Komponen Ibadah Pendidikan Islam	158
4.9.3	Kekurangan Kemudahan PdPc	160
4.9.4	Peruntukan Kewangan untuk membeli kemudahan PdPc yang terhad .	161
4.9.5	Kekurangan Bengkel dan Latihan Berkaitan PdPc	162
4.9.6	Sikap dan Pengetahuan Sedia Ada Murid	163
4.10	Penutup	165

BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan.....	166
5.2	Rumusan Kajian.....	166

5.2.1	Objektif 1: Pendekatan yang Digunakan oleh GPI Ketika Mengajar Komponen Ibadah Pendidikan Islam.....	166
5.2.2	Objektif 2: Kaedah yang Digunakan oleh GPI Ketika Mengajar Tajuk- tajuk dalam Komponen Ibadah Pendidikan Islam.....	169
5.2.3	Objektif 3 : Keberkesanan Teknik yang Digunakan oleh GPI terhadap PdPc komponen Ibadah di dalam Kelas	172
5.2.4	Objektif 4 : Cabaran yang Dihadapi oleh GPI ketika mengajar komponen Ibadah Pendidikan Islam.....	173
5.3	Implikasi Kajian.....	175
5.4	Cadangan-cadangan Hasil Kajian.....	177
5.5	Cadangan-cadangan bagi Kajian Akan Datang.....	179
5.6	Penutup	180
	BIBLIOGRAFI.....	181
	LAMPIRAN.....	209

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1:	Kerangka Teori Al-Ghazali (t.t)	12
Rajah 1.2:	Teori Ibnu Khaldun	13
Rajah 1.3:	Kerangka Model Pengajaran Dunkin dan Biddle (1974).....	15
Rajah 1.4:	Pengintegrasian antara Teori Al-Ghazali, Teori Ibnu Khaldun dan Model Pengajaran Dunkin dan Biddle	16
Rajah 1.5:	Kerangka Teori Kajian	17
Rajah 1.6:	Kerangka Konseptual Kajian	19
Rajah 1.7:	Perkaitan antara Strategi, Pendekatan, Kaedah dan Teknik	22
Rajah 4.1:	Taburan responden berdasarkan jantina	91
Rajah 4.2:	Taburan gred pencapaian Pendidikan Islam dalam Pentaksiran Tingkatan 3	92
Rajah 4.3:	Taburan minat responden terhadap komponen Ibadah	93
Rajah 4.4:	Taburan responden klasifikasi silang antara minat dan jantina	94
Rajah 4.5:	Guru memainkan peranan utama semasa mengajar komponen Ibadah	96
Rajah 4.6:	Murid banyak mendengar segala yang disampaikan oleh guru	97
Rajah 4.7:	Guru banyak menguasai dan mengawal segala aktiviti pembelajaran semasa mengajar komponen Ibadah	98
Rajah 4.8:	Guru banyak memberi penerangan secara lisan tentang topik tertentu dalam komponen Ibadah	98
Rajah 4.9:	Guru selalu menyuruh murid menghafal istilah-istilah dan fakta-fakta penting dalam komponen Ibadah	99
Rajah 4.10:	Guru memberi latihan selepas selesai sesuatu tajuk yang	100

diajar	
Rajah 4.11: Guru menggunakan kapur dan papan hitam ketika mengajar komponen Ibadah	100
Rajah 4.12: Guru kurang bertanya kepada murid tentang kefahaman mereka terhadap pengajaran guru dalam komponen Ibadah...	101
Rajah 4.13: Guru sering mengaitkan isi pelajaran Ibadah dengan kehidupan murid	104
Rajah 4.14: Guru memberi murid peluang untuk menyuarakan pendapat dan idea ketika belajar komponen Ibadah	105
Rajah 4.15: Guru menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dalam sesi pembelajaran komponen Ibadah	106
Rajah 4.16: Guru menggalakkan interaksi antara murid dengan murid dan murid dengan guru semasa pembelajaran komponen Ibadah ...	106
Rajah 4.17: Guru menggalakkan murid membuat perbincangan tentang isi pelajaran komponen Ibadah	107
Rajah 4.18: Guru sering mempelbagaikan kaedah Mengajar	108
Rajah 4.19: Guru sering menggunakan pelbagai Bahan Bantu Mengajar..	108
Rajah 4.20: Guru banyak merancang aktiviti yang melibatkan murid	109
Rajah 4.21: Guru menggalakkan murid membuat nota sendiri	110
Rajah 4.22: Guru membimbing murid untuk berdikari mencari maklumat sesuatu tajuk dalam komponen Ibadah.....	110
Rajah 4.23: Guru sering menyuruh murid membuat pembentangan tentang tajuk-tajuk komponen Ibadah di dalam kelas.....	111
Rajah 4.24: Guru memberi kerja rumah selepas selesai sesuatu tajuk.....	112
Rajah 4.25: Kewajipan Haji dan Umrah	120
Rajah 4.26: Cara menyempurnakan ibadah Haji dan Umrah	121
Rajah 4.27: Wajib Haji dan Umrah	122

Rajah 4.28:	Cara mengerjakan Haji dan jenis-jenis dam	123
Rajah 4.29:	Sembelihan	125
Rajah 4.30:	Korban	126
Rajah 4.31:	Aqiqah	127
Rajah 4.32:	Jual Beli	128
Rajah 4.33:	Sewaan	129
Rajah 4.34:	Gadaian	130
Rajah 4.35:	Syarikat	132
Rajah 4.36:	Saham	133
Rajah 4.37:	Insuran	134
Rajah 4.38:	Hutang	135
Rajah 4.39:	Teknik yang digunakan oleh guru dapat memudahkan murid memahami kandungan komponen Ibadah	143
Rajah 4.40:	Teknik yang digunakan oleh guru dapat meningkatkan minat murid untuk terus mempelajari komponen Ibadah	144
Rajah 4.41:	Teknik yang digunakan oleh guru membantu murid menyelesaikan masalah berkaitan PdPc komponen Ibadah dengan baik	144
Rajah 4.42:	Teknik yang digunakan oleh guru telah meningkatkan markah Pendidikan Islam dalam peperiksaan lepas	145
Rajah 4.43:	Teknik yang digunakan oleh guru menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dalam kelas	145
Rajah 4.44:	Teknik yang digunakan oleh guru memudahkan murid mengingat isi-isi penting dalam komponen Ibadah dengan berkesan	146

Rajah 4.45:	Teknik yang digunakan oleh guru menggalakkan murid untuk mencari maklumat tambahan dalam komponen Ibadah	146
Rajah 4.46:	Teknik yang digunakan oleh guru dapat memperkukuhkan pemahaman murid tentang penguasaan konsep dalam komponen Ibadah	147
Rajah 4.47:	Teknik yang digunakan oleh guru dapat meningkatkan motivasi murid untuk terus menghadiri kelas Pendidikan Islam	148
Rajah 4.48:	Teknik yang digunakan oleh guru membantu murid mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan seharian	148
Rajah 4.49:	Teknik yang digunakan oleh guru meningkatkan keyakinan murid untuk menyuarakan idea dalam PdPc komponen Ibadah	149
Rajah 4.50:	Teknik yang digunakan oleh guru membantu murid menjalin kerjasama erat dengan rakan apabila melakukan sesuatu aktiviti dalam komponen Ibadah	149
Rajah 4.51:	Teknik yang digunakan oleh guru mengekalkan tumpuan murid terhadap PdPc komponen Ibadah	150
Rajah 4.52:	Teknik yang digunakan oleh guru membolehkan murid membantu rakan yang kurang faham kandungan komponen Ibadah	150
Rajah 4.53:	Teknik yang digunakan oleh guru membantu murid membuat penggabungjalinan antara komponen Ibadah dengan subjek lain	151

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1: Pecahan jenis sekolah menengah di negeri Sarawak	2
Jadual 3.1: Taburan sampel soal selidik mengikut sekolah	75
Jadual 3.2: Taburan item mengikut bahagian dalam soal selidik ...	80
Jadual 3.3: Nilai <i>alpha cronbach</i> untuk ujian rintis	83
Jadual 3.4: Tafsiran skor min	88
Jadual 4.1: Taburan minat responden berdasarkan komponen yang paling diminati dalam Pendidikan Islam	92
Jadual 4.2: Pendekatan berpusatkan guru	95
Jadual 4.3: Pendekatan berpusatkan murid	102
Jadual 4.4: Lambaian Kaabah	119
Jadual 4.5: Sembelihan, Korban dan Aqiqah	124
Jadual 4.6: Muamalah dalam Islam 1	127
Jadual 4.7: Muamalah dalam Islam 2	131
Jadual 4.8: Keberkesanan teknik yang digunakan oleh GPI terhadap PdPc komponen Ibadah di dalam kelas	141

SENARAI KEPENDEKAN

BBM	:	Bahan Bantu Mengajar
BPI	:	Bahagian Pendidikan Islam
BPPDP	:	Bahagian Perancangan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CD	:	<i>Compact Disc</i>
FPI	:	Falsafah Pendidikan Islam
FPK	:	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GCPI	:	Guru Cemerlang Pendidikan Islam
GPI	:	Guru Pendidikan Islam
ICT	:	<i>Information and Communication Technology</i>
JPN	:	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSM	:	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KLSM	:	Kurikulum Lama Sekolah Menengah
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	:	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
LCD	:	<i>Liquid Crystal Display</i>
LDP	:	Latihan Dalam Perkhidmatan
P&P	:	Pengajaran Dan Pembelajaran
PBK	:	Pembelajaran Berbantuan Komputer
PCG	:	<i>Per Capita Grant</i>

PdPc	:	Pembelajaran Dan Pemudahcaraan
PPD	:	Pejabat Pendidikan Daerah
PT3	:	Pentaksiran Tingkatan 3
SKPMg2	:	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang 2
SM	:	Sekolah Menengah
SMK	:	Sekolah Menengah Kebangsaan
TMK	:	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
VLE	:	<i>Virtual Learning Environment</i>

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A : Surat kelulusan menjalankan kajian daripada KPM
- Lampiran B : Surat kelulusan menjalankan kajian daripada JPN Sarawak
- Lampiran C : Surat kelulusan tajuk
- Lampiran D : Pengakuan pengesahan pakar
- Lampiran E : Borang Soal Selidik
- Lampiran F : Protokol Temu Bual

Universiti Malaysia

PANDUAN TRANSLITERASI

Konsonan

Arab	Roman	Arab	Roman	Arab	Roman
ا,ء	a,ʾ	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	و	w
خ	kh	ظ	ẓ	ه	H
د	d	ع	‘	ي	Y
ذ	dh	غ	gh	ة	h,t
ر	r	ف	f		

Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Vokal Panjang	Transliterasi
اَ	a	اِي, اِي	ā
اِ	i	ي	ī
اُ	u	و	ū

Diftong

Diftong	Transliterasi
اَوْ	Aw
يِ	Ay
وْ	Uww
يِ	iy, ī

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang dilakukan oleh penulis supaya dapat memberi gambaran awal tentang keseluruhan kajian. Dalam bab ini, penulis membincangkan tentang latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, kerangka teori, kerangka konseptual, limitasi kajian dan definisi tajuk supaya kajian ini dapat difahami dengan lebih mendalam lagi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penghayatan kepada konsep ibadah adalah sangat penting dalam kehidupan seorang muslim kerana ia mampu membimbing seseorang ke jalan kebenaran. Al-Mawdūdī¹ menyatakan ibadah adalah penyerahan sepenuhnya dan ikhlas dalam konteks seorang hamba kepada penciptanya iaitu Allah. Ia juga merupakan kemuncak kepada bukti ketaqwaan seseorang terhadap Allah yang meliputi semua perlakuannya dalam kehidupan selari dengan ajaran Islam sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Al-Zaariyat 51:56

Terjemahan: Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk menyembahKu....

¹Mawdūdī, Abū Al-A'lā, *Mābādī Al-Islām*, 3rd ed. (Damsyik: Maktabah al-Shabāb al-Muslim, 1961), 128-129.

Penghayatan ibadah perlu disemai ke dalam jiwa kanak-kanak sejak dari kecil lagi melalui proses pendidikan yang berterusan sama ada di rumah atau di sekolah. Di rumah ibu bapa berperanan untuk menerapkan penghayatan ibadah dengan membiasakan anak-anak melakukan ibadah seperti solat, puasa dan sebagainya. Di sekolah pula, murid diajar tentang penghayatan ibadah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam iaitu selama enam tahun semasa murid berada di sekolah rendah dan lima tahun lagi ketika murid berada di sekolah menengah. Ini menunjukkan bahawa setiap murid sepatutnya telah mempelajari asas-asas agama selama 11 tahun secara formal. Tempoh masa ini adalah signifikan dengan matlamat Pendidikan Islam yang dirangka oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terhadap semua murid di Malaysia.

Sarawak merupakan negeri yang paling luas dalam Malaysia dan mempunyai 190 buah sekolah menengah di seluruh negeri seperti dalam Jadual 1.1.²

Jadual 1.1: Pecahan jenis sekolah menengah di negeri Sarawak

Bil	Jenis Sekolah	Bil Sekolah
1	SMK	170
2	SMK Agama	7
3	SM Teknik	1
4	SM Vokasional	6
5	SBP	3
6	SM Agama (SABK)	2
7	Sekolah Seni	1
Jumlah		190

Sumber: JPN Sarawak

Perlanggaran disiplin sekolah dalam kalangan murid seperti ponteng sekolah dan kesalahan jenayah yang melibatkan pihak polis seperti mencuri berlaku hampir di seluruh negara.³ Begitu juga dengan murid di Sarawak. Dapatan kajian Azhar dan Ab. Halim⁴

²Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, "Bilangan Sekolah Di Negeri Sarawak," laman sesawang Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, dicapai 1 April 2017, <http://jpnSarawak.moe.gov.my/>.

³Mohamad Khairi Othman et al., "Permasalahan Dan Cabaran Guru Dalam Membentuk Nilai Pelajar Di Sekolah Menengah," *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue* 4, no. 1 (2017), 1–10.

serta Aerisuli⁵ menunjukkan terdapat kaitan yang rapat antara penghayatan ibadah dengan masalah gejala sosial. Menurut mereka, murid yang terlibat dengan gejala sosial adalah berpunca daripada kurangnya penghayatan ibadah seharian seperti sembahyang dan membaca Al-Quran. Ini kerana keimanan yang mantap hasil daripada *istiqamah* dalam penghayatan ibadah adalah penting dalam pembentukan personaliti unggul. Situasi ini sekaligus menggambarkan bahawa Pendidikan Islam yang dipelajari di sekolah belum mampu menghindarkan murid sepenuhnya daripada terjebak dengan masalah gejala sosial.

Mutu pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam yang masih belum memuaskan⁶ kerana murid masih belum menguasai praktikal ibadah dengan sempurna telah menyebabkan kurikulum Pendidikan Islam disemak dan ditambahbaik supaya lebih penekanan diberi kepada aspek amali dan praktikal seperti mana yang disarankan oleh Hassan Langgulong.⁷

Sebagai salah satu komponen dalam Pendidikan Islam, matlamat komponen Ibadah lebih menjurus kepada amalan fardu Ain dan fardu Kifayah dengan memastikan setiap pancaindera manusia dapat berfungsi untuk mengabdikan diri kepada Allah.⁸ Menyedari akan hakikat betapa pentingnya PdPc komponen Ibadah yang berkesan, maka guru Pendidikan Islam (GPI) harus mengaitkan isi pelajaran dengan pelbagai aspek ilmu dan amalan lain supaya ia dapat diaplikasikan oleh murid dalam kehidupan seharian.⁹

⁴Azhar Ahmad dan Ab. Halim Tamuri, "Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah," *Jurnal Akademik I*, no. 1 (2007), 1–10.

⁵Aerisuli Awang, "Penghayatan Ibadah Dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Jiring, Kuala Terengganu" (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2011), 128.

⁶Kamarul Azmi Jasmi, "Pendidikan Islam: Cabaran Di Alaf Baru" (*Seminar Pendidikan Islam*, Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar, Perak, 30 Oktober 2011), 1–15.

⁷Hassan Langgulong, *Manusia Dan Pendidikan: Suatu Analisa Psikologi dan Pendidikan* (Jakarta: Pustaka al-Husna, 1986), 401.

⁸Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran* (Johor: UTM Press, 2007), 22.

⁹Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM* (Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002), 1.

Kesannya, murid dapat membuat perubahan diri untuk membina tamadun *ummah* dan memberi sumbangan terhadap kesejahteraan negara.

Untuk melihat sejauh mana PdPc Pendidikan Islam yang dijalankan di dalam kelas adalah berkesan, penulis terpanggil untuk membuat kajian tentang PdPc komponen Ibadah dan fokus kajian adalah di sekolah-sekolah menengah terpilih di Kuching, Sarawak. Penulis akan membincangkan tentang komponen Ibadah Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) tingkatan 4 sahaja kerana Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang diperkenalkan pada tahun 2017 hanya meliputi setakat tingkatan 2. Diharap kajian ini dapat melihat strategi PdPc yang diaplikasikan oleh GPI yang meliputi pendekatan, kaedah, teknik dan cabaran.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Apabila menyentuh tentang PdPc komponen Ibadah, penulis telah menganalisa dan mendapati terdapat beberapa isu dan masalah yang menuntut penyelesaian konkrit untuk membentuk modal insan yang mempunyai iman yang tinggi serta menjadikan setiap tindakan mereka sebagai ibadah.

Isu pertama ialah tentang masalah gejala sosial yang melanda dunia pendidikan seperti mencuri, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Nurzatil et al.¹⁰ dan Fauziah et al.¹¹ mendapati statistik masalah gejala sosial dalam kalangan remaja yang semakin meningkat saban tahun adalah berpunca daripada kurang pendidikan agama. Remaja yang kurang kesedaran agama akan mudah terpengaruh dengan persekitaran negatif serta terlibat dengan

¹⁰Nurzatil Ismah Azizan et al., “Permasalahan Sosial Dalam Kalangan Remaja Di Selangor : Satu Tinjauan” (*International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah (IRSYAD 15)*, Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015), 1–15.

¹¹Fauziah Ibrahim et al., “Memperkasakan Pengetahuan Agama Islam Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkahlaku : Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera,” *Journal Of Social Sciences and Humanities* 7,no. 1 (2012), 84–93.

masalah gejala sosial. Dapatan yang serupa juga diperolehi dalam kajian yang dilakukan oleh Noor Hafizah,¹² Jamilah,¹³ Norimi¹⁴ dan Suharia, Jasmi dan Mohd Hisham¹⁵ yang mendapati penglibatan murid dalam masalah gejala sosial adalah berpunca daripada kemerosotan penghayatan terhadap ibadah.

Situasi ini menggambarkan bahawa konsep penghayatan yang menjadi keutamaan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM sehingga kini masih belum berjaya dihayati dan sempurna perlaksanaannya oleh murid di sekolah sebagaimana yang dikehendaki oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI).

Isu kedua ialah tentang strategi PdPc yang digunakan oleh GPI di dalam kelas yang masih berada di tahap sederhana.¹⁶ Kajian mendapati GPI masih menggunakan pendekatan traditional tanpa mengambilkira kefahaman murid terhadap pengajaran mereka.¹⁷ Ilmu disampaikan secara sehalu dan menggunakan ‘*chalk and talk*’. Penerapan elemen amalan dalam pengajaran juga masih kurang, tidak meluas dan terhad dalam kelas sahaja.¹⁸ Selain itu, GPI juga didapati kurang mempraktikkan amali walaupun prasarana untuk menjalankan aktiviti amali memang telah disediakan oleh pihak sekolah seperti surau.¹⁹

¹²Noor Hafizah Mohd Haridi, “Program Agama Di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) : Kajian Dari Aspek Pelaksanaan Dan Keberkesanan” (Tesis PHD, Universiti Malaya, 2016), 218.

¹³Jamilah Mohd Nor, “Keberkesanan Pendidikan Akhlak Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Seremban, Negeri Sembilan” (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2014), 82.

¹⁴Norimi Abdul Wahab, “Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Menangani Masalah Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Di Daerah Subang Jaya” (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2014).

¹⁵Saharia Ismail, Jasmi Amin dan Mohd Hisham Mohamad, “Kaitan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Terhadap Pegangan Nilai Akhlak Pelajar” (*Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan Dan Pendidikan Islam (SEAPPI 2012)*, Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor, 8-9 Mac 2012), 263–278.

¹⁶Mohd Aderi Che Noh, “Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru Dan Pencapaian Tilawah Al-Quran Murid Tingkatan Dua Di Malaysia” (Tesis PHD, Universiti Putra Malaysia, 2008).

¹⁷Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha, Ab. Halim Tamuridan Rohizan Ya, “Konsep Berilmu Di Kalangan Guru Pendidikan Islam: Satu Keperluan Dalam Membangunkan Modal Insan” (*Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan Dan Pendidikan Islam (SEAPPI 2012)*, Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor, 8-9 Mac 2012), 289–305.

¹⁸Fathiyah Mohd Fakhruddin et al., “Pemahaman Dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan Dalam Pengajaran,” *The Online Journal of Islamic Education* 1, no. 1 (2013), 1–15.

¹⁹Suhaimi Muhamad, “Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam” (Disertasi Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 88.

Kaedah syarahan dan penerangan merupakan kaedah yang paling popular dalam kalangan GPI kerana kos yang murah dan mudah dilaksanakan.²⁰ Mereka hanya perlu menerangkan apa yang terkandung di dalam sukatan pelajaran tanpa memikirkan kesannya ke atas perubahan tingkahlaku murid. Kaedah yang membosankan²¹ dan kurang penggunaan bahan bantu mengajar (BBM)²² menyebabkan minat dan sikap murid terhadap Pendidikan Islam semakin menurun. Dapatan kajian ini juga disokong oleh Awaatif dan Wan Ahmad Jaafar²³ apabila mereka menjalankan kajian tentang pengurusan jenazah.

Walaupun terdapat kajian tentang penggunaan kaedah baru dan terkini dalam PdPc Pendidikan Islam seperti teknik demonstrasi dan pemerhatian,²⁴ aplikasi mudah alih (mobile apps),²⁵ teknologi maklumat dan komunikasi²⁶ dan penggunaan laman web,²⁷ namun bilangannya adalah terhad kerana kekangan masa dan beban tugas lain yang perlu dipikul. Oleh itu, GPI memerlukan pembangunan profesionalisme yang berterusan dalam aspek pedagogi untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka.²⁸ Ini kerana proses

²⁰Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusoff, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim dan Khadijah Abdul Razak, "Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar" (Bangi: *Laporan Penyelidikan*, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004).

²¹Ibid.

²²Kamarul Azmi Jasni et al., "Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Di Malaysia," *Journal Of Islamic And Arabic Education* 3, no. 1 (2011), 59–74.

²³Awaatif Ahmad dan Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya, "Keberkesanan Penggunaan Prinsip Isyarat Dalam Kowser Realiti Maya Pengurusan Jenazah Terhadap Tahap Ingat Kembali Dan Mengenal Pasti Serta Pemindahan Pengetahuan Murid Tingkatan 2: Satu Kajian Rintis" (*4th International Conference And Exhibition On Islamic Education*, Kelantan, 2014), 603–608.

²⁴Bani Hidayat Mohd Shafie et al., "Strategi Teknik Demonstrasi Dan Pemerhatian Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Ibadah Pendidikan Islam KBSM Di Surau Sekolah" (*International Conference On Learner Diversity*, Bangi, 19-20 Oktober 2010), 1–8.

²⁵Aliff Naw, Mohd Isa Hamzah dan Surina Akmal Abd Sattai, "Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) Dalam Bidang Pendidikan Islam," *The Online Journal of Islamic Education* 2, no. 2 (2014), 26–35.

²⁶Wan Ismail Wan Abdullah, Abdul Hakim Abdullah dan Nur Iylani Kamaruzaman, "Transformasi Tahap Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Program Pensiswazahan Guru UNISZA" (*Proceeding International Seminar on Al-Quran in Contemporary Society*, Unisza, Terengganu, 10-11 Oktober 2015), 839–849.

²⁷Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul dan Roseamnah Abd Rauf, "Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam," *The Online Journal of Islamic Education* 1, no. 2 (2013), 58–73.

²⁸Habibah @ Artini Ramlie et al., "Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI) Dalam Aspek Pengajaran," *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi* 3, no. 3 (2016), 85–109.

PdPc komponen Ibadah bukan sekadar suatu proses pemindahan ilmu dan maklumat sahaja tetapi juga melibatkan proses perubahan diri murid agar sentiasa *taqarrub* kepada Allah.²⁹

Isu seterusnya ialah strategi PdPc yang terlalu berorientasikan peperiksaan. GPI didapati lebih cenderung kepada PdPc yang memberi penekanan kepada peningkatan prestasi akademik murid dengan menggunakan sepenuhnya masa yang diperuntukkan untuk mengajar tajuk-tajuk tertentu yang dianggap penting sebagai persediaan peperiksaan.³⁰ Ibu bapa hari ini juga sentiasa mengukur kecemerlangan seseorang anak berdasarkan kepada kecemerlangan dalam keputusan peperiksaan semata-mata dan sekaligus dijadikan sebagai penanda aras kepada kecemerlangan masa depan.³¹

Di Malaysia, keputusan peperiksaan awam telah dijadikan sebagai penanda aras untuk tujuan pensijilan, penentuan kerjaya serta peluang melanjutkan pelajaran. Kesannya, sistem pendidikan negara cenderung berorientasikan peperiksaan daripada membangunkan potensi kecemerlangan murid secara holistik. Situasi ini menyebabkan motivasi dan minat murid terhadap pelajaran akan merosot dan seterusnya menggagalkan matlamat pendidikan negara untuk membentuk modal insan yang seimbang dunia dan akhirat.

Isu keempat ialah tentang peranan dan kesediaan GPI di sekolah. GPI memainkan peranan penting sebagai tunjang atau tulang belakang untuk menentukan kecemerlangan murid yang mampu memahami, mengaplikasi, mengamal dan menghayati setiap ilmu yang dipelajari di dalam kelas.³² Tugas mereka amat berat dan memerlukan pengorbanan dan komitmen yang tinggi terutama dari aspek masa dan tenaga. Kewibawaan GPI dilihat dari segi penguasaan kognitif dalam disiplin ilmu, kemahiran yang ditonjolkan dan keperibadian

²⁹Sidek Baba, "Kepimpinan Ihsan Dan Insan : Suatu Tajdid Dalam Pendidikan," dalam *Tajdid Ilmu Dan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn Bhd, 2011), 81.

³⁰Fathiyah Mohd Fakhruddin, "Penerapan Elemen Falsafah Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Lembah Klang" (Tesis PHD, Universiti Putra Malaysia, 2010).

³¹Amlah Salleh et al., "Peranan Bapa Dalam Pembangunan Sahsiah Remaja Dan Impikasinya Terhadap Nilai Kekeluargaan," *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35,no. 2 (2010), 9–17.

³²Fathiyah Mohd Fakhruddin, "Penerapan Elemen Falsafah Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Lembah Klang" (2010).

mereka supaya dapat meningkatkan keyakinan murid tentang pengajarannya. Ia menjadi lebih signifikan dalam konteks mata pelajaran Pendidikan Islam yang bertujuan untuk membentuk generasi Islam yang soleh dalam kehidupan seharian.³³

Namun begitu, beberapa kajian dalam pengajaran komponen Ibadah menunjukkan realiti sebenar bahawa pengetahuan dan pemahaman GPI hanya berlegar kepada sukatan pelajaran yang menekankan topik-topik tertentu sahaja dan kurang memberi penekanan kepada penghayatan ibadah lain.³⁴ Mereka juga kurang berusaha mencari maklumat tambahan dan tidak mengaitkannya dengan kehidupan sebenar murid. Akhirnya murid kurang menguasai asas ibadah dengan baik dan sempurna. Ini menunjukkan tahap kefahaman GPI terhadap isi kandungan komponen Ibadah perlu ditambah bukan sekadar ilmu yang mereka pernah pelajari dahulu di universiti atau maktab perguruan semata-mata kerana pengetahuan yang mantap adalah pra syarat kepada pelaksanaan strategi PdPc yang efektif.

Berdasarkan senario inilah, penulis tertarik untuk membuat kajian yang lebih mendalam bagi mencari jawapan tentang strategi PdPc yang digunakan oleh GPI dalam PdPc komponen Ibadah. Diharap dapatan kajian ini nanti akan memberi maklumat yang jitu dan padu tentang pelaksanaan PdPc komponen Ibadah tingkatan 4 di Kuching, Sarawak.

1.4 Objektif Kajian

Penulis telah menggariskan beberapa objektif kajian iaitu:

1. Mengenalpasti pendekatan yang digunakan oleh GPI ketika mengajar komponen Ibadah Pendidikan Islam.

³³Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, "Isu Pengajaran Dan Pendidikan Islam," dalam *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam* (Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 29.

³⁴Fathiyah Mohd Fakhruddin et al., "Pemahaman Dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan Dalam Pengajaran," *The Online Journal of Islamic Education* 1, no. 1 (2013), 1–15.

2. Mengenalpasti kaedah yang digunakan oleh GPI ketika mengajar tajuk-tajuk dalam komponen Ibadah Pendidikan Islam.
3. Menilai keberkesanan teknik yang digunakan oleh GPI terhadap PdPc komponen Ibadah di dalam kelas.
4. Mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh GPI ketika mengajar komponen Ibadah Pendidikan Islam.

1.5 Soalan Kajian

Antara soalan kajian ialah:

1. Apakah pendekatan yang digunakan oleh GPI ketika mengajar komponen Ibadah Pendidikan Islam?
2. Apakah kaedah yang digunakan oleh GPI ketika mengajar tajuk-tajuk dalam komponen Ibadah Pendidikan Islam?
3. Adakah teknik yang digunakan oleh GPI memberi kesan terhadap PdPc komponen Ibadah di dalam kelas?
4. Apakah cabaran yang dihadapi oleh GPI ketika mengajar komponen Ibadah Pendidikan Islam?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan diharap dapat memberi manfaat kepada beberapa pihak seperti:

1.6.1 Murid

- i. Memahami konsep sebenar ibadah dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

- ii. Menambah keyakinan untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan dalam bilik darjah semasa PdPc komponen Ibadah.
- iii. Menarik minat, motivasi dan menambah pemahaman mereka dalam bidang Ibadah.

1.6.2 Guru

- i. Membantu GPI menambahbaik strategi PdPc yang sesuai dengan tahap pencapaian dan minat murid.
- ii. Menggalakkan GPI untuk mencari dan mengaplikasikan strategi PdPc komponen Ibadah yang terkini.

1.6.3 Pelaksana kurikulum

- i. Menjadi garis panduan kepada pentadbir sekolah, Guru Kanan Kemanusiaan dan Ketua Panitia Pendidikan Islam sebagai input baru bagi setiap sekolah agar PdPc Ibadah di dalam kelas lebih berkesan.
- ii. Membantu Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dan KPM dalam meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia. Hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan dalam mengenalpasti strategi yang lebih berkesan dalam PdPc komponen Ibadah.

1.7 Kerangka Teori Kajian

Penulis telah memilih teori Imam Ghazali,³⁵ teori Ibnu Khaldun³⁶ dan model pengajaran Dunkin dan Biddle³⁷ sebagai landasan kepada kajian ini untuk melihat strategi PdPc yang meliputi tiga elemen penting iaitu pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan oleh GPI

³⁵Al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm Al-Dīn, Jilid III*, (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.), 353.

³⁶Ibn Khaldun, *Al-Muqadimah* (Beirut: Matba'ah al-'Arabiyah, 1948).

³⁷Michael J. Dunkin and Bruce J. Biddle, *The Study Of Teaching* (New York: Holt, Rinehart and Winston, 1974), 36-48.

ketika mengajar komponen Ibadah Pendidikan Islam. Penulis akan menjelaskan satu persatu teori tersebut sebelum membentuk kerangka teori kajian.

1.7.1 Teori Al-Ghazali

Al-Ghazali menyatakan pendidikan adalah proses menimba ilmu bagi memperkembangkan potensi dan memantapkan personaliti murid. Menurut beliau, matlamat pendidikan adalah untuk menghubungkan setiap perbuatan manusia dengan kekuasaan Allah SWT dan menyuburkan akhlak mahmudah.³⁸ Beliau juga meletakkan prasyarat untuk menjadi seorang guru yang berkesan iaitu mempunyai ilmu tentang fardu Ain dan fardu Kifayah, kandungan sukatan pelajaran, kemahiran pedagogi dan kemahiran psikologi.³⁹ Ini menunjukkan bahawa proses pendidikan memerlukan hubungan yang erat antara guru dan murid.

Al-Ghazali juga menyarankan supaya guru menggunakan lima langkah kaedah pengajaran yang asas iaitu diam, mendengar, mengulang, melakukan dan memberitahu.⁴⁰ Kegagalan guru berbuat demikian boleh menyebabkan murid merasa bosan kerana ketidakupayaan dalam memahami pengajaran guru. Guru juga harus bersifat belas kasihan dengan memperlakukan murid seperti anak sendiri, ikhlas terhadap Allah S.W.T, membetulkan niat serta menganggap aktiviti mengajar sebagai satu ibadah, sentiasa menasihati murid, tidak memperkecilkan disiplin ilmu yang lain, mengajar mengikut kesesuaian tahap kemampuan akal pemikiran murid, merancang pengajaran agar selaras dengan tahap pemikiran dan mengambilkira perbezaan individu murid dan pengajaran guru hendaklah jelas dan mudah difahami.⁴¹


³⁸Al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm Al-Dīn*, Jilid III, 353.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ Ibid.

Hasil yang diharapkan melalui proses PdPc ialah dapat membentuk murid yang mempunyai ketinggian ilmu dan kemuliaan sahsiah untuk mendepani cabaran di sekelilingnya. Kesimpulannya teori ini jelas menggambarkan bahawa PdPc guru mempunyai hubungan erat dengan peribadi guru, kaedah pengajaran dan hasil pembelajaran murid. Justeru teori Al-Ghazali bertepatan untuk diaplikasikan dalam kajian ini seperti mana yang dipamerkan dalam rajah 1.1.




Rajah 1.1: Kerangka Teori Al-Ghazali (t.t)

1.7.2 Teori Ibnu Khaldun (1948)

Ibnu Khaldun⁴² menjelaskan asas ilmu datang daripada lima pancaindera iaitu perasaan, sentuhan, pendengaran, penglihatan dan ciuman. Lima alat pengetahuan ini disokong oleh penggunaan akal yang diperolehi melalui percubaan dan tanggapan. Melalui akal seseorang itu mampu berfikir dan memberi pendapat untuk memperoleh pengalaman. Pengalaman yang kukuh dicapai dengan menggunakan perbuatan yang berulang-ulang sehingga terbentuknya sifat. Sifat yang berulang-ulang akan menjadi kebiasaan. Kebiasaan yang berulang-ulang akan membentuk tabiat. Tabiat inilah yang akan kekal dan sebatu dalam jiwa manusia. Maka terhasillah penghayatan terutamanya penghayatan dalam ibadah.

⁴²Khaldun, Ibn, *Al-Muqadimah*, (1948).

Ibnu Khaldun⁴³ juga menyatakan penyampaian ilmu hendaklah dilakukan secara beransur-ansur(A), berturut-turut(T), memperdalamkannya(D) dan menyeluruh(S). Guru hendaklah mengajar murid secara berperingat-peringkat dan berturut-turut mengikut tahap pencapaian mereka. Apabila murid sudah menguasai isi pelajaran barulah dipindahkan ke tahap memperdalamkannya sehinggalah menyeluruh mencakupi semua aspek tajuk pelajaran. Untuk beralih kepada tajuk pelajaran yang baru, proses kitaran ini perlu diulang-ulang sehingga murid faham dan dapat menguasai sepenuhnya isi pelajaran tersebut. Hal ini dijelaskan lagi dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2: Teori Ibnu Khaldun

Oleh itu penulis berpendapat teori Ibnu Khaldun sangat bertepatan untuk dijadikan landasan kepada kajian ini.

⁴³Ibid.

1.7.3 Model Pengajaran Dunkin dan Biddle (1974)


Teori yang terakhir ialah model pengajaran Dunkin dan Biddle.⁴⁴ Terdapat empat pembolehubah dalam model ini iaitu pembolehubah penting, pembolehubah konteks, pembolehubah proses dan pembolehubah hasil.

Pembolehubah penting menekankan sikap guru yang terdiri daripada tiga elemen penting iaitu pengalaman guru, pengalaman latihan guru dan ciri-ciri personaliti guru. Seterusnya pembolehubah konteks yang menjurus kepada empat elemen iaitu pengalaman murid, ciri-ciri personaliti murid, sekolah dan komuniti serta bilik darjah. Pembolehubah yang ketiga ialah pembolehubah proses yang terdiri daripada tiga elemen iaitu kelakuan guru di bilik darjah, kelakuan murid di bilik darjah dan perubahan kelakuan murid. Yang terakhir ialah pembolehubah hasil yang memberi fokus kepada perubahan murid dalam jangkamasa pendek dan jangkamasa panjang.⁴⁵

Secara keseluruhannya, model pengajaran Dunkin dan Biddle adalah bertepatan dengan objektif kajian ini iaitu untuk mengenalpasti pendekatan dan kaedah serta menilai keberkesanan teknik PdPc. Oleh itu, penulis telah memilihnya sebagai landasan kajian. Penjelasan lanjut adalah seperti dalam rajah 1.3.

⁴⁴Dunkin M.J and Biddle B.J, *The Study Of Teaching*, (1974), 36-48.


⁴⁵Ibid.,



Rajah 1.3: Kerangka model pengajaran Dunkin dan Biddle (1974)

1.7.4 Integrasi Teori Kajian dan Model Pengajaran


Penulis telah merumuskan ketiga-tiga teori tersebut supaya jelas pengintegrasian berlaku antara teori Islam dengan teori barat. Pengintegrasian antara teori-teori ini dapat dijelaskan lagi dalam Rajah 1.4 di bawah.



Rajah 1.4: Pengintegrasian antara Teori Al-Ghazali, Teori Ibnu Khaldun dan Model Pengajaran Dunkin dan Biddle (Sumber: Pengkaji)

Berdasarkan kepada Rajah 1.4, Al-Ghazali menyarankan supaya guru menyampaikan isi pelajaran menggunakan strategi PdPc yang betul mengikut kadar kefahaman dan pencapaian prestasi murid serta dilakukan secara beransur-ansur dan berturut-turut sebelum mendalaminya secara menyeluruh seperti cadangan Ibnu Khaldun dengan mengambil kira faktor guru dan murid berdasarkan model pengajaran Dunkin dan Biddle. Akhirnya akan terhasillah murid yang memiliki kemantapan ilmu dan keunggulan peribadi. Kesimpulannya ketiga-tiga teori yang dipilih oleh penulis mempunyai kaitan yang signifikan antara satu sama lain untuk dijadikan sebagai landasan dalam kajian ini bagi melahirkan modal insan yang mapan sakhsiah dan tinggi intelek serta dapat memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

Seterusnya penulis telah mencakna satu kerangka teori khusus hasil daripada pengintegrasian ketiga-tiga teori dan model pengajaran sebagaimana yang terpapar dalam rajah 1.5. Penggabungan ini dijadikan sebagai asas dan dasar untuk meneroka kajian-kajian lepas bagi memantapkan kajian dan menggubal item soal selidik dan protokol temubual.




Rajah 1.5: Kerangka Teori Kajian (sumber: Pengkaji)

Berdasarkan kepada Rajah 1.5, GPI hendaklah berusaha meningkatkan ketaqwaan dan menjaga hubungan langsung dengan Allah dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala laranganNya. Keimanan yang mantap akan terserlah melalui keperibadian yang mulia dan penghayatan yang berterusan terhadap konsep ibadah. Ini sekaligus akan menjadi contoh dan ikutan kepada murid. GPI juga perlu memiliki ilmu dan kemahiran serta menggunakan strategi yang berkesan dalam pengajaran mereka seperti yang disarankan oleh Al-Ghazali, Ibnu Khaldun dan Dunkin dan Biddle. Gabungan antara ilmu, kemahiran, strategi dan peribadi yang dimiliki oleh guru dapat meningkatkan kefahaman, membentuk personaliti unggul dan mengembangkan kemahiran murid.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Setelah dibuat analisis terhadap semua teori, penulis telah mengekstrak dan mengkategorikan semula kerangka teori untuk membentuk kerangka konseptual kajian ini supaya dapat merangkumi objektif kajian yang telah digariskan. Penekanan diberikan kepada tiga aspek utama yang merupakan elemen penting iaitu pendekatan, kaedah dan teknik PdPc komponen Ibadah Pendidikan Islam. Selain itu, penulis juga menyentuh aspek cabaran yang dihadapi oleh GPI ketika menjalankan proses PdPc seperti kekangan masa, kekurangan dana, kekurangan kepakaran pedagogi, kekurangan bahan dan info berkaitan, sikap murid dan sebagainya. Penulis meringkaskan semua aspek yang dibincangkan di atas dalam kerangka konseptual kajian seperti dalam Rajah 1.6.



Rajah 1.6: Kerangka Konseptual Kajian (Sumber: Pengkaji)

1.9 Limitasi Kajian

- a. Kajian ini hanya dijalankan di enam buah sekolah sahaja di Kuching, Sarawak iaitu SM Sains Kuching, SM Sains Kuching Utara, SMK Matang Jaya, SMK Petra Jaya, SMK Sematan dan Kolej Datuk Abang Haji Abdillah. Sekolah-sekolah lain di Kuching tidak dilibatkan dalam kajian ini.
- b. Sampel kajian adalah murid Islam yang berada di tingkatan 4 seramai 271 orang lelaki dan perempuan yang mempunyai pencapaian prestasi yang berbeza iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Ini bermakna murid-murid lain dari tingkatan 1,2,3 dan 5 tidak termasuk dalam sampel kajian. Selain daripada itu, penulis juga telah menemu bual empat orang GPI daripada sekolah kajian untuk mendapatkan

maklumat sebagai sokongan kepada dapatan daripada soal selidik. GPI dari sekolah-sekolah lain tidak termasuk dalam sampel kajian ini.

- c. Kajian ini hanya mengkaji satu komponen pembelajaran dalam Pendidikan Islam sahaja iaitu komponen Ibadah dalam bidang Ulum Syari'ah. Ini bermakna kajian tidak akan dijalankan ke atas komponen-komponen lain dalam Ulum Syari'ah seperti Aqidah, Tamadun, Tokoh dan Adab. Begitu juga penulis tidak akan menyentuh bidang pembelajaran lain iaitu Tilawah Al-Quran, Hadis dan Adab kerana ia mempunyai objektif dan strategi yang berbeza.

1.10 Definisi Tajuk

Penulis akan menerangkan beberapa istilah penting dalam tajuk kajian ini untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang kajian yang dijalankan.

1.10.1 Komponen Ibadah

Komponen Ibadah yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada isi kandungan komponen Ibadah Tingkatan 4 Pendidikan Islam KBSM yang memberi tumpuan untuk memantapkan penghayatan murid terhadap segala perintah dan peraturan dalam disiplin ibadah dan berusaha melaksanakan segala yang telah ditetapkan Allah SWT. Malah ia diperkukuhkan lagi dengan penerapan kefahaman tentang peranan fardu Ain dan fardu Kifayah untuk membentuk kualiti hidup yang sempurna bagi mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.⁴⁶ Ringkasnya komponen Ibadah bukan sekadar fakta dan hafalan sahaja tetapi melangkau jauh kepada amalan, penghayatan, latihan pembiasaan dan praktikal serta wajib dilaksanakan dalam kehidupan seharian.

⁴⁶Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM* (Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002),3.

1.10.2 Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

Dalam kajian ini, Pendidikan Islam merujuk kepada salah satu subjek wajib yang ditawarkan kepada murid Islam tingkatan 4 di sekolah menengah mengikut ketetapan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, KPM. Kewujudan Pendidikan Islam sebagai satu mata pelajaran bertepatan dengan hasrat murni kerajaan untuk menuju ke arah pendidikan bertaraf dunia. Pendidikan Islam telah melalui beberapa siri penyemakan untuk memantapkan kandungan kurikulum bermula dari Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM), Kurikulum Baru Sekolah Menengah dan yang terbaru Kurikulum Standard Sekolah Menengah. GPI perlu mengajar Pendidikan Islam sebagai satu *ad-din* atau cara hidup mukmin dan bukan sekadar menyampaikan pengetahuan dan maklumat semata-mata.

Peruntukan masa untuk mengajar Pendidikan Islam menengah atas adalah sebanyak 160 minit seminggu iaitu tiga masa untuk mengajar sukatan pelajaran KBSM dan satu masa untuk amali solat ($3+1=4$). Manakala kandungan kurikulum dibahagikan kepada tiga bidang iaitu bidang Tilawah Al-Quran dan Hadis, bidang Ulum Syar'iyah dan bidang Adab berteraskan Akhlak Islamiah.

1.10.3 Strategi

Menurut kamus dewan,⁴⁷ strategi ditakrifkan sebagai perancangan teliti untuk berjaya dalam pencapaian matlamat. Ee Ah Meng,⁴⁸ Tengku Sarina⁴⁹ dan Smith dan Ragan⁵⁰ mendefinisikan strategi sebagai kebijaksanaan dalam pemilihan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti pembelajaran untuk diaplikasikan dalam PdPc bagi mencapai sesuatu matlamat


⁴⁷Noresah Baharom, ed., *Kamus Dewan*, Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 1525.

⁴⁸Ee Ah Meng, *Pedagogi: Satu Pengenalan*, Edisi Kedua (Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti, 1990), 237.

⁴⁹Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, "Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Untuk Guru Pelatih," dalam *Panduan Latihan Mengajar Guru Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, 2017), 83.

⁵⁰Patricia L. Smith and Tillman J. Ragan, *Instructional Design*, 3rd ed (New York: John Wiley & Sons. Inc, 2005), 188.

dan objektif yang telah ditetapkan serta memastikan keberhasilan perubahan dalam tingkahlaku murid. Guru harus menggunakan pelbagai strategi PdPc dan memastikan kualiti pengajaran mereka supaya dapat meningkatkan minat dan pencapaian murid.⁵¹ Dalam kajian ini, strategi yang dimaksudkan ialah proses pembelajaran yang berkaitan dengan komponen Ibadah Pendidikan Islam KBSM tingkatan 4. Strategi merangkumi pendekatan, kaedah dan teknik seperti dalam rajah 1.7 di bawah.



Rajah 1.7: Perkaitan antara strategi, pendekatan, kaedah dan teknik (sumber: Ee Ah Meng 1990)

1.10.4 Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc)

Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) merupakan istilah baru yang diperkenalkan oleh KPM untuk menggantikan istilah pengajaran dan pembelajaran (P&P). PdPc⁵² merupakan standard keempat daripada lima standard dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia

⁵¹Anuar Ahmad dan Neilson Jingga, "Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah," *Jurnal Kurikulum Dan Pengajaran Asia Pasifik* 3, no. 2 (2015), 1–11.

⁵²Mohd Suhaimin Isnen, "23 Contoh Aktiviti Set Induksi Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc)," 2017, dicapai 10 september 2017, <https://cikgusuhaimin.blogspot.my/2017/06/23-contoh-aktiviti-set-induksi-dalam.html>.

gelombang 2 (SKPMg2) yang telah dilancarkan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti pada 13 September 2016 dan berkuatkuasa pada tahun 2017. Tujuannya adalah untuk memenuhi konsep Pembelajaran Abad ke-21 serta berperanan untuk menambahbaik konsep PdPc dari aspek pengisian aktiviti pembelajaran ke arah mewujudkan penglibatan murid secara aktif, lebih menyeluruh dan sistematik.⁵³

Gagne⁵⁴ dan Ee Ah Meng⁵⁵ mendefinisikan pembelajaran sebagai satu proses untuk memperolehi maklumat dan pengetahuan, menguasai kemahiran dan kecekapan dengan lebih baik serta membentuk perubahan tingkahlaku dan kepercayaan yang berlaku kepada murid akibat daripada berinteraksi dengan persekitaran atau keadaan yang dihadapinya.

Pemudahcara ialah menjadikan sesuatu tindakan itu senang. Dalam pendidikan, pemudahcaraan ialah proses menjadikan perlaksanaan aktiviti pendidikan dalam kelas menjadi lebih mudah dan berkesan.⁵⁶ Ia merujuk kepada kecekapan dan kemahiran guru yang bertindak sebagai fasilitator untuk memotivasi murid supaya sentiasa mempunyai keinginan belajar yang tinggi, membimbing dan menggalakkan mereka supaya aktif dalam setiap aktiviti pembelajaran yang dirancang dan memastikan proses pembelajaran yang berlangsung dalam jangka masa yang lama berjalan dengan lancar dan sempurna.⁵⁷

Sebagai pemudahcara, guru bukan lagi memainkan peranan utama dalam proses PdPc sebaliknya menjadi sebahagian daripada anggota yang mewujudkan bilik darjah yang kondusif.⁵⁸ Kemahiran pemudahcaraan guru dapat membentuk sahsiah dan mencungkil

⁵³Ibid.

⁵⁴Robert M. Gagne, *The Condition Of Learning*, 4th ed. (New York: Holt, Rinehart and Winston, 1970),5.

⁵⁵Ee Ah Meng, *Ilmu Pendidikan : Pengetahuan & Keterampilan Iktisas* (Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd, 2003), 250.

⁵⁶Assaras Hatim, "Kaedah Dan Strategi Pengajaran: Pemudahcara," 2012, dicapai 3 Mei 2017, <https://www.slideshare.net/syahbp/kaedah-dan-strategi-pengajaran>.

⁵⁷Ibid.

⁵⁸Galajda, Dagmara. "Teacher's Action Zone In Facilitating Group Dynamics," *Lingvarmarena* 3, no 1 (2012), 89–101.

potensi murid.⁵⁹ PdPc dalam kajian ini merujuk kepada strategi yang digunakan oleh GPI semasa mengajar komponen Ibadah tingkatan 4 di Kuching.

1.10.5 Kuching, Sarawak sebagai lokasi kajian.

Sarawak merupakan negeri terbesar dalam Malaysia menyamai hampir keluasan Semenanjung Malaysia dan terletak di Pulau Borneo. Kuching merupakan ibu negeri Sarawak yang didiami oleh pelbagai kaum seperti kaum Melayu, Cina, Bidayuh, Iban, Melanau, Orang Ulu dan lain-lain. Kedudukannya adalah di sebelah selatan Sarawak dan bersebelahan dengan bahagian Samarahan dan Sri Aman. Dari segi pentadbiran Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, bahagian Kuching terdiri daripada daerah Kuching, Padawan, Bau dan Lundu⁶⁰ serta mengandungi 45 buah sekolah menengah. Untuk tujuan kajian, penulis telah memilih enam buah sekolah sebagai lokasi kajian iaitu dua buah terletak di daerah Kuching, tiga buah terletak di daerah Padawan dan sebuah terletak di daerah Lundu. Rasional pemilihannya adalah sekolah-sekolah tersebut telah memenuhi kriteria sampel kajian iaitu murid Islam tingkatan 4 dari pelbagai tahap pencapaian akademik.

1.12 Penutup

Bab ini telah membentangkan perincian subtopik kajian meliputi latar belakang masalah kajian, pernyataan masalah kajian, matlamat dan objektif kajian, persoalan kajian, landasan teori, kepentingan kajian, definisi tajuk dan batasan kajian. Ia bertujuan untuk memberi kefahaman lebih jelas mengenai kajian ini. Ini akan menjadi asas kepada perbincangan dalam bab-bab seterusnya.

⁵⁹Yakcop Jantan dan Chua Yan Piaw, "Kompetensi Guru Dalam Membentuk Sahsiah Pelajar Sekolah," *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 4, no. 3 (2017), 1–12.

⁶⁰Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, "Latar Belakang Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak," 2017, dicapai 15 September 2017, <http://jpnsarawak.moe.gov.my/index.php/ms/profil-bm/latar-belakang>.

BAB DUA

KAJIAN PERPUSTAKAAN

2.1 Pendahuluan

Tumpuan bab 2 adalah berkisar tentang kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat terperinci supaya dapat memberikan input mendalam tentang kandungan kajian. Bab ini akan membincangkan tentang konsep ibadah dalam Islam, Pendidikan Islam KBSM, pendekatan, kaedah, teknik dan sorotan kajian-kajian lepas bagi memantapkan lagi dapatan kajian.

2.2 Konsep Ibadah dalam Islam

Kesempurnaan penciptaan manusia dan makhluk Allah yang lain seperti matahari, haiwan dan tumbuhan adalah bertujuan untuk membuktikan kepatuhan, ketaatan, pengabdian dan penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. Setiap perbuatan dan amalan manusia di dunia yang dilakukan dengan ikhlas termasuk perbuatan harus seperti bermuamalah akan diberikan pengadilan yang sewajarnya semasa di akhirat.⁶¹ Beberapa orang ulama seperti al-Asyqar,⁶² AL-Ghazālī,⁶³ ‘Abd Karīm Zaydān⁶⁴ dan Ibnu Taymiyyah⁶⁵ mengakui kepentingan ikhlas dan peranan niat untuk menyerlahkan nilai-nilai ‘*ubūdiyyah* terhadap Allah. Hamka⁶⁶ menyatakan tuntutan beribadah lebih mudah disempurnakan jika manusia menerima hakikat nilai pengabdian dan rasa tanggungjawab terhadap segala perbuatannya dengan penuh keinsafan dan kesedaran.

⁶¹Rushdi Ramli, “Nilai Ibadat Dalam Perbuatan Harus (Al-Af’āl Al-Mubāhah) : Tinjauan Terhadap Pemikiran Imām Ahmad Ibn Taymiyyah,” *Jurnal Fiqh* 7, no. 7 (2010), 149–166.

⁶² ‘Umar Sulaymān Al-Asyqar, *Maqāsid Al-Mukallafin : Al-Ikhlās* (Jordan: Dar al-Nafā’is, 1999), 149.

⁶³Abū Hamid Al-Ghazālī, *Ihyā’ ‘Ulūm Al-Dīn*, 3rd ed. (Beirut: Dār al-Khayr, 1990), 387.

⁶⁴ ‘Abd al-Karīm Zaydān, *Al-Wajīz Fī Usūl Al-Fiqh* (Beirut: Mu’assasah al-Risālah Nāsyīrūn, 2006), 23.

⁶⁵Ibn Taymiyyah, *Majmū’ Fatāwā Syaykh Al-Islam Ahmad Ibn Taymiyyah*, ed. 4 (Beirut, Dār Ibn Hazam, 2011.), 390.

⁶⁶Hamka, *Tafsir Al-Azhar*, jld 9 (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1990), 6927.

Ibadah dalam Islam merangkumi semua perbuatan dan aktiviti manusia untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Ibnu Taymiyyah⁶⁷ menegaskan bahawa ibadah haruslah dilaksanakan dengan penuh kesedaran, kasih sayang dan cinta terhadap Allah bagi melahirkan perasaan ikhlas ketika beribadah. Fathi Yakan⁶⁸ pula menyenaraikan beberapa perkara perlu diambil kira untuk memastikan seseorang itu muslim dari segi ibadah iaitu menjadikan seluruh ibadahnya hidup dan berhubung terus dengan Allah, khusyuk ketika beribadah, menghadirkan diri dan hati ketika beribadah, mempunyai perasaan tamak dan rakus ketika melakukan ibadah iaitu merasakan ibadahnya belum mencukupi, sentiasa melakukan *qiamulail*, *tadabbur* Al-Quran dan menjadikan doa sebagai *mi'raj* kepada Allah dalam semua urusan.

Justeru peranan ibadah sebagai tali penghubung antara *khāliq* dengan makhluk perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh muslim untuk memperoleh kebahagiaan abadi di akhirat.

Firman Allah S.W.T:

..... اَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ ۖ ...

al-Mukminun 23:23

Terjemahan: sembahlah Allah, tidak ada tuhan untuk kamu selain dariNya...

Berdasarkan ayat di atas dapatlah disimpulkan bahawa ibadah hendaklah dilakukan semata-mata ikhlas kerana Allah supaya dapat melahirkan mukmin sejati. Oleh itu, sangat bertepatanlah pengajaran komponen Ibadah Pendidikan Islam KBSM yang dipelajari di sekolah yang memberi penekanan mendalam dan pemantauan berterusan terhadap amali ibadah supaya penghayatan terhadap falsafah ibadah sentiasa subur dalam sanubari murid.

⁶⁷Ibn Taymiyyah, *'Ubūdiyyah* (Beirut, Maktabah Al-Islāmi, 1972), 38.

⁶⁸ FathiYakan, *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*, terj. Abu Mustafa Hamidy (Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 1996), 29-36.

2.2.1 Definisi Ibadah

Terdapat pelbagai pendapat yang membincangkan maksud ibadah dari segi bahasa. Ibadah menurut Kamus Dewan ialah bakti (khidmat) kepada tuhan seperti sembahyang, bersedekah dan sebagainya.⁶⁹ Al-Qaradawi⁷⁰ pula menjelaskan bahawa ibadah berasal dari perkataan bahasa arab yang bermaksud patuh, taat, setia, menyembah, menghambakan diri, merendah diri dan sebagainya sehingga sanggup melakukan apa sahaja yang telah diperintahkan. Setiap ketaatan dan kepatuhan yang diberikan secara mutlak adalah dianggap sebagai ibadah.⁷¹ Menurut kamus Lisan Arab,⁷² ibadah dari segi bahasa berasal daripada kalimah *al-tazālūl* iaitu menghinakan dan *al-khūdū'* iaitu tunduk dan rendah diri.

Manakala Al-Syiddieqy⁷³ mendefinisikan ibadah sebagai taat, menurut, mengikut dan tunduk. Al-Quran juga menyebut beberapa kali istilah ibadah yang memberikan maksud yang berbeza seperti penyembahan dan pengabdian,⁷⁴ taat⁷⁵ dan doa.⁷⁶ Pengabdian ini dikhususkan kepada Allah S.W.T dan bukannya kepada yang lain. Firman Allah S.W.T:

أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَبْنَىءَ آدَمَ أَنْ لَا تَعْبُدُوا الشَّيْطَانَ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿٦٠﴾

Surah Yasin 36:60

Terjemahan: Tidakkah kamu telah diperintahkan wahai anak-anak Adam, supaya kamu tidak menyembah Syaitan? Sesungguhnya ia adalah musuh nyata kamu.

⁶⁹Noresah Baharom, *Kamus Dewan*, 474.

⁷⁰Al-Qaradawi, *Al- 'Ibādah Fīl Islām* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 27.

⁷¹Mawdūdī, *Mabādī' Al-Islām*, 128-129.

⁷²Ibn Manzūr, *Lisān Al-'Arab* (Beirut: Dār Ihya' al-Turath, 1999), 271.

⁷³Al-Syiddieqy, T.M Hasbi, *Kuliah 'Ibādah*, terj Zulkifilee Yazid (Selangor: Thinkers Library Sdn Bhd, 1994), 1.

⁷⁴Al-Hamsī, Muhammad Hassan, *Qur'ān Karīm Tafsīr Wa Bayān Ma'a Asbāb Al-Nuzūl Lī Al-Suyūti* (Beirut: Dār al-Rasyid, t.t.), 523.

⁷⁵Zuhaylī, Wahbah, *Tafsīr Al-Munīr Fī Al-'Aqīdah Wa Al-Syarī'at Wa Al-Manhaj* (Beirut, t.p, 1991), 37.

⁷⁶Ibn Kathīr, 'Imād al-Dīn Abī Fidā Ismā'īl, *Tafsīr Al-Qurān Al-'Azīm* (Damsyik: Maktabah Dār al-Finā, 1998).

Dari segi istilah pula, majoriti ulama memberikan definisi yang hampir sama tentang ibadah. Al-Syiddieqy,⁷⁷ Muhammad Abduh,⁷⁸ Muhammad Qutub,⁷⁹ Al-Ghazali⁸⁰ dan Al-Asyqar⁸¹ telah mendefinisikan ibadah sebagai segala usaha manusia untuk melaksanakan perkara yang menjadi kesukaan dan keredhaan Allah SWT, mendambakan ganjaranNya di akhirat dan mengingatkan manusia tentang tujuan asal penciptaannya. Usaha ini berbentuk perkataan atau perbuatan, batin atau zahir serta meliputi semua aspek kehidupan manusia.

Al-Qaradawi⁸² merumuskan bahawa ibadah yang telah ditentukan oleh Allah mesti menepati dua faktor iaitu patuh kepada ketentuan Allah dan rasa cinta terhadap Allah. Perasaan cinta ini sangat penting supaya dapat menzahirkan keikhlasan untuk beribadah kepada Allah. Akhirnya akan lahirlah hubungan sosial yang baik dan mencapai *maqasid* ibadah yang telah ditetapkan.⁸³ Oleh itu semua aktiviti manusia yang selari dengan kehendak Allah S.W.T dan rasulNya yang dilakukan dengan penuh kesedaran, keikhlasan, ketaatan dan kecintaan kepada Allah S.W.T termasuk dalam pengertian ibadah.

Berdasarkan pengertian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa ibadah merupakan semua perbuatan muslim yang menunjukkan kerendahan diri untuk mematuhi setiap perintah Allah yang bertunjangkan ketaqwaan dan keikhlasan dalam perlaksanaannya di dunia. Ibadah juga merupakan titian bagi menghubungkan hamba dengan penciptaNya. Ia merupakan benteng dan tembok yang paling kukuh dan utuh selepas aqidah bagi menguatkan keimanan dan *taqarub* kepada Allah di samping menghindarkan diri dari semua perkara keji dan munkar. Oleh kerana itulah, PdPc komponen Ibadah menjadi salah satu komponen dalam Pendidikan Islam KBSM yang bermatlamat supaya murid dapat

⁷⁷Al-Syiddieqy, T.M Hasbi, *Kuliah 'Ibādah*, 4.

⁷⁸Muhammad Abduh, *Al-'Ibādah Fī al-Islām* (Kuwait: Maktabah al-Falāh, 1984), 26-27.

⁷⁹T.A Lathief Rousydiy, *Agama Dalam Kehidupan Manusia* (Jakarta: Rimbaw, 1986), 175.

⁸⁰Al-Ghāzālī, *'Ihya' Ulūm Al-Dīn*, Jilid III 387.

⁸¹Umar Sulaymān Al-Asyqār, *Al-Nīyyāt Fī Al-Ibādāt* (Amman: Dar al-Nafā'is, 2001).

⁸²Al-Qaradāwī, *Al-Ibādah Fī Al-Islām* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 31-32.

⁸³Ibn Khaldun, *Al-Muqadimah* (Beirut: Matba'ah Al-Arabiyyah, 1948).

mengenal Allah dengan lebih dekat apabila melaksanakan setiap suruhan dan meninggalkan laranganNya.

2.2.2 Bahagian Ibadah

Ibadah dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian. Al-Asfahānī⁸⁴ telah membahagikan ibadah kepada dua jenis iaitu ibadah sukarela dan ibadah yang ditentukan. Manakala Abu Bakar⁸⁵ mengkategorikannya kepada lima bentuk iaitu ibadah *qawliyyah*, *jismiyyah*, *māliyyah*, *qawliyyah jismiyyah* dan *qawliyyah jismiyyah wa māliyyah*. Untuk tujuan kajian ini, penulis akan membahagikan ibadah kepada dua bahagian sahaja iaitu ibadah umum dan ibadah khusus. Ibadah umum⁸⁶ meliputi setiap amalan atau perbuatan yang biasa dilakukan oleh seorang muslim untuk mencapai keredaan Allah seperti menuntut ilmu, berinteraksi sosial, menghormati ibu bapa dan berjual beli serta dilakukan dengan niat ikhlas semata-mata kerana Allah S.W.T sepertimana firmanNya:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Surah al-Baqarah 2:275

Terjemahan: Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba ...

Tajuk-tajuk dalam komponen Ibadah Pendidikan Islam tingkatan 4 juga mengupas tentang ibadah umum iaitu bahagian muamalah dalam Islam seperti jual beli, ar-rahnu, sewaan, hutang dan sebagainya yang bertujuan untuk mendidik murid tatacara untuk bersosial dan bergaul dengan masyarakat di samping menjana ekonomi Islam.

⁸⁴ Al-Asfahānī, Al-Rāghib, *Al-Mufradāt* (Mesir: Maktabah Mustafā al-Bāb al-Halabī wa Awlāduhu, 1961), 315.

⁸⁵ Abu Bakar Ismail, *Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar* (Kuala Lumpur: Era Visi Publication Sdn Bhd, 2003), 594.

⁸⁶ Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail dan Noor Shakirah Mat Akhir, "Kaedah Penerapan Ibadah Dalam Kaunseling," *Jurnal Teknologi 1*, no. 59 (2012), 87–92.

Untuk memastikan setiap amalan yang dilakukan dianggap sebagai ibadah dan diterima oleh Allah S.W.T, Al-Qaradawi⁸⁷ telah meletakkan beberapa syarat. Antaranya ialah amalan yang dilakukan mestilah bersesuaian dengan hukum Islam, ikhlas semata-mata kerana Allah, sentiasa mengikut hukum-hukum syarak, tidak melangkaui batasan dan tidak meninggalkan ibadah-ibadah khusus kerana mengutamakan ibadah umum.

Ibadah khusus⁸⁸ pula merangkumi amalan-amalan tertentu yang wajib dilakukan oleh orang Islam untuk menunjukkan sepenuh ketaatan terhadap setiap perintah dan larangan Allah. Ia meliputi rukun Islam iaitu mengucap dua kalimah syahadah, mengerjakan solat, menunaikan zakat, puasa di bulan Ramadan dan mengerjakan haji di Mekah. Ini bertepatan dengan tajuk yang diajar dalam komponen Ibadah tingkatan 4 iaitu tajuk Lambaian Kaabah yang merupakan rukun Islam kelima. Firman Allah S.W.T:

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Surah Al-Baqarah 2:196

Terjemahan: Sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah.

2.2.3 Tujuan Ibadah

Allah tidak menjadikan manusia secara sia-sia tanpa tujuan tertentu. Penciptaan manusia adalah untuk beribadah dan mengabdikan diri kepada Allah pada setiap masa dan tempat sebagai tanda berterima kasih dan bersyukur di atas segala nikmatNya yang terlalu banyak seperti nikmat iman, nikmat Islam, nikmat ilmu, nikmat pancaindera dan sebagainya.⁸⁹

Firman Allah dalam surah al-Nahl:

⁸⁷Al-Qaradawi, *Al-'Ibādah Fi Al-Islām*, 62.

⁸⁸ Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, dan Noor Shakirah Mat Akhir, "Kaedah Penerapan Ibadah Dalam Kaunseling." 87-92.

⁸⁹Hamka, *Tafsir Al-Azhar*, jld 9, (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1990).

وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا ۚ إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ

Surah al-Nahl 16:18

Terjemahan: Dan andai kamu mengira nikmat Allah (yang dilimpahkan kepada kamu), kamu tidak akan dapat mengiranya satu persatu, Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

Mustafa⁹⁰ menggunakan analogi seorang anak yang dijaga oleh ibu bapanya serta diberikan limpahan kasih sayang dan disediakan pendidikan sejak dari kecil lagi. Bila dewasa dan mempunyai kehidupan yang stabil, wajarlah anak tersebut berkhidmat kepada kedua orang tuanya sebagai membalas jasa mereka selama ini. Analogi ini jelas menunjukkan perbandingan bahawa manusia sebagai makhluk Allah yang sempurna penciptaannya sangat dituntut untuk mengabdikan diri melalui ibadah sebagai tanda berterima kasih. Oleh itu GPI perlu memastikan strategi PdPc komponen Ibadah di sekolah mampu mendidik murid menjadi muslim sejati yang sentiasa beribadah kepada Allah sebagai tanda kesyukuran.

Selain itu, pengabdian terhadap Allah adalah bersesuaian dan bertepatan dengan naluri semulajadi manusia yang telah bersetuju dengan akujanji semasa berada di alam roh iaitu untuk menyembah Allah yang Esa sahaja.⁹¹ Sesiapa yang ingkar dan enggan tunduk kepada Allah dianggap telah menyalahi naluri semulajadi mereka. Hal inilah yang diterap dan ditekankan oleh GPI ketika mengajar komponen Ibadah di sekolah. Firman Allah S.W.T dalam surah al-A'raf:

⁹⁰Mustafa Haji Daud, *Konsep Ibadah Menurut Islam* (Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 101.

⁹¹ Al-Qaradawi, *Al-'Ibādah Fi Al-Islām*, 21.

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَى أَنْفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ

هَذَا غَافِلِينَ ﴿١٧٢﴾

al-A'raf 7:172

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri (sambil ia bertanya dengan firmanNya): “Bukankah Aku Tuhan Kamu?” Mereka semua menjawab: Benar (Engkaulah Tuhan Kami), kami menjadi”. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat nanti: “Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid).

Seterusnya, ibadah juga dapat membuktikan kelemahan manusia sebagai hamba yang sentiasa mengharapkan pertolongan Allah dengan meletakkan sepenuh pergantungan terhadapNya.⁹² Ini menunjukkan bahawa ibadah merupakan hak Allah yang wajib dilaksanakan dengan penuh keikhlasan dan ketaqwaan. Hak-hak Allah mestilah diutamakan untuk menjamin kesejahteraan hidup mereka di dunia seperti melakukan solat di awal waktu, berpuasa di bulan Ramadan dan sebagainya. Tindakan sekolah mewajibkan solat zohor secara berjamaah sebelum balik ke rumah selepas sesi persekolahan membuktikan GPI berusaha menerapkan elemen penghayatan terhadap ibadah dengan mengutamakan hak Allah. Firman Allah dalam surah al-Baqarah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

Al-Baqarah 2:21

Terjemahan: Wahai manusia! sembahlah tuhanmu yang telah menciptakanmu dan mereka yang sebelummu, mudah-mudahan kamu tergolong dalam golongan orang yang bertaqwa.

⁹²Mustafa Daud, *Konsep Ibadah Menurut Islam*, 107.

Tujuan ibadah seterusnya ialah dapat menimbulkan perasaan gemar dan seronok melaksanakan amal ibadah ke dalam diri dan merasa rugi jika meninggalkannya.⁹³ Amalan ini dapat diterapkan apabila GPI mengajak murid Islam melakukan solat secara berjamaah dan berpuasa bersama rakan sekelas. Ganjaran dan galakan seperti motivasi dan pujian boleh diberikan supaya murid sentiasa berminat dan melakukan ibadah tersebut secara berterusan tanpa jemu sepanjang hidup mereka.⁹⁴ Firman Allah SWT:

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي

Surah Taha 20:14

Terjemahan: Sesungguhnya akulah Allah, tiada tuhan selain daripada Aku. Maka sembahlah Aku dan kerjakanlah solat untuk mengingatiKu.

Di samping itu, murid yang sentiasa istiqamah dalam melaksanakan ibadah sudah pasti dapat membersihkan hati dan jiwa dari perbuatan keji dan mungkar.⁹⁵ Sebagai remaja, mereka sering terdedah dengan pelbagai godaan ke arah melakukan maksiat. Justeru peringatan menerusi galakan beribadah yang dilakukan oleh GPI di sekolah saban hari diharap mampu menangkis segala hasutan syaitan untuk mendekati maksiat kerana ibadah merupakan benteng yang kukuh untuk ditembusi. Firman Allah SWT:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Al-Ankabut 29:45

Terjemahan: Sesungguhnya solat itu dapat mencegah dari perbuatan yang keji dan munkar.

⁹³Muhammad Al-Mubarak, *Sistem Islam : Aqidah Dan Ibadah, terj Ismail Mohd Hassan* (Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, t.t.), 350.

⁹⁴Ghazali Darusalam, *Pedagogi Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd, 2001), 294-295.

⁹⁵Ibid, 295.

Selain itu, penghayatan sepenuhnya terhadap ibadah dapat melahirkan muslim yang menjadikan syariat Islam sebagai satu cara hidup.⁹⁶ Sebagai muslim, seseorang itu akan memastikan setiap gerak lakunya berada dalam landasan ibadah yang menepati kehendak syariah kerana ia mempunyai nilai di sisi Allah dan akan dihisab di akhirat nanti. Sebagai contoh, murid yang beriman tidak akan ponteng kelas, menipu dalam peperiksaan dan sebagainya malahan mereka akan berusaha untuk menyerlahkan sifat-sifat mahmudah dalam pergaulan seharian.⁹⁷ Firman Allah S.W.T:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧٨﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٧٩﴾

Surah Al-Zalzalah 99: 7-8

Terjemahan: Maka sesiapa berbuat kebaikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalannya). Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalannya).

Akhir sekali ibadah dapat memberi ketenteraman kepada jiwa, hati dan fikiran.⁹⁸ Dalam komponen Ibadah Pendidikan Islam KBSM, tajuk solat diajar secara teori dan praktikal supaya murid sentiasa menyerah sepenuhnya kepada Allah. Solat yang dilakukan secara ikhlas akan membina kekuatan jiwa, khusyuk dalam solat pula boleh mencegah seseorang daripada melakukan perkara mungkar manakala zikrullah akan meningkatkan amar makruf nahi mungkar. Hasilnya akan berlaku peningkatan dalam amal ibadah.

2.2.4 Penerapan Elemen Penghayatan dalam Ibadah

Penghayatan dalam ibadah lahir daripada keimanan yang mantap terhadap Allah. Keimanan pula merupakan perangsang dan pemangkin yang membangkitkan motivasi

⁹⁶Al-Qaradawi, *Al-'Ibādah Fi Al-Islām*, 66.

⁹⁷Zainal Abidin Abdul Kadir, "Ke Arah Amalan Dan Penghayatan Nilai Islam Satu Pendekatan Bersepadu," dalam *Pendidikan Islam : Peranannya Dalam Pembangunan Ummah* (Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn Bhd, 1994), 110.

⁹⁸ Ghazali Darusalam, *Pedagogi Pendidikan Islam*, 295.

dalam untuk melakukan ibadah dengan bersungguh-sungguh. Nik Azis⁹⁹ merujuk penghayatan sebagai proses menjadikan sesuatu perkara sebagai amalan atau satu tabiat yang bermula dengan ilmu, keyakinan dan keinginan sebelum sesuatu konsep aqidah, ibadah dan akhlak dapat dihayati. Oleh itu, penulis akan membincangkan penerapan elemen penghayatan dalam ibadah melalui pendidikan secara tidak formal dan formal.

Melalui pendidikan tidak formal ibu bapa bertanggungjawab memastikan elemen penghayatan dalam pendidikan Islam yang sempurna dapat diserap dalam kehidupan anak menerusi kaedah pembiasaan dan latihan.¹⁰⁰ Anak-anak umpama kain putih yang suci dan perlu dicorak mengikut acuan Islam yang sebenar iaitu bersumberkan Al-Quran dan Hadis.¹⁰¹ Mendidik anak tentang pelaksanaan ibadah juga tidak terkecuali daripada tanggungjawab ibu bapa. Ibadah asas seperti solat hendaklah diajar semenjak kecil lagi supaya ibadah tersebut menjadi kelaziman dan kebiasaan dalam jiwa anak. Ini diperkukuhkan dengan pesanan Rasulullah kepada ibu bapa supaya membiasakan anak dengan ibadah solat ketika berusia tujuh tahun dan memukul mereka ketika berusia 10 tahun jika mereka enggan berbuat demikian.¹⁰² Pemantauan dan pengawasan yang berterusan juga perlu dilakukan untuk memastikan anak sentiasa melakukan ibadah dan seterusnya terhindar daripada siksa api neraka.¹⁰³ Firman Allah S.W.T:

قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Al-Tahrim 66:6

Terjemahan: Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka...

⁹⁹Nik Azis Nik Pa, "Konsepsi Tentang Cabaran Dan Isu Kritikal Dalam Pendidikan Islam," dalam *Isu-Isu Kritikal Dalam Pendidikan Islam Dan Pendidikan Bahasa Arab Berteraskan Pendekatan Islam Hadhari* (Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007), 1–33.

¹⁰⁰Alavi, H.R. "Al-Ghazali on Moral Education," *Journal of Moral Education* 36, no. 3 (2007), 309–319.

¹⁰¹Saedah Siraj, *Pendidikan Anak-Anak* (Sungai Buluh, Selangor: Alam Pintar Enterprise, 2003), 7-8.

¹⁰²Sulaymān, Abī Dawūd, *Sunan Abī Dawūd*, 'Kitāb al-Nikāh', no hadis 495 (Beirut: Dār al-Jayl, 1988), 130.

¹⁰³Fathiyah Mohd Fakhruddin dan Nor Hayati bt Alwi, "Pemahaman Tentang Falsafah Ibadah Dan Pengalaman Mengajar Ibadah Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah" (*Seminar Kebangsaan Kali Ke VI Majlis Dekan Pendidikan IPTA*, Institute Of Education IIUM, Kuala Lumpur, 23-25 September 2013), 229-.230.

Persekitaran yang sihat dapat meningkatkan keberkesanan penghayatan terhadap ibadah. Keluarga yang mementingkan solat dapat mendidik anak mereka untuk menghayati ibadah solat dalam kehidupan seharian.¹⁰⁴ Perasaan ingin tahu yang tinggi dalam jiwa anak akan menimbulkan sifat meniru setiap perlakuan ibu bapa dan mengulangi perbuatan tersebut yang seterusnya akan sehati dalam jiwa. Justeru, usaha ibu bapa yang berterusan menggalakkan anak mengerjakan solat secara berjamaah dapat mengeratkan kasih sayang dan menyerapkan elemen penghayatan terhadap ibadah. Ini selari dengan amalan Rasulullah yang sentiasa menunjukkan contoh teladan kepada para Sahabat termasuk dari aspek ibadah seperti bangun malam untuk mengerjakan solat tahajud.

Manakala pendidikan secara formal pula melibatkan proses pembelajaran di sekolah. GPI didapati menekankan ibadah solat dalam kalangan murid sehingga amalan wudhuk perlu diberi perhatian untuk memastikan murid dapat melakukannya dengan betul dan sempurna mengikut syarak.¹⁰⁵ Elemen penghayatan yang ingin diserap dalam jiwa murid menyebabkan GPI berusaha melakukan bimbingan, latihan, pemerhatian, peringatan dan menunjukkan contoh teladan sama ada di dalam atau luar waktu PdPc agar murid biasa melakukan ibadah dan tidak kekok mempraktikkannya di rumah atau dalam kehidupan seharian. Jamjoon¹⁰⁶ menyatakan GPI yang memiliki kemantapan penghayatan terhadap ibadah mampu mendorong murid sama-sama menghayati ibadah yang sebenar dan terhindar daripada amalan-amalan negatif.

Setelah selesai mengajar tajuk-tajuk yang berkaitan dengan ibadah di dalam kelas, GPI berusaha membangkitkan elemen penghayatan dalam diri murid dengan mewujudkan

¹⁰⁴Walijah Ahmad Jamburi, "Penghayatan Ibadah Dalam Kalangan Pelajar Islam : Kajian Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Petaling Jaya, Selangor" (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2010),42.

¹⁰⁵Fathiyyah Mohd Fakhruddin, *Peranan Dan Cabaran Guru Dalam Pengajaran Pendidikan Islam*, 2nd ed. (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2014), 39-40.

¹⁰⁶Jamjoon M.I, "Female Islamic Studies Teacher In Saudi Arabia : A Phenomenological Study," *Journal Of Teaching and Teacher Education* 26, no. 3 (2010), 547-558.

program sokongan sekolah seperti solat berjamaah, tadarus Al-Quran, bacaan yasin dan iftar jamaie serta aktiviti-aktiviti hari kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul, Isra' Mikraj, Solat Hajat Perdana serta program-program dakwah yang lain. Program seperti ini dapat memperkukuhkan amalan penghayatan ibadah supaya terus diamalkan pada masa akan datang. Ini dibuktikan oleh kajian Fazidah¹⁰⁷ dan Zakiah¹⁰⁸ yang mendapati pembudayaan program dakwah yang diadakan di sekolah merupakan cara terbaik untuk pembersihan rohani serta membantu meningkatkan penghayatan amalan Islam.

Selain itu bahan bacaan yang bermutu seperti buku, majalah dan suratkhbar serta pergaulan dengan rakan yang baik juga dapat menyuburkan elemen penghayatan dalam diri seseorang.¹⁰⁹ Pembacaan bahan bacaan yang berkualiti dan sesuai dapat membantu murid meningkatkan pemahaman dan pengetahuan. Faktor pemilihan rakan juga penting kerana rakan yang baik boleh membimbing ke arah kebaikan sedangkan pemilihan rakan yang salah boleh menyebabkan kemerosotan penghayatan dalam ibadah.

Kesimpulannya penglibatan semua pihak adalah penting bagi memastikan generasi akan datang terus menghayati ibadah dalam kehidupan mereka. Asas yang kukuh ditambah pula dengan persekitaran yang positif dapat memberi impak yang besar dan berkesan dalam mewujudkan elemen penghayatan ibadah dalam diri.

2.3 Mata Pelajaran Pendidikan Islam KBSM

Komponen Ibadah merupakan satu komponen dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam. Untuk memahami lebih mendalam tentang komponen Ibadah, penulisan dalam bab ini akan meninjau terlebih dahulu tentang Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan

¹⁰⁷Fazidah Md Shukor, "Penglibatan Guru Dan Keberkesanan Program Dakwah Di Sekolah" (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2004),60.

¹⁰⁸Zakiah Hj Ariffin, "Pembudayaan Iklim 'DINI' Di Sebuah Sekolah Di Perak" (Sarjana Kependetaan, Universiti Malaya, 2005),58.

¹⁰⁹Nasih, Ulwan Abdullah, *Tarbīyah Al-Awḷād Fi Al-Islām* (Kaherah: Dār al-Salām, 1996).

Islam, matlamat Pendidikan Islam, objektif dan kandungan kurikulum komponen Ibadah Pendidikan Islam dan tajuk PdPc komponen Ibadah tingkatan 4.

2.3.1 Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

KPM telah merangka FPK yang dijadikan sebagai panduan bagi semua aktiviti pendidikan di Malaysia. Pernyataan FPK ialah:

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”¹¹⁰

Berdasarkan falsafah tersebut, tujuan pendidikan adalah untuk pembangunan diri secara menyeluruh dan seimbang supaya dapat menyumbang kepada masyarakat dan negara.

2.3.2 Falsafah Pendidikan Islam (FPI)

Falsafah Pendidikan Islam juga telah dirangka untuk menjadi landasan kepada semua aktiviti Pendidikan Islam KBSM tetapi tidak lari daripada FPK. Pernyataan FPI adalah:

“Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di ahirah.”¹¹¹

Berdasarkan kepada FPI inilah, matlamat Pendidikan Islam telah dibentuk untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh, beradab dan

¹¹⁰Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM* (Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002),iv.

¹¹¹Ibid,v.

berakhlak mulia berdasarkan Al-Quran dan al-Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara.¹¹²

2.3.3 Objektif dan Kandungan Kurikulum Komponen Ibadah Pendidikan Islam

KPM telah menetapkan objektif PdPc komponen Ibadah Pendidikan Islam KBSM adalah untuk memperkukuh dan mempertingkatkan amalan ibadah-ibadah fardu Ain serta memahami sumbangan fardu Kifayah sebagai kewajipan umat Islam untuk menyumbang kepada kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.¹¹³

Kandungan kurikulum Pendidikan Islam KBSM dibahagikan kepada tiga bidang pembelajaran iaitu Tilawah Al-Quran dan Hadis, Ulum Syar'iyah dan Adab Berteraskan Akhlak Islamiah. Komponen Ibadah terkandung dalam Ulum Syar'iyah yang bertujuan untuk memenuhi keperluan setiap muslim bagi mencapai kebahagiaan dalam kehidupan bersesuaian dengan peringkat dan tahap prestasi murid sekolah menengah. Ia juga memberi tumpuan untuk menyerapkan penghayatan terhadap ibadah menerusi pengetahuan dan pemahaman tentang peraturan dan disiplin ibadah yang telah ditentukan oleh Allah SWT serta melakukannya.¹¹⁴

Pendidikan Islam diperuntukkan sebanyak empat masa untuk menengah atas (3+1) iaitu tiga masa untuk PdPc dan satu masa untuk amali solat. Amali solat perlu diisi dengan solat secara berjamaah dan tazkirah yang mempunyai hubungkait dengan sukatan pelajaran sebagai satu aktiviti pengayaan. Pembahagian masa yang efektif membolehkan GPI melaksanakan setiap bidang pembelajaran yang telah ditetapkan oleh BPI KPM.

¹¹²Ibid,1.

¹¹³Ibid,2.

¹¹⁴Ibid, 3-4

2.3.4 Tajuk Komponen Ibadah Pendidikan Islam Tingkatan 4

Antara tajuk-tajuk dalam komponen Ibadah Pendidikan Islam tingkatan 4 ialah:¹¹⁵

1. Lambaian Kaabah
 - a) Kewajipan Haji dan Umrah
 - b) Cara menyempurnakan ibadah Haji dan Umrah
 - c) Wajib Haji dan Umrah
 - d) Cara mengerjakan Haji dan jenis-jenis dam
2. Sembelihan, Korban, Aqiqah
3. Muamalat dalam Islam
 - a) Jual beli
 - b) Sewaan
 - c) Gadaian
 - d) Syarikat
 - e) Insurans
 - f) Saham
 - g) Hutang

2.4 Pendekatan PdPc Komponen Ibadah Pendidikan Islam

Kamus Dewan¹¹⁶ mendefinisikan pendekatan sebagai satu kaedah atau cara yang digunakan apabila hendak melakukan sesuatu tugas. Mok Soon Sang,¹¹⁷ Tengku Sarina¹¹⁸ dan Richard dan Rodgers¹¹⁹ mentakrifkan pendekatan sebagai cara untuk

¹¹⁵Fauziah Mohd Ramli dan Aminah Idris, *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 4*, 2nd ed. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), 6.

¹¹⁶Noresah Baharom, *Kamus Dewan*, 328.

¹¹⁷Mok Soon Sang, *Pedagogi : Semester 111* (Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman, 2002), 50.

¹¹⁸Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, "Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Untuk Guru Pelatih," dalam *Panduan Latihan Mengajar Guru Pendidikan Islam*, 84.

mendekati sesuatu dan bagaimana PdPc berlaku berdasarkan kepada objektif yang telah ditentukan terlebih dahulu. Untuk tujuan kajian, penulis akan melihat pendekatan berdasarkan kepada dua aspek iaitu pendekatan berpusatkan guru dan pendekatan berpusatkan murid.

2.4.1 Pendekatan Berpusatkan Guru

Pendekatan berpusatkan guru¹²⁰ sering digunakan di dalam kelas. Melalui pendekatan ini, guru lebih mendominasi setiap aktiviti dengan memberi banyak penjelasan manakala murid mendengar dan menurut setiap arahan yang diberikan.¹²¹ Guru juga dilihat lebih bersifat autokratik dengan menyekat kebebasan murid untuk menyuarakan pendapat walaupun kadang-kadang pendapat murid didapati lebih berkualiti.¹²² Selain itu teknik PdPc guru lebih berfokus kepada penyampaian fakta melalui hafazan manakala murid digalakkan untuk menghafal setiap isi pelajaran. Dengan perkataan lain guru akan mengajar di hadapan kelas sementara murid akan menyelesaikan tugas yang sama dan dihadkan aktiviti untuk mengelak hilang tumpuan terhadap guru.¹²³

Prinsip asas pendekatan berpusatkan guru adalah bersandarkan kepada psikologi tingkahlaku iaitu perubahan tingkahlaku yang berlaku sebagai tindak balas terhadap rangsangan.¹²⁴ Dominasi guru di dalam kelas akan memperlihatkan peranan murid yang agak pasif dan tingkahlaku mereka perlu dibentuk oleh faktor luaran iaitu guru. Walau

¹¹⁹Richard, J.C and Rodgers, T.S, *Approaches And Methods In Language Teaching: A Description And Analysis* (Cambridge: Cambridge University Press, 2002), 19.

¹²⁰Mok Soon Sang, *Pedagogi Untuk Pengajaran & Pembelajaran* (Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd, 2011), 313.

¹²¹Dollard, N and Christensen, L, "Constructive Classroom Management" *Journal of Focus On Exceptional Children* 29, no. 2 (1996), 1–24.

¹²²Mok Soon Sang, *Pedagogi Untuk Pengajaran & Pembelajaran*, 315.

¹²³Boostrom, R, "The Nature And Function Of Classroom Rules," *Journal Of Curriculum And Inquiry* 21, no. 2 (1991), 193–216.

¹²⁴Conti G.J, "Identifying Your Educational Philosophy: Development Of The Philosophy Held by The Instructors Of Lifelong Learners," *Journal Of Adult Education* 36, no. 1 (2007), 19–35.

bagaimanapun pendekatan berpusatkan guru dapat mengukuhkan tingkahlaku murid ketika berada di dalam kelas seperti memberi perhatian dan melayan orang lain dengan baik, mengurangkan salah laku dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.¹²⁵ Kaedah kuliah, syarahan, hafalan dan bercerita sering dikaitkan dengan pendekatan ini.¹²⁶

2.4.2 Pendekatan Berpusatkan Murid

Pendekatan berpusatkan murid melibatkan komunikasi dua hala antara guru dan murid. Mereka akan bekerjasama melaksanakan PdPc iaitu guru bertindak sebagai pemudahcara atau *fasilitator* dalam membantu murid meneroka dan menjana idea bagaimana hendak menyelesaikan masalah pembelajaran dalam tempoh masa yang ditetapkan.¹²⁷ Ia merupakan suasana pembelajaran yang efektif di mana setiap perancangan, pengajaran, penilaian dan hasil pembelajaran bertumpukan kepada murid.¹²⁸

Pendekatan berpusatkan murid juga merupakan satu anjakan paradigma daripada pengajaran secara konvensional yang memfokuskan murid hanya mendengar apa yang disampaikan oleh guru beranjak kepada murid diberi pemahaman yang mendalam terhadap pengajaran guru.¹²⁹ Guru yang terlatih akan berusaha menyampaikan ilmu menggunakan kaedah yang sesuai dengan tahap pencapaian murid supaya mudah untuk murid faham dan ingat.

¹²⁵Elliot S and Busse R, "Social Skills Assessment and Intervention With Children and Adolescent," SAGE Journal 12, no. 2 (1991), 63–83.

¹²⁶Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Yusmini Yusoff, *Kaedah Mengajar Dan Kemahiran Interpersonal Guru* (Batu Cave, Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, 2006) 26-44, .

¹²⁷Tracey Garret, "Student-Centered And Teacher-Centered Classroom Management : A Case Study Of Three Elementary Teachers," *Journal Of Classroom Interaction* 43, no. 1 (2008), 34–47.

¹²⁸Zarina Muhammad, "Perlaksanaan Kaedah Student-Centered Learning (SCL) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia Dan Kenegaraan Malaysia Di Universiti Pertanian Malaysia," *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 8, no 8 (2007), 141–166.

¹²⁹Kamarul Azmi Jasmi dan Norhafizah Salleh, "Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Dan Guru Di Sekolah Menengah : Satu Kajian Kes," (3rd International Conference On Islamic Education (ICIEd 2013), EPF Institute, Kajang, 2013), 773–783.

Menurut Alizah,¹³⁰ Brophy¹³¹ dan Zamri,¹³² PdPc sebegini dapat membangunkan potensi murid untuk lebih bermotivasi, seronok belajar, bersikap positif, meningkatkan minat dan interaksi, sentiasa mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi, mampu mengatur masa dengan bijak, mahir dalam meneroka maklumat serta menggalakkan murid untuk berusaha mengaitkan apa yang dipelajari dengan pengetahuan sedia ada melalui perbincangan dan diskusi dengan rakan sekelas. Kaedah perbincangan, simulasi, koperatif, projek dan inkuiri penemuan merupakan antara kaedah yang popular dalam pendekatan ini.¹³³

2.5 Kaedah PdPc Komponen Ibadah Pendidikan Islam

Zawawi¹³⁴ menyatakan bahawa kaedah ialah satu ciri perancangan dan tindakan guru yang sistematik dalam menyampaikan bahan pengajaran untuk mencapai objektif khusus sesuatu pelajaran. Tamam et al.¹³⁵ dan Ayeni¹³⁶ menyatakan kebijaksanaan guru dalam pemilihan kaedah PdPc yang berkesan akan mempengaruhi keberkesanan proses PdPc yang berlaku dalam bilik darjah dan seterusnya mempengaruhi pencapaian murid. Oleh itu guru perlu merancang dengan teliti kaedah PdPc dengan mengambilkira kesesuaian saiz kelas, tajuk dan tahap prestasi murid.¹³⁷

¹³⁰Alizah Lambri, "Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berpusatkan Pelajar Di Universiti Awam : Perlaksanaan Dan Penerimaan Pelajar," *Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship (GBSE)* 2, no. 2 (2016), 31–43.

¹³¹Brophy, J, "Perspectives Of Classroom Management : Yesterday, Today And Tomorrow," in *Beyond Behaviorism : Changing The Classroom Management Paradigm*, ed. Freiberg, H. (Boston: Allyn and Bacon, 1999), 43–56.

¹³²Zamri Mahamod, *Inovasi P&P Dalam Pendidikan Bahasa Melayu* (Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012) 3–5.

¹³³Ec Ah Meng, *Pedagogi 2 Dalam Perlaksanaan Pengajaran* (Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1997), 23–37.

¹³⁴Zawawi Haji Ahmad, *Strategi Pengajaran Pendidikan Islam KBSM* (Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1992), 43.

¹³⁵Tamam Timbang et al., "Masalah Membaca Murid-Murid Sekolah Rendah Kerajaan Di Brunei Darussalam : Satu Kajian Kes," *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35, no. 2 (2010), 77–85.

¹³⁶Ayeni, A.J. "Teachers Professional Development And Quality Assurance In Nigerian Secondary School," *World Journal Of Education* 1, no. 2 (2011), 143–149.

¹³⁷Nurul Syuhada Johari, Fathiyah Mohd Fakhruddin dan Asmawati Suhid, "Pendekatan Dan Kaedah Pengajaran Ibadah Solat Guru Pendidikan Islam Menurut Perspektif Murid," *Online Journal Of Islamic Education* 4, no. 2 (2016), 49.

Pengaplikasian kaedah yang betul juga dapat membina keyakinan diri yang tinggi dan pemahaman yang mendalam dalam diri murid apabila mereka mampu menyelesaikan setiap aktiviti PdPc yang dirancang di dalam kelas.¹³⁸ Oleh itu kaedah haruslah bermula daripada mudah kepada susah supaya dapat mencapai objektif yang diharapkan.¹³⁹ Keperluan kepada kaedah yang betul dalam PdPc adalah penting bagi mewujudkan kesan yang positif dalam diri murid dan menghasilkan pembelajaran yang ideal. Bahagian seterusnya akan membincangkan kaedah yang terlibat dalam kajian ini.

2.5.1 Kuliah atau Syarahan

Kaedah kuliah atau syarahan merupakan kaedah yang paling popular dan sering digunakan dalam proses PdPc kerana perlaksanaannya yang lebih senang, jimat masa dan kurang melibatkan kos.¹⁴⁰ Havice,¹⁴¹ Stinson dan Claus¹⁴² serta Neo dan Rafi¹⁴³ mendefinisikan kaedah kuliah sebagai kaedah pengajaran secara lisan yang dapat memberi maklumat, menerapkan kefahaman serta mewujudkan minat dalam kalangan murid dengan menggunakan buku teks dan alat tulis.

Menerusi kaedah ini, murid hanya mendengar pengajaran guru, mencatat nota dan memikirkan semula isi pelajaran selepas pengajaran.¹⁴⁴ Ini dapat menimbulkan perasaan

¹³⁸Elvis Munyaradzi Ganyaupfu, "Teaching Methods And Student's Academic Performance," *International Journal Of Humanities And Social Science Invention* 2, no. 9 (2013), 29–35.

¹³⁹Reiguluth, C. and Stein, R. "Elaboration Theory Instructional," in *Instructional Theories And Designs*, ed. Reiguluth, C. (New Jersey: Erlbaum Associates Production, 1983), 335–381.

¹⁴⁰Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, dan Shahrin Awaluddin, "Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam: Konvensional Dan Inovasi," dalam *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam* (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 41.

¹⁴¹Havice, W.L. "College Students' Attitudes Toward Oral Lectures And Integrated Media Presentations," *Journal Of Technology Studies* 8, no. 1 (1999), 51–56.

¹⁴²Stinson, B.M and Claus, K. "The Effects Of Electronic Classrooms On Learning English Composition : A Middle Ground Between Traditional Instruction And Computer Based Instruction," *Journal Of Technological Horizons In Education* 27, no. 8 (2000), 106–107.

¹⁴³Neo, M and Rafi, A "Designing Interactive Multimedia Curricula To Enhance Teaching And Learning In The Malaysian Classroom From Teacher-Led To Student-Centered Experiences," *International Journal Of Instructional Media* 34, no. 1 (2007), 51–59.

¹⁴⁴ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, "Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Untuk Guru Pelatih," 89.

hormat dan menjadi pengikat kasih sayang antara guru dan murid¹⁴⁵ kerana pembelajaran yang berkesan dan pembentukan keunggulan sahsiah adalah berasaskan kepada perasaan kasih sayang yang wujud antara mereka. Steinert¹⁴⁶ dan Cantillon¹⁴⁷ menyarankan penggunaan BBM yang sesuai dan teknik yang menarik supaya kaedah syarahan akan menjadi lebih berkesan, efektif dan dinamik. Kaedah ini boleh diaplikasikan dengan memperkenalkan tajuk atau konsep yang baru, mengorganisasi idea yang kompleks, meningkatkan kemahiran berfikir dan untuk menarik minat murid terhadap PdPc.

Kajian Susie¹⁴⁸ mendapati kaedah kuliah diterima dengan baik oleh murid, namun dapatan kajian Ling¹⁴⁹ dan Kiing¹⁵⁰ menunjukkan kaedah kuliah tidak mempengaruhi gaya pembelajaran murid. Ini selari dengan kajian Azizi dan Syazwani¹⁵¹ yang mendapati gaya pembelajaran murid adalah berbeza-beza. Justeru mereka mencadangkan supaya murid diberi peluang untuk mengkritik, mengemukakan cadangan dan mengutarakan soalan kepada guru berkaitan isi pelajaran. Al-Ghazali¹⁵² sendiri menekankan kemahiran mendengar yang perlu ada pada seseorang guru supaya PdPc menjadi lebih berkesan.

Sebagai contoh dalam PdPc komponen Ibadah, GPI boleh memilih tajuk sembelihan dengan menjelaskan terlebih dahulu maksud dan semua perkara yang berkaitan dengan

¹⁴⁵Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi, Pedagogi Pengajian Islam* (Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd, 2011), 108.

¹⁴⁶Steinert, L, "Interactive Lecturing: Strategies For Increasing Participant In Large Group Presentation," *Med Tech* 21, no. 3 (1999), 37–42.

¹⁴⁷Cantillon, P, "ABC Of Learning And Teaching In Medicine: Teaching Large Group," *BMJ* 23, no. 6 (2003), 437–440.

¹⁴⁸Susie Tiong, "Kajian Perbandingan Kesan Penggunaan Kaedah Peta Konsep Dan Kaedah Kuliah Terhadap Pencapaian Esei Biologi Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat" (Disertasi Sarjana, Universiti Utara Malaysia, 2011), 89.

¹⁴⁹Ling Leh Sieng, "Hubungan Antara Kaedah Kuliah Dan Gaya Pembelajaran Pelajar Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah: Satu Kajian Kes" (Disertasi Sarjana, Universiti Utara Malaysia, 2011), 48.

¹⁵⁰Kiing Siaw Wei, "Tahap Keberkesanan Kaedah Berbantuan Komputer Dan Kaedah Kuliah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Geografi" (Disertasi Sarjana, Universiti Utara Malaysia, 2011), 67.

¹⁵¹Azizi Yahaya dan Syazwani Abdul Razak, "Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dan Kaedah Pengajaran Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan" (Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 2008), 1-17.

¹⁵²Al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm Al-Dīn*.

sembelihan seperti perkara sunat, mahruh dan cara melakukan sembelihan.¹⁵³ Apabila semua murid telah faham, mereka dapat melakukan amali sembelihan dengan penuh yakin.

2.5.2 Hafazan

Menurut R.M Saat et al.¹⁵⁴ hafazan melibatkan proses pembelajaran, proses mengingat sesuatu, menjadi tempat simpan ingatan, tempat mengakses ingatan dan seterusnya menghasilkan perubahan tingkahlaku. Ia melibatkan daya usaha yang tinggi dan semangat juang yang kental bagi mengingat isi pelajaran yang diterima melalui cara lisan atau bertulis supaya apa yang dipelajari dapat dikeluarkan semula sepenuhnya.¹⁵⁵ Kepentingan kaedah hafazan dapat dilihat sejak zaman Rasulullah apabila baginda menghafal dan mengingat setiap wahyu daripada Allah. Natijahnya berlaku peningkatan kecerdasan minda, kekuatan ingatan dan keyakinan baginda dalam meneruskan misi dakwah.

GPI berperanan untuk menerangkan isi kandungan pelajaran sebelum melaksanakan kaedah hafazan.¹⁵⁶ Ia merupakan satu kaedah yang penting dalam PdPc komponen Ibadah kerana setiap niat dan bacaan dalam ibadah perlu kepada hafazan. Sekiranya kaedah ini diabaikan, murid pasti menghadapi kesukaran untuk mempelajari komponen Ibadah dengan lebih sempurna. Contohnya ialah niat Haji dan Umrah.¹⁵⁷

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهِمَا لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya: Sahaja aku mengerjakan haji dan umrah serta berihram dengan keduanya kerana Allah Ta'ala.

¹⁵³ Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, "Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 4", 45.

¹⁵⁴ R.M Saat, et al., "Memorization Activity And Use Of Reinforcement In Learning : Content Analysis From Neuroscience And Islamic Perspectives," *Journal Of Applied Science* 11, no. 7 (2011), 1113–1120.

¹⁵⁵ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi, Pedagogi Pengajian Islam*, 107.

¹⁵⁶ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*, 280.

¹⁵⁷ Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, "Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 4", 42.

Norizah et al.¹⁵⁸ mendapati teori kecerdasan pelbagai boleh digunakan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya dalam kaedah hafazan. Faza¹⁵⁹ mencadangkan supaya masa yang mencukupi diperlukan untuk mengaplikasikan kaedah hafazan bagi memastikan kualiti penguasaan murid terhadap hafazan tersebut. Nur Anisa¹⁶⁰ dalam kajiannya menyatakan latihan kognitif yang dilakukan berulang kali dan efisien dapat mengukuhkan daya ingatan seperti melakukan *takrir*, melatih tubi hafazan dan menulis semula hafazan. Ini bertepatan dengan teori Al-Ghazali yang menyatakan murid perlu menyebut berulang kali isi pelajaran bagi memantapkan kualiti hafazan mereka.

2.5.3 Penceritaan

Meiko¹⁶¹ berpendapat penceritaan merupakan satu aktiviti untuk menyampaikan peristiwa dengan menggunakan perkataan, imej, suara, pergerakan dan mimik muka secara santai untuk melontarkan idea dan merangsang daya imaginasi. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan mengulang semula fakta penting yang diperolehi daripada guru.¹⁶² Oleh itu, guru perlu kreatif dalam penyediaan ringkasan fakta cerita dan menguasai prinsip-prinsip dalam bercerita supaya selari dengan objektif yang ingin dicapai.

Selain itu guru juga dapat menerapkan aspek pembangunan insan dalam jiwa murid apabila mengembangkan isi pengajaran dengan bantuan murid.¹⁶³ Terlebih dahulu murid diarahkan untuk membuat persediaan mencari bahan atau cerita yang bersesuaian dengan

¹⁵⁸Norizah Tukiman, Abu Bakar Nordin, dan Zaharah Hussin, "Peningkatan Kemahiran Menghafaz Surah Dan Doa Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Pendekatan Berasaskan Teori Kecerdasan Pelbagai," *The Online Journal Of Islamic Education* 2, no. 1 (2014), 114–129.

¹⁵⁹Faza Ali Hassan, "Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Hafazan Al-Quran Di Sekolah Rendah Di Negeri Melaka" (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), 100.

¹⁶⁰Nur Anisa Abdul Halim, "Teknik Penaakulan Dalam Menghafaz Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Di Pahang" (Disertasi Sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2011), 92.

¹⁶¹Meiko, F. "Storytelling For Primary School English Provision: Is It Worth Exploring?," *Journal Of Child Development* 1, no. 2 (2011), 107–117.

¹⁶²Tengku Sarina Aini TengkuKasim, "Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Untuk Guru Pelatih," 90.

¹⁶³Ibid

objektif pelajaran sebelum menceritakannya semula kepada rakan sekelas dalam masa yang telah ditetapkan. Oleh itu Al-Quran menyarankan penggunaan kaedah ini ketika mendidik akhlak iaitu apabila bercerita tentang kisah-kisah Nabi¹⁶⁴ kerana menurut Al-Ghazali seorang guru perlu sentiasa menasihati muridnya supaya mencontohi tokoh-tokoh Islam untuk membangunkan sahsiah mahmudah.

Kajian yang dilakukan oleh Yatsugi¹⁶⁵ dan Amjad¹⁶⁶ membuktikan bahawa kaedah ini boleh meningkatkan minat murid untuk memperkayakan penggunaan bahasa, memberikan banyak pengalaman, memotivasikan murid, dan membangunkan kemahiran kefahaman terhadap isi pelajaran. Untuk PdPc komponen Ibadah, GPI boleh menggunakan kaedah ini untuk mengajar tajuk korban¹⁶⁷ iaitu menceritakan pengorbanan Nabi Ibrahim yang sanggup menyembelih anaknya Nabi Ismail semata-mata untuk membuktikan keimanannya terhadap Allah SWT.

2.5.4 Tunjuk cara atau Demonstrasi

Kaedah tunjuk cara atau demonstrasi adalah PdPc secara praktikal¹⁶⁸ yang dilakukan di hadapan murid terhadap sesuatu objek, proses serta membuat kesimpulan¹⁶⁹ dan dilakukan langkah demi langkah secara terus.¹⁷⁰ Melalui kaedah ini, murid akan dilatih untuk memerhati, meneliti, menilai dan melakukan sesuatu aktiviti mengikut prosedur atau arahan guru. Murid juga dapat mencontohi tunjuk cara yang dilakukan oleh guru dengan lebih

¹⁶⁴ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*, 307-308.

¹⁶⁵ Yatsugi, K. "Effective Classroom Practice Or Reading And Telling Story In A Picture Book.," (*Annual Conference Of The Japan Association For The Study Of Teaching English To Children*, Jepun, 2010).

¹⁶⁶ Amjad Anas Abd Malek, "Meneroka Potensi Penceritaan Digital Terhadap Motivasi Pelajar Sekolah Rendah Luar Bandar Dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris" (Disertasi Sarjana, Universiti Perguruan Sultan Idris, 2015), 115-120.

¹⁶⁷ Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, "Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 4", 47.

¹⁶⁸ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi, Pedagogi Pengajian Islam*, 105.

¹⁶⁹ Ghazali Darusalam, *Pedagogi Pendidikan Islam*, 41.

¹⁷⁰ Esah Sulaiman, *Asas Pedagogi* (Johor: Fakulti Pendidikan UTM, 2003), 156.

tepat di samping dapat membina keyakinan sendiri dalam menjayakan demonstrasi tersebut sama ada secara individu atau kerja amali.¹⁷¹

Jika dirancang dengan baik, kaedah tunjuk cara akan menjadi platform terbaik untuk mengukuhkan kefahaman tentang sesuatu konsep,¹⁷² meningkatkan motivasi¹⁷³ dan menambahkan penglibatan aktif murid dalam kerja di makmal.¹⁷⁴ Kaedah ini juga berkaitan dengan komunikasi lisan secara langsung dan penggunaan visual untuk memerhatikan proses, maklumat atau idea dari murid kerana mereka akan lebih ingat sesuatu yang mereka buat sendiri berbanding dengan apa yang mereka hanya dengar dan lihat.¹⁷⁵ Ibnu Khaldun¹⁷⁶ juga menekankan penggunaan pancaindera seperti penglihatan, pendengaran dan sentuhan dalam proses pembelajaran agar murid dapat belajar dengan lebih cepat. Untuk PdPc komponen Ibadah tingkatan 4, GPI boleh menggunakan kaedah ini dalam mendemonstrasi cara mengerjakan ibadah haji.¹⁷⁷

2.5.5 Latih tubi

Kaedah latih tubi adalah satu aktiviti mengulang isi penting, fakta atau kecekapan yang dipelajari sehingga dapat menguasai pelajaran dan meningkatkan kemahiran untuk menjamin ketekalan ingatan.¹⁷⁸ Melalui kaedah ini, murid dapat memberi jawapan secara

¹⁷¹ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, “Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Untuk Guru Pelatih,” 91.

¹⁷² Sweeder, R.D and Jeffery, K.A., “A Comprehensive General Chemistry Demonstration,” *Journal Of Chemical Education* 90, no. 1 (2013), 96–98.

¹⁷³ Ahmad Basheer et al., “The Effectiveness Of Teachers Use Of Demonstration For Enhancing Students Understanding Of And Attitudes To Learning The Oxidation-Reduction Concepts,” *EURASIA Journal Of Mathematics Science And Technology Education* 13, no. 3 (2017), 555–570.

¹⁷⁴ Price, D.S and Brooks, D.W “Extensiveness And Perceptions Of Lecture Demonstration In The High School Chemistry Classroom” (PHD Thesis, University Of Nebraska, 2011), 66.

¹⁷⁵ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, “Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Untuk Guru Pelatih,” 92.

¹⁷⁶ Ibn Khaldun, *Al-Muqadimah*.1948.

¹⁷⁷ Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, “Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 4”, 44.

¹⁷⁸ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi, Pedagogi Pengajian Islam*, 123.

cepat serta mampu mengikuti pembelajaran yang memerlukan pemikiran yang tinggi.¹⁷⁹ Kajian lepas menunjukkan kaedah latih tubi dapat menonjolkan satu tingkah laku baru,¹⁸⁰ membentuk kemahiran penyelesaian masalah¹⁸¹ dan cepat menguasai suatu konsep dalam pelajaran.¹⁸²

Ini bertepatan dengan teori Ibnu Khaldun¹⁸³ iaitu seorang guru perlu mengajar secara beransur-ansur dan berturut-turut mengikut tahap pencapaian murid. Dalam PdPc komponen Ibadah, GPI boleh menggunakan kaedah ini untuk mengajar tajuk dalam bab muamalat seperti syarikat apabila murid diminta untuk menyebut berulang kali ciri-ciri kategori syarikat yang patuh atau menyalahi syariah.

2.5.6 Pembelajaran Koperatif

Slavin,¹⁸⁴ Effendi¹⁸⁵ dan Wan Hasmah dan Nur Munirah¹⁸⁶ menyatakan kaedah koperatif melibatkan kerjasama murid dalam beberapa kumpulan kecil yang mempunyai pelbagai kemahiran dan kebolehan untuk menjalankan sesuatu aktiviti yang diarahkan oleh guru bagi mencapai objektif yang sama. Ia dapat dilaksanakan jika setiap ahli dalam kumpulan tersebut sama-sama bergerak, saling menyumbang idea atau pendapat, sentiasa bekerjasama

¹⁷⁹Swanson, H.L. and Sachse-Lee, C. "Mathematical Problem Solving And Working Memory In Children With Learning Abilities : Both Executive And Phonological Processes Are Important," *Journal Experimental. Child Psychology* 79, no. 3 (2001), 294–321.

¹⁸⁰Knowles, N.P "The Relationship Between Timed Drill Practices And The Increases Of Automaticity Of Basic Multiplication Facts For Regular Education Sixth Grades" (PHD Thesis, Walden University, 2010), 50-56. Ibnu Khaldun, *Al-Muqadimah*, 1948.

¹⁸¹Khoo Swee Chan, "Kaedah Latih Tubi Bervariasi Ke Arah Meningkatkan Pencapaian Cemerlang Dalam Matematik Tambahan" (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013)156-158.

¹⁸²Ewing, B. "Direct Instruction In Mathematics : Issues For School With High Indigenous Enrolments : A Literature Review," *Australian Journal Of Teacher Education* 36, no. 5 (2011), 64–91.

¹⁸³ Ibn Khaldun, *Al-Muqadimah*.

¹⁸⁴Slavin, R.E, "Cooperative Learning and Student Achievement," *Journal Of Educational Leadership* 146, no. 2 (1988), 31–33.

¹⁸⁵Efendi Zakaria, *Pembelajaran Koperatif* (Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), 1.

¹⁸⁶Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah, *Pembelajaran Koperatif*, Edisi kedua (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015),2.

untuk menangani cabaran dan memastikan isi pelajaran dikuasai sepenuhnya oleh setiap ahli kumpulan.

Kumpulan kecil yang dibentuk hendaklah terdiri daripada pelbagai kebolehan akademik, jantina dan bangsa untuk memastikan penglibatan semua murid dalam kumpulan apabila menyelesaikan tugas.¹⁸⁷ Ini bertepatan dengan teori Dunkin dan Biddle¹⁸⁸ yang menekankan pengalaman dan ciri-ciri personaliti murid untuk menjadikan proses PdPc lebih bermakna. Kaedah pembelajaran koperatif mampu meningkatkan pencapaian pelajar untuk memahami isi pelajaran,¹⁸⁹ menunjukkan kesan yang positif,¹⁹⁰ membina sikap berani¹⁹¹ dan memupuk semangat berpasukan.¹⁹² Dalam PdPc komponen Ibadah, GPI boleh mengajar tajuk jenis-jenis dam¹⁹³ apabila murid dari pelbagai tahap akademik sama-sama melakukan aktiviti untuk lebih memahami isi kandungan tajuk berkenaan.

2.5.7 Penyelesaian Masalah

Carson,¹⁹⁴ Tengku Sarina¹⁹⁵ dan Azita dan Zuriawahida¹⁹⁶ mendefinisikan kaedah penyelesaian masalah sebagai kemahiran guru untuk menggunakan masalah sebenar dalam

¹⁸⁷Johnson, D.W and Johnson, T.J, "Implementing Cooperative Learning," *Journal Of Contemporary Education* 63, no. 3 (1992), 173–180.

¹⁸⁸ Dunkin and Biddle, *The Study Of Teaching*.

¹⁸⁹Mustafa Kamal Saleh, "Kesan Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Tajuk Menterjemah Litar Skematik Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu" (Disertasi Sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2016) 199.

¹⁹⁰Zahara Aziz, Norazah Mohd Nordin, and Md Anowar Hossain, "The Effect Of Cooperative Learning On Mathematics Achievement In Rural Seondary Schools In Bangladesh," *International Journal Of Learner Diversity* 1, no. 1 (2009), 145–164.

¹⁹¹Mimi Mohaffyza Mohamad et al., "Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Koperatif Dalam Tajuk Reka Bentuk Dan Penghasilan Projek," (*Seminar Kebangsaan Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru*, Langkawi, 13-15 Disember 2008), 1-18.

¹⁹²Wan Hasmah Wan Mamat and Nur Munirah Teoh Abdullah, *Pembelajaran Koperatif*, 6-7.

¹⁹³ Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, "Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 4", 44.

¹⁹⁴Carson, J. "A Problem With A Problem Solving : Teaching Thinking Without Teaching Knowledge," *The Mathematics Educator* 17, no. 2 (2007), 7–14.

¹⁹⁵ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, "Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Untuk Guru Pelatih," , 92.

¹⁹⁶Azita Ali dan Zuriawahida Zulkifli, "Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Meningkatkan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Dalam Kalangan Pelajar," *Jurnal Pemikir Pendidikan* 1, no. 7 (2016), 113–116.

PdPc dan meminta murid untuk mengaplikasikan pelbagai kemahiran dan pengetahuan yang telah dipelajari selama ini untuk menyelesaikan masalah tersebut secara rasional, tanpa beremosi dan sedia menghadapi cabaran dunia masa kini. Savary¹⁹⁷ dan Zuriawahida¹⁹⁸ menjelaskan kaedah ini boleh dilakukan apabila murid menggabungkan teori dan praktis dengan mengenal pasti dan mentakrif masalah, mengumpul maklumat, menilai setiap alternatif penyelesaian masalah dan membuat keputusan.

Berdasarkan kajian lepas, kaedah penyelesaian masalah dapat meningkatkan pengetahuan pedagogi¹⁹⁹ dan kemahiran berfikir secara kreatif.²⁰⁰ Ibnu Khaldun menjelaskan PdPc akan lebih berkesan apabila dilaksanakan secara mendalam dan menyeluruh bagi mendapatkan hasil yang memuaskan. Dalam PdPc komponen Ibadah, murid boleh memikirkan cara untuk menyelesaikan masalah binatang sembelihan²⁰¹ yang disembelih menggunakan renjatan elektrik sama ada ia patuh atau menyalahi syariah.

2.5.8 Simulasi

Bitter dan Legacy²⁰² dan Tengku Sarina²⁰³ mendefinisikan kaedah simulasi ialah suatu pembelajaran yang menyamai situasi sebenar sebagai latihan untuk menyelesaikan masalah dan dilakukan secara terkawal di suatu tempat yang disediakan. Kaedah simulasi dapat

¹⁹⁷Savary J.R, "Overview Of Problem-Based Learning : Devinition and Distinction Interdisciplinary," *Journal Problem-Based Learning* 1, no. 1 (2006), 9–20.

¹⁹⁸Zuriawahida Zulkifli, "Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dan Menyelesaikan Masalah Dalam Kalangan Pelajar" (Laporan Projek Sarjana, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2016),14.

¹⁹⁹Meng Yew Tee and Shuh Shing Lee, "From Sosialisation To Internalisation : Cultivating Technological Pedagogical Content Knowlrdge Through Problem-Based Learning," *Australiasian Journal Of Educational Technology* 27, no. 1 (2011), 89–104.

²⁰⁰Halizah Awang and Ishak Ramly, "Creative Thinking Skill Approach Through Problem-Based Learning : Pedagogy and Practice In Engineering Classroom," *International Journal Of Social Sciences* 3, no. 1 (2008), 18–23.

²⁰¹Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, "Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 4", 45.

²⁰²Bitter, G. and Legacy, M. *Using Technology In The Classroom Highlights The Essential Topics Related To Using Technology In Education As Outlined In The ISTE Standards* (Virginia :Allyn and Bacon,2008), 318.

²⁰³ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, "Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Untuk Guru Pelatih," 95.

melatih pemikiran kritis dan menggalakkan sosialisasi, kolaborasi dan penglibatan aktif murid kerana mereka dapat merasai suasana yang sebenar.²⁰⁴ Kajian yang dilakukan oleh Mohd Fauzi²⁰⁵ ke atas murid bermasalah pendengaran mendapati kaedah simulasi dapat meningkatkan motivasi dan minat murid untuk menghafal, mengingat dan mempraktikkan rukun fi'li dalam solat.

Ini selari dengan Al-Ghazali yang menyatakan guru perlu mengajar mengikut tahap pencapaian murid dengan melibatkan penyertaan aktif murid semasa PdPc untuk menjadikan pembelajaran lebih kondusif. GPI boleh memilih tajuk jual beli²⁰⁶ menggunakan kaedah ini di mana skrip lakonan semasa proses jual beli disediakan terlebih dahulu oleh guru supaya murid mengalami sendiri pengalaman setiap watak yang dilakonan dan lebih memahami isi pelajaran. Usai berlakon, GPI boleh menjalankan aktiviti perbincangan mengenai konsep jual beli dalam Islam.

2.5.9 Projek

Veelasamy,²⁰⁷ Kaldi, Fillipatou dan Govaris²⁰⁸ dan Md. Baharuddin et al²⁰⁹ menyatakan kaedah projek merupakan aktiviti pembelajaran yang membolehkan murid membina kemahiran, mendapatkan ilmu dan menghasilkan produk secara sistematik melalui projek yang dijalankan semasa PdPc. Penglibatan murid adalah secara menyeluruh dan mereka

²⁰⁴Cleaborne, D. Moddux, *Educational Computing : Learning With Tomorrows Technologies* (Virginia : Allyn and Bacon, 1992), 113.

²⁰⁵Mohd Fauzi Isa, "Kesan Perlaksanaan Kaedah Simulasi Solat Terhadap Rukun Fi'li Bagi Pelajar Bermasalah Pendengaran" (Disertasi Sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2015), 210.

²⁰⁶ Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, "Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 4", 49.

²⁰⁷Naidoo, Veerasamy, "Project Based Learning: An Innovative Vehicle For The Assessment Of Student Learning In The Science Classroom" (Tesis PHD, Curtin University Of Technology, Australia, 2010).

²⁰⁸Kaldi, S. Filippatou, D. and Govaris, C. "Project-Based Learning Learning In Primary Schools : Effects On Pupils' Learning And Study," *International Journal Of Primary, Elementary And Early Years Education* 39, no. 1 (2011), 35–47.

²⁰⁹Md. Baharuddin Abd Rahman et al., "Project-Based Learning Practice At Politeknik Kota Bharu," *International Journal Of Education Studies* 2, no. 4 (2009), 140–148.

berpeluang untuk meningkatkan kemahiran yang tidak mungkin dapat dicapai melalui kaedah lain.²¹⁰ Murid akan melakukan sendiri setiap aktiviti yang dirancang supaya lebih mudah memahami isi pelajaran²¹¹ dan merasai pengalaman baru dengan mengaplikasikan maklumat yang sedia ada kepada situasi kehidupan seharian untuk menghasilkan sesuatu.²¹²

Kaedah projek mampu memberi kesan kepada peningkatan markah ujian murid,²¹³ meningkatkan pemahaman melalui kolaborasi ilmiah²¹⁴ dan menggalakkan pembelajaran sendiri dalam bentuk yang tersusun.²¹⁵ Ini disokong oleh teori Al-Ghazali yang menggesa guru supaya sentiasa memberi tunjuk ajar mengikut tahap pencapaian murid. Dalam PdPc komponen Ibadah, GPI boleh melibatkan murid untuk membuat pameran tentang produk-produk muamalat²¹⁶ dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam tingkatan 4 seperti kategori ar-rahnu, insurans dan saham semasa aktiviti Hari Koperasi peringkat sekolah.

2.5.10 Inkuiri

Guthrie²¹⁷ dan Tengku Sarina²¹⁸ menyatakan bahawa kaedah inkuiri adalah kesungguhan murid berusaha ketika menjalankan aktiviti atau program supaya dapat menemui maklumat, membuat ramalan tentang sesuatu masalah, mengenal pasti eksperimen yang tepat, mengumpul data, menghuraikan sesuatu fenomena dan membuat kesimpulan bagi sesuatu

²¹⁰Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, “Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Untuk Guru Pelatih,” 95.

²¹¹ Shahabuddin Hashim, Rozihani dan Mohd Zohir Ahmad, *Pedagogi: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan berkesan* (Kuala Lumpur: PTS Professional, 2007), 56.

²¹² Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*, 270.

²¹³Pau Chai Hung, “Penggunaan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek Untuk Membantu Murid Tahun Empat Memahami Tajuk Cara Tumbuhan Membiak,” (*Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Tindakan IPGM KBL*, Kuching, 2012), 254–268.

²¹⁴Rosyidatul Munawaroh, Bambang Subali dan Ahmad Sopyan, “Penerapan Model Project-Based Learning Untuk Membangun Empat Pillar Pembelajaran Siswa SMP,” *Unnes Physics Education Journal* 1, no. 1 (2012), 33–36.

²¹⁵Wan Nasriha Wan Mohamed Salleh, “Pembinaan Modul Pembelajaran Berasaskan Projek Bagi Tajuk Pembahagian Sel” (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 184.

²¹⁶Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, “Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 4”, 49.

²¹⁷Guthrie J.W, *Encyclopedia Of Education*, 2nd ed. (New York: McMillan Reference Publication, 2003).

²¹⁸ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, “Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Untuk Guru Pelatih,” 96.

perkara yang hendak diuji secara lebih teratur. Melalui kaedah ini, guru akan berperanan sebagai pembimbing dan pemerhati.²¹⁹ Murid harus menggunakan keupayaan akal fikiran hingga ke tahap maksimum untuk mencari jawapan kepada setiap persoalan yang timbul semasa PdPc sebagaimana yang disarankan oleh Ibnu Khaldun.

Kajian lepas menunjukkan kaedah inkuiri dapat menimbulkan minat dan keseronokan,²²⁰ meningkatkan pemahaman²²¹ dan mengembangkan kemahiran berfikir.²²² Namun kajian Po Lai Yin²²³ mendapati penguasaan murid terhadap kaedah inkuiri kurang memuaskan kerana faktor guru yang kurang berpengalaman dan keyakinan dalam pelaksanaan kaedah ini. Dalam PdPc komponen Ibadah, GPI boleh mengajar tajuk saham²²⁴ kerana murid boleh digalakkan untuk meneroka maklumat berkaitan saham melalui internet dan prospektus.

2.5.11 Permainan

Morrison²²⁵ menyatakan kaedah permainan merupakan satu kaedah mencabar yang disukai oleh murid untuk mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Kaedah ini menggalakkan murid melakukan sesuatu aktiviti dalam keadaan yang terkawal, bebas, selamat, menggembirakan dan bermakna. Ibnu Khaldun²²⁶ menyatakan bahawa kaedah permainan dapat mencabar kemampuan akal murid untuk menghasilkan sesuatu.

²¹⁹ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi, Dan Pedagogi Pengajian Islam*, 124-125

²²⁰ Wallace, C.S. and Kang, N.H. "An Investigation Of Experienced Secondary Science Teachers' Belief About Inquiry : An Examination Of Competing Belief Sets," *Journal Of Research In Science Teaching* 4, no. 9 (2004), 936–960.

²²¹ Schwarz, C. "Developing Preservice Elementary Teachers' Knowledge And Practices Through Modeling-Centered Scientific Inquiry," in *Wiley Interscience* (USA: Wiley Periodical, Inc, 2009), 721–744.

²²² Tuan, H.L. et al., "Investigation The Effectiveness Of Inquiry Instruction On The Motivation Of Different Learning Styles Student," *International Journal Of Science And Mathematic Education* 3, no. 4 (2005), 541–566.

²²³ Po Lai Yin @ Foo Lai Yin, "Pelaksanaan Pendekatan Inkuiri Secara Eksperimen Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kimia Di Sekolah Menengah" (Disertasi Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, 2011), 164.

²²⁴ Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, "Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 4", 56.

²²⁵ Morrison G.S, *Early Childhood Education Today* (New Jersey: Prentice Hall, 2000).

²²⁶ Ibn Khaldun, *Al-Muqadimah*.

Dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kaedah permainan dapat menarik minat murid terhadap pelajaran,²²⁷ menimbulkan keseronokan,²²⁸ meningkatkan penglibatan aktif,²²⁹ meningkatkan pencapaian,²³⁰ memperbaiki kemahiran pemikiran kritis²³¹ dan mempertajamkan kemahiran sosial.²³² Untuk PdPc komponen Ibadah, GPI boleh menggunakan set permainan ‘Pintar Haji’²³³ untuk tajuk Lambaian Kaabah.²³⁴

2.5.12 Lawatan

Kaedah lawatan adalah pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar murid di luar kelas.²³⁵ Semasa sesi lawatan, murid akan membuat pemerhatian, penyelidikan, penelitian dan merekod keadaan sebenar tentang tajuk yang telah dipelajari sebelum ini di dalam kelas.²³⁶ Kaedah ini bertepatan dengan teori Al-Ghazali yang menyatakan pengajaran guru hendaklah jelas dan mudah difahami oleh murid kerana tujuan kaedah lawatan adalah untuk memberi pengalaman sebenar tentang sesuatu perkara dan memantapkan pengetahuan murid tentang maklumat lokasi lawatan.

²²⁷Linah Summase, “Belajar Sambil Bermain,” (*Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL*, Kuching, 2009), 92–101.

²²⁸Zarah Ahmad, “Penggunaan Kaedah Permainan Program Realiti Televisyen Dalam Meningkatkan Minat, Sikap Dan Pencapaian Pelajar Sains Tingkatan 1 Dalam Topik Haba” (Tesis PHD, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 283-285.

²²⁹Nurhidayah Ibrahim dan Marzuki Ngah, “Meningkatkan Minat Murid-Murid Terhadap Pembelajaran Sains Dalam Tajuk ‘Perlindungan Haiwan Daripada Bahaya’ Menggunakan Kaedah Simulasi (Permainan),” *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG Kampus Dato Razali Ismail* 1, no. 2 (2011).

²³⁰Lau Ging Lim, “Kesan Penggunaan Kaedah Bermain Sambil Belajar Dalam Proses Pembelajaran Sains Tahun Empat,” (*Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Tindakan IPGM KBL*, Kuching, 2009), 195–209.

²³¹Chow Fook Meng dan Jaizah Mahamud, *Kajian Tindakan : Konsep Dan Amalan Dalam Pengajaran* (Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd, 2011).

²³²Norshidah Mohamad Salleh, “Penggunaan Permainan Dalam Pengajaran Pendidikan Islam : Satu Kajian Kes Di Sekolah Rendah Pendidikan Khas Masalah Penglihatan,” (*International Conference Of Research In Islamic And Arabic Language Education*, Mekah, 1-2 Jun 2012), 361–372.

²³³Jasmi Amin, “ABM Pintar Haji,” *Galeri Cemerlang*, 2016, dicapai 20 Oktober 2017, <http://galericemerlang.com/pintarhaji.htm>.

²³⁴ Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, “Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 4”, 44.

²³⁵Tal, T. and Morag, O. “Reflective Practice As A Means For Preparing To Teach Outdoors In An Ecological Garden,” *Journal Of Science Teacher Education* 20, no. 3 (2009), 245–262.

²³⁶Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*, 293.

Kajian lepas membuktikan kaedah lawatan sangat berkesan untuk membantu membina sosialisasi dengan rakan,²³⁷ meningkatkan pengetahuan dan keyakinan²³⁸ serta menunjukkan impak yang tinggi terhadap pemahaman.²³⁹ Untuk PdPc komponen Ibadah, GPI boleh membawa murid membuat lawatan ke pusat-pusat penyembelihan dan melihat sendiri bagaimana proses sembelihan²⁴⁰ dijalankan mengikut hukum syarak. Bahan-bahan seperti lembaran kerja, buku latihan dan berbagai tugas berkumpul perlu disediakan terlebih dahulu sebagai aktiviti murid semasa lawatan. Proses ini juga memerlukan kreativiti guru untuk membangunkan satu modul dan aktiviti yang menarik minat murid.²⁴¹ Oleh itu murid perlu berusaha untuk melakukan penerokaan mendalam dan siasatan terperinci tentang pelbagai perkara dan isu-isu ilmiah semasa sesi lawatan.

2.5.13 Pembelajaran berbantuan komputer (PBK)

Hede dan Hede,²⁴² Neo dan Rafi²⁴³ dan Ab. Halim²⁴⁴ menyatakan kaedah pembelajaran berbantuan komputer menggunakan pelbagai format media untuk mempersembahkan sesuatu maklumat seperti teks, grafik, animasi, video, bunyi, sistem pengajaran, tutorial,

²³⁷Mohamad Johdi Salleh dan Ariegusrini Agus, “Kaedah Lawatan Ke Tempat Sejarah : Kepentingan Dan Strategi,” dalam *Strategi Dan Model Pembelajaran Sejarah* (Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa, 2009), 127–138.

²³⁸Abdul Rasid Abdul Razzaq dan Mohamad Zaid Mustafa, “Pembangunan Keupayaan Komuniti Melalui Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Experiential Learning Approach): Pengalaman Di Miso Walai Homestay Kinabatangan Sabah,” (*CiE-TVET Prosiding 080*, UTHM Johor, 2-3 September 2014), 1196–1206.

²³⁹Kamelia Kamel, Cynthia Lee Poh Choo, dan Suzila Farni Mohamad Ibrahim, “Keberkesanan Kaedah Lawatan Sambil Belajar Dalam Meningkatkan Pemahaman Pelajar Bagi Subjek Migrasi Dan Menerbit Web” (Koleksi Artikel Kolej Komuniti Mas Gading: Sarawak, 2015), 1–18.

²⁴⁰Bahagian Pendidikan Islam dan Moral, *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

²⁴¹Ab Halim Tamuri, “Kreativiti Dan Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Malaysia,” dalam *Pendidikan Islam Di Malaysia: Cabaran Dan Penyelesaian*. (Kuala Lumpur: Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, 2014), 71.

²⁴²Hede, T. and Hede, A. “An Integrated Model Of Multimedia Effects On Learning,” *Journal Of Educational Multimedia And Hypermedia* 11, no. 2 (2002), 177–191.

²⁴³Neo and Rafi, “Designing Interactive Multimedia Curricula To Enhance Teaching And Learning In The Malaysian Classroom From Teacher-Led To Student-Centered Experiences.”, 51-59.

²⁴⁴Ab. Halim Tamuri, “Kreativiti Dan Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Malaysia.”, 71.

latih tubi, permainan pendidikan dan sistem sokongan berasaskan komputer. Guru perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam aplikasi terkini yang digunakan dalam PdPc²⁴⁵ serta mengetahui cara mengakses beberapa perisian komputer yang berasaskan pendidikan²⁴⁶ supaya PdPc lebih berkesan.²⁴⁷ Ini selari dengan prasyarat yang diletakkan oleh Al-Ghazali iaitu guru yang berkesan hendaklah berilmu dan berkemahiran tinggi.

Kajian lepas menunjukkan kaedah PBK dapat mewujudkan pembelajaran yang lebih berkesan dan menghiburkan,²⁴⁸ serta mengembangkan kemahiran literasi komputer.²⁴⁹ Namun kajian Kamarul et al.²⁵⁰ mendapati Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) jarang menggunakan komputer dan LCD dalam PdPc. Kaedah PBK sangat sesuai digunakan oleh GPI untuk mengajar tajuk komponen Ibadah seperti Lambaian Kaabah²⁵¹ kerana murid didedahkan dengan cara sebenar dan betul menunaikan haji dan umrah.

2.5.14 Pembelajaran maya Frog VLE (*Virtual Learning Environment*)

Pembelajaran maya Frog VLE adalah platform berasaskan web yang dirangka oleh KPM melalui projek 1BestariNet untuk membantu guru menjalankan PdPc secara atas talian.²⁵² Ia terdiri daripada peralatan komunikasi seperti emel, ruang forum, sudut perbincangan dan

²⁴⁵Ibid,74.

²⁴⁶Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, danShahrin Awaluddin, “Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam : Konvensional Dan Inovasi.”, 53.

²⁴⁷Zaidi Ismail dan Ab. Halim Tamuri, “Pengajaran Berasaskan Komputer : Asas Perlaksanaan Pendidikan Islam,” dalam *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 119.

²⁴⁸Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Mohd Isa Hamzah, dan Wan Norina Wan Hamat, “Pembangunan Perisian Pengajaran Dan Pembelajaran Multimedia Interaktif Pegurusan Jenazah Politeknik Malaysia,” *Journal of Islamic and Arabic Education* 5, no. 2 (2014), 25–42.

²⁴⁹Zamri Mahamod dan Nur Aisyah Mohamad Noor, “Persepsi Guru Tentang Penggunaan Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu,” *GEMA Online Journal Of Language Studies* 11, no. 3 (2011), 163–177.

²⁵⁰Kamarul Azmi Jasni et al., “Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Di Malaysia,” 59–74.

²⁵¹ Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, “Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM Tingkatan 4”, 40.

²⁵²Hamzah Mahizer dan Yeop Mohd Azli, “Frog VLE (Persekitaran Pembelajaran Maya) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran : Penerimaan Dan Kaedah Pelaksanaannya,” *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education* 6, no. 2 (2016), 67–77.

ujian kuiz dalam talian.²⁵³ Namun pelaksanaannya bukanlah mudah. Hasliza et al.²⁵⁴ dan Nor Zaira et al.²⁵⁵ menyenaraikan cabaran yang dihadapi oleh guru ketika melaksanakan kaedah Frog VLE iaitu kekangan infrastruktur, kekangan masa, inisiatif guru, efikasi sendiri guru, integriti dan sikap guru terhadap Frog VLE. Justeru guru perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka supaya PdPc menjadi lebih efektif dan berkesan.²⁵⁶

Walaupun demikian, tidak dinafikan pembelajaran maya Frog VLE banyak memberi kesan positif kepada murid seperti meningkatkan pencapaian akademik,²⁵⁷ menggalakkan penyertaan aktif murid²⁵⁸ dan meningkatkan kemahiran pembelajaran abad ke 21.²⁵⁹ Dalam komponen Ibadah, GPI boleh mengaplikasikan pembelajaran maya Frog VLE apabila mengajar tajuk muamalah dalam Islam.²⁶⁰

2.5.15 Pembelajaran Berasaskan Peta pemikiran i-Think

Peta pemikiran i-Think²⁶¹ dengan kombinasi huruf ‘i’ dan ‘Think’ bermaksud pemikiran inovatif yang diperkenalkan oleh KPM pada tahun 2011 untuk mengukuh dan membudayakan kemahiran berfikir bagi menghasilkan murid yang dapat berfikir secara kreatif, kritis, berinovatif dan mampu berdaya saing. Ia diasas dan dikembangkan oleh Dr

²⁵³Termit Kaur and Hussein Noorma, “Teachers’ Readiness to Utilize Frog VLE: A Case Study of a Malaysian Secondary School,” *British Journal of Education, Society & Behavioural Science* 5, no. 1 (2015), 20–29.

²⁵⁴Hasliza Hashim et al., “Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Pelaksanaan Persekitaran Pembelajaran Maya Frog Di Bilik Darjah,” *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 31, no. 31 (2016), 115–129.

²⁵⁵Nor Zaira Razali et al., “Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Vle Frog Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Menengah,” (*International Seminar On Generating Knowledge Through Research, UUM*, 25-27 Oktober 2016), 1–9.

²⁵⁶Al-Ghazali, *Ihya’ Ulum Al-Din*.

²⁵⁷Noawanit Songkram, “E-Learning System in Virtual Learning Environment to Develop Creative Thinking for Learners in Higher Education,” *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 174 (2015), 674–679.

²⁵⁸Mohd Azli Yeop et al., “Blended Learning : Pedagogy , Learning Styles , and Assessment Activities in the Classroom,” *International Journal of Advanced and Applied Sciences* 3, no. 11 (2016), 36–39.

²⁵⁹Mei Lick Cheok and Su Luan Wong, “Frog Virtual Learning Environment for Malaysian Schools: Exploring Teachers’ Experience,” in *ICT in Education in Global Context*, (Singapore: Educational Technology, 2016, 201–209.

²⁶⁰Bahagian Pendidikan Islam dan Moral, *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM*.

²⁶¹Kementerian Pendidikan Malaysia, *Program I-Think : Membudayakan Kemahiran Berfikir* (Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, 2012), 3.

Hyerle menggunakan lapan bentuk peta pemikiran i-Think iaitu peta bulatan, peta buih, peta buih berganda, peta pokok, peta dakap, peta alir, peta pelbagai alir dan peta titi.²⁶²

Kebaikan pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think ialah dapat meningkatkan penguasaan subjek dan merangsang pemikiran aras tinggi²⁶³ serta mengembangkan proses pembelajaran secara kognitif.²⁶⁴ Ini selaras dengan seruan Ibn Khaldun supaya murid memaksimumkan penggunaan akal ketika menimba ilmu pengetahuan. Justeru, program membudayakan peta pemikiran i-Think perlu dilaksanakan secara menyeluruh agar memberi impak kepada seluruh komuniti sekolah.²⁶⁵ GPI boleh mengaplikasikan pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think apabila melaksanakan PdPc berkaitan dengan perkara sunat, wajib, haram dan makruh yang terdapat dalam tajuk-tajuk komponen Ibadah dan dilaksanakan secara berkumpulan supaya lebih merangsangkan keupayaan kognitif murid.

2.6 Teknik PdPc Komponen Ibadah Pendidikan Islam

Menurut Ee Ah Meng²⁶⁶ dan Kamarudin,²⁶⁷ teknik merujuk kepada unit-unit kecil yang terdapat dalam sesuatu kaedah yang merangkumi aktiviti dan kemahiran guru untuk mengendalikan PdPc. Ia bertujuan untuk meningkatkan pencapaian pemahaman murid,²⁶⁸

²⁶²Kementerian Pendidikan Malaysia, "Program Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Konsep KBAT," *Jurnal Pendidikan* 1, no. 1 (2013), 1–22.

²⁶³Rohaida Yusuf dan Zamri Mahamod, "Keberkesanan Peta Pemikiran I-Think Dalam Meningkatkan Pencapaian Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun 6," *Malay Language Education Journal* 5, no. 2 (2015), 2180–4842.

²⁶⁴Kalpana a/p Maniam, "Penggunaan Peta Pemikiran I-Think Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Tingkatan Satu" (Disertasi Sarjana, Universiti Malaysia Sabah, 2016), 116.

²⁶⁵Shamsazila Sa'aban, Muhammad Faizal Abdul Ghani, dan Ghazali Darusalam, "Pendedahan Program I-Think Di Peringkat Sekolah Mengikut Pendekatan Sekolah Secara Menyeluruh : Satu Kajian Awal," *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 4, no. 2 (2017), 1–20.

²⁶⁶Ee Ah Meng, *Pedagogi : Satu Pengenalan*, 236.

²⁶⁷Kamaruddin Haji Husin, *Pedagogi Bahasa : Pengkaedahan* (Selangor: Kumpulan Budiman, 2001), 68.

²⁶⁸Hackathon, J., Erin D. Solomon, and Kate L. Blankmeyer, "Learning By Doing : An Emperical Study Of Active Teaching Techniques," *The Journal Of Effective Teaching* 11, no. 2 (2011), 40–54.

meningkatkan keyakinan, keberanian dan keselesaan,²⁶⁹ menarik minat, mengekalkan perhatian dan membangkitkan rasa ingin tahu murid²⁷⁰ untuk mencapai objektif pelajaran.

Teknik mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan kaedah. GPI harus menguasai teknik-teknik yang ada pada sesuatu kaedah untuk mencapai matlamat yang telah dirancang. Jika tidak, isi pelajaran gagal disampaikan dengan berkesan. Sebagai contoh dalam pemilihan kaedah penceritaan, GPI hendaklah mampu menguasai teknik bercerita seperti kawalan nada suara, penggunaan alatan yang berkaitan, kemahiran mengekalkan minat murid, gerakan tangan serta kedudukan murid ketika aktiviti penceritaan berlangsung.²⁷¹ Begitu juga dalam kaedah tunjuk cara, teknik tertentu perlu diaplikasikan oleh GPI seperti kedudukan murid, penggunaan BBM dan model pengajaran, kesesuaian tempat, melontarkan soalan yang mencabar pemikiran dan sebagainya.

Dalam kajian ini, penulis akan mengenalpasti keberkesanan teknik yang digunakan oleh GPI terhadap PdPc komponen Ibadah Pendidikan Islam di dalam kelas.

2.7 Sorotan Kajian-kajian lepas

Beberapa kajian telah dilakukan untuk membincangkan pelaksanaan strategi PdPc yang berkesan, namun kajian secara khusus melibatkan pelaksanaan PdPc ke atas komponen yang terdapat dalam Pendidikan Islam KBSM tingkatan 4 masih kurang hingga hari ini terutamanya komponen Ibadah. Memang terdapat kajian yang mengkhusus kepada strategi PdPc komponen tertentu dalam Pendidikan Islam seperti Tilawah Al-Quran,²⁷² Akidah,²⁷³

²⁶⁹Unai, Menderes, "Preferences Of Teaching Methods And Techniques In Mathematics With Reasons," *Universal Journal Of Education Research* 5, no. 2 (2017), 194–202.

²⁷⁰Zamri Mahamod, *Inovatif P&P Dalam Pendidikan Bahasa Melayu* (Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012), 300.

²⁷¹Ibid, 300.

²⁷²Sanusi Ya, "Penilaian Pelajar Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Tilawah Al-Quran Tingkatan 4 Di Dua Buah Sekolah" (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2008).

²⁷³Wan Hassan Wan Embong, "Keberkesanan Pengajaran Pendidikan Akidah Tingkatan 4 : Kajian Ke Atas Guru-Guru Cemerlang Pendidikan Islam Di Daerah Johor Bahru" (Tesis PHD, Universiti Malaya, 2014).

Ibadah,²⁷⁴ Tamadun Islam²⁷⁵ serta Adab dan Akhlak Islamiah²⁷⁶ tetapi penulis masih belum menemui kajian khusus tentang strategi PdPc komponen Ibadah tingkatan 4 dilaksanakan. Tambahan pula kebanyakan kajian dijalankan di Semenanjung Malaysia dan belum ditemui kajian seperti ini yang dijalankan di Kuching, Sarawak.

Oleh itu, penulis akan merungkai dan menganalisa kajian-kajian lepas dari aspek penghayatan ibadah dalam kalangan murid, strategi PdPc Pendidikan Islam, strategi PdPc komponen Ibadah Pendidikan Islam dan cabaran yang dihadapi oleh GPI.

2.7.1 Penghayatan Ibadah dalam Kalangan Murid

Perlaksanaan ibadah dalam kehidupan seorang muslim merupakan bukti pengabdian, kepatuhan dan keimanan terhadap Allah SWT kerana iman sendiri bermaksud *tasdiq* dalam hati, ikrar dengan lidah dan dibuktikan dengan amalan soleh. Kajian tentang penghayatan ibadah memang telah banyak dilakukan tetapi kajian tentang penghayatan ibadah dalam kalangan murid di sekolah masih lagi berkurangan.

Fatimah²⁷⁷ menyatakan kefahaman dan pelaksanaan ibadah khusus dalam kalangan mualaf berada pada tahap baik. Beliau telah mengenalpasti cabaran dalam pelaksanaan ibadah tersebut iaitu faktor keluarga, masyarakat, penerimaan masyarakat Islam dan krisis identiti. Manakala kajian Siti Zaleha, Norziah dan Phayilah²⁷⁸ telah menyenaraikan faktor jadual yang ketat, beban tugas dan pengaruh rakan sebaya telah menyebabkan pelajar

²⁷⁴Nur Hanani Hussin, "Pengajaran Ibadah Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam" (Tesis PHD, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014).

²⁷⁵Rumaizah Rahim, "Pelaksanaan Pengajaran Komponen Sirah Nabawiyah Dan Tamadun Islam : Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Putrajaya" (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2015).

²⁷⁶Zawati Awang, "Pengajaran Komponen Adab Dan Akhlak Dalam Pendidikan Islam Tingkatan Empat" (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2010).

²⁷⁷Fatimah Hamrie, "Kafahaman Dan Pelaksanaan Ibadah Khusus Dalam Kalangan Saudara Kita : Kajian Di Urusetia Saudara Kita (USK) Kuching, Sarawak." (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2013), 139-140.

²⁷⁸Siti Zaleha Ibrahim, Norziah Othman, dan Phaliyah Yama, "Penghayatan Pelaksanaan Solat Berjamaah Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Islam," (*Persidangan Antarabangsa Aqidah, Dakwah Dan Syariah*, KUIS, Kajang, 2016), 490-506.

Institut Pengajian Tinggi Islam mengabaikan solat berjamaah walaupun mengetahui kewajipan pelaksanaannya. Kajian Syukri et al.²⁷⁹ juga mendapati pengabaian amalan solat dalam kalangan pelajar universiti menyebabkan masjid dan surau universiti menjadi lapang dan sunyi setiap kali waktu solat fardu maupun ketika program agama diadakan.

Kajian Hasna, Ahmad Sufian dan Mohd Ismail²⁸⁰ menunjukkan tahap kefahaman pelajar kolej komuniti terhadap tuntutan solat fardu dan solat berjamaah serta balasan ke atas orang yang meninggalkan solat berjamaah berada pada tahap tinggi. Ini bertentangan dengan dapatan kajian Rahmat dan Mohd Toriq²⁸¹ yang mendapati kefahaman pelajar kolej komuniti terhadap kewajipan dan pelaksanaan solat berjamaah berada pada tahap sederhana kerana faktor pengaruh rakan sebaya.

Dari aspek murid sekolah pula, Walijah²⁸² dan Suhardi²⁸³ mendapati penghayatan ibadah dalam kalangan murid Islam adalah tidak memuaskan terutamanya ibadah khusus seperti solat dan puasa. Antara sebab yang dikenalpasti ialah perasaan malas yang bertitik tolak daripada kurang pemantauan dan contoh tauladan daripada ibu bapa. Dapatan ini selari dengan dapatan Aerisuli²⁸⁴ dan Zakariah²⁸⁵ yang mendapati pelajar asrama mempamerkan penghayatan ibadah yang tinggi berbanding pelajar harian. Pergaulan sesama rakan di

²⁷⁹Syukri Ahmad et al., "Penghayatan Solat Dan Pengimarahkan Masjid: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia," (2nd International Conference On The Social Sciences Research, Kota Kinabalu, Sabah, 2014), 786–797.

²⁸⁰Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharudin, dan Mohd Ismail Mustari, "Kefahaman Ibadah Solat Fardu Dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan Di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka.," *Jurnal Sains Humanika* 5, no. 3 (2015), 21–34.

²⁸¹Rahmat Abdullah dan Mohd Toriq Sulaiman, "Mengkaji Tahap Kefahaman Dan Pelaksanaan Ibadah Solat Lima Waktu Di Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Selandar, Melaka.," (*Koleksi Penulisan Ilmiah (Penulisan Penyelidikan Dan Inovasi) Kolej Komuniti, Selandar, Melaka*, 2013), 14–24.

²⁸²Walijah Ahmad, "Penghayatan Ibadah Dalam Kalangan Pelajar Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Di Petaling Jaya, Selangor" (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2010), 177–178.

²⁸³Mohd Suhardi Mat Jusoh, "Pengabaian Solat Fardu Di Kalangan Remaja: Kajian Di Sekolah Menengah Di Sekitar Daerah Pasir Putih, Kelantan" (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2004), 219.

²⁸⁴Aerisuli Awang, "Penghayatan Ibadah Dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Jiring, Kuala Terengganu." (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2011), 129.

²⁸⁵Zakariah Din @ Nasirudin, "Kajian Kefahaman Terhadap Keimanan Kepada Allah Dan Amalan Harian Pelajar: Kajian Di Sekolah Menengah Daerah Keria, Perak." (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 103.

asrama dengan peraturan yang ketat dapat menyuburkan budaya ibadah dalam diri murid dan sekaligus membentuk sifat *istiqamah* dalam pengabdian terhadap Allah SWT.

Berdasarkan dapatan tersebut, penulis berpendapat kajian seperti ini belum mencukupi untuk melihat penghayatan ibadah diperkukuhkan dalam jiwa murid yang merupakan generasi pemegang tampuk pemerintahan untuk menentukan hala tuju umat Islam dan negara. Oleh itu sangat relevanlah kajian yang dilakukan oleh penulis.

2.7.2 Strategi Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Pendidikan Islam KBSM

Kajian tentang strategi PdPc Pendidikan Islam memang telah banyak dilaksanakan tetapi masih belum mencukupi kerana banyak lagi isu dalam Pendidikan Islam yang belum selesai. GPI didapati sering menggunakan kaedah tradisional seperti kuliah, hafazan, cerita dan perbincangan di dalam kelas tanpa mengambil kira sama ada murid faham ataupun tidak dengan pengajaran mereka.²⁸⁶ Justeru, Rosni²⁸⁷ mencadangkan supaya GPI sentiasa melakukan refleksi sendiri untuk menilai keberkesanan dirinya sebagai seorang guru.

Anisah,²⁸⁸ Abd. Shukur²⁸⁹ dan Mohd Azman²⁹⁰ telah membangunkan satu modul PdPc Pendidikan Islam berasaskan masjid yang mendapat maklumbalas positif daripada murid dan guru. Masjid dilihat sebagai sebuah institusi yang mampu memberi pengetahuan dan pengalaman berkesan kepada murid. Kemudahan masjid, surau sekolah atau musolla perlu

²⁸⁶Mohd Musnizam Mustapha, Ab. Halim Tamuri dan Rohizan Ya, "Konsep Berilmu Di Kalangan Guru Pendidikan Islam: Satu Keperluan Dalam Membangunkan Modal Insan." (Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam, Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor, 8-9 Mac 2012), 289-303.

²⁸⁷Rosni Adom, *Strategi Pengajaran Guru Cemerlang* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd, 2010).

²⁸⁸Anisah Ali "Keberkesanan Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Masjid : Satu Kajian Di SMKA Sultan Muhammad, Melaka." (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009).

²⁸⁹Abd. Shukur Mohd. Ali, "Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Masjid : Satu Kajian Di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang, Bandar Tasik Puteri, Rawang, Selangor." (Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008).

²⁹⁰Mohd Azman Mohammed Yusuf, "Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Masjid Pendidikan Islam KBSM Tingkatan Dua Di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang, Selangor." (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008).

dimanfaatkan sepenuhnya oleh GPI untuk mengajar topik-topik berbentuk amali kerana penggunaan ABM yang sesuai dan kreatif adalah amat penting dalam PdPc.²⁹¹

Seterusnya Kamarul Azmi, Osmawadi dan Mohd Faez²⁹² dan Zakaria²⁹³ telah menjalankan satu kajian tentang pelaksanaan PdPc berpusatkan murid di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di Malaysia dan mendapati kebanyakan GPI dapat melaksanakan pendekatan berpusatkan murid semasa pengajaran mereka tetapi tahapnya perlu ditambahbaik lagi lantaran kekurangan latihan yang berkaitan dengan pedagogi dan teknik terkini. Menurut mereka, KPM dan badan-badan berkaitan perlu mengadakan latihan dalam perkhidmatan, kursus-kursus dan bengkel berkaitan dengan PdPc dan memberikan maklumat terkini kepada GPI selari dengan perkembangan pendidikan masa kini.

Tengku Sarina dan Faridah²⁹⁴ menfokuskan pendekatan individu untuk membimbing murid lemah selepas proses PdPc secara langsung di dalam kelas supaya setiap murid berpeluang untuk menguasai pelajaran secara maksimum. Ab. Halim dan Siti Muhibah²⁹⁵ dan Abdul Jamir, Ab. Halim dan A'dawiyah²⁹⁶ mencadangkan prinsip pembelajaran aktif dalam PdPc Pendidikan Islam yang berpusatkan murid dan melibatkan pelbagai aktiviti seperti pembacaan aktif, penulisan aktif, main peranan, lawatan, wawancara dan sebagainya. Kesannya dapat meningkatkan motivasi dan minat murid kerana melalui pembelajaran aktif, murid akan terdorong untuk mengambil bahagian secara aktif.

²⁹¹ Kamarul Azmi Jasmi et al., "Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Di Malaysia." 2011, 59-74.

²⁹²Kamarul Azmi Jasmi, Osmawadi Talip, dan Mohd Faez Ilias, "Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berpusatkan Pelajar," (*Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan Dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*, Johor, 8-9 Mac 2012), 33-40.

²⁹³Zakaria Abdullah, "Pengajaran Dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Dalam Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia" (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011).

²⁹⁴Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Faridah Che Husain, "Pendekatan Individu Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun," *Jurnal Usuluddin* 27, no. 8 (2008), 141-156.

²⁹⁵Ab. Halim Tamuri dan Siti Muhibah Hj Nor, "Prinsip Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam," *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan* 3, no. 2 (2015), 28-40.

²⁹⁶ Abdul Jamir Md Saad, Ab. Halim Tamuri, dan A'dawiyah Ismail, "Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan Pendidikan Islam," (*Makalah, Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 (PKPI)*, Hotel Royale Bintang, Seremban, 3-6 Julai 2012), 1-22.

Wan Ismail, Abdul Hakim dan Nur Iylani²⁹⁷ mendapati GPI mampu mengaplikasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdPc. Menurut mereka, peningkatan ketara dalam penggunaan TMK berbanding sedekad yang lalu mendorong guru untuk sentiasa bersedia menerima perubahan dalam dunia pendidikan dengan meningkatkan profesyen keguruan mereka melalui latihan-latihan, kursus-kursus dan bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh KPM maupun pihak-pihak luar supaya mereka dapat mengembangkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran TMK seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang sentiasa bergerak pantas.

Penggunaan laman web sebagai transformasi pendidikan juga merupakan teknik terkini yang perlu dikuasai oleh GPI kerana ia mampu meringankan tugas guru dalam proses PdPc, sebagai sumber alternatif, sumber maklumat dan sebagainya.²⁹⁸ Ia juga membolehkan murid mencari bahan tambahan yang berkaitan dengan pembelajaran melalui suasana pembelajaran secara atas talian yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan pendidikan seperti sudut ilmu, koleksi soalan, persembahan multimedia, eksplorasi ilmu serta permainan menguji minda.

Alif, Mohd Isa dan Surina²⁹⁹ mendapati wujud kecenderungan positif dalam kalangan guru dan murid untuk menggunakan aplikasi mudah alih dalam pembelajaran. Kewujudan aplikasi seperti e-Pendidikan Islam boleh dimuat turun dalam telefon mudah alih dan dilayari oleh murid dalam masa senggang sementara menunggu kedatangan ibu bapa yang mengambil mereka dari sekolah. Namun penggunaannya bagi tujuan pendidikan di sekolah

²⁹⁷Wan Ismail Wan Abdullah, Abdul Hakim Abdullah, dan Nur Iylani Kamaruzaman, "Transformasi Tahap Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Program Pensiswazahan Guru UNISZA," (*Proceedings International Seminar On Al-Quran in Contemporary Society*, Unisza, Terengganu, Malaysia, 10-11 Oktober 2015), 838–849.

²⁹⁸Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul, dan Roseamnah Abd Rauf, "Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam," *The Online Journal of Islamic Education* 1, no. 2 (2013), 58–73.

²⁹⁹Aliff Naw, Mohd Isa Hamzah, dan Surina Akmal Abd Sattai, "Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) Dalam Bidang Pendidikan Islam", 26-35.

masih di peringkat awal kerana pelbagai faktor yang perlu diambilkira bagi memastikan aplikasi tersebut menepati objektif PdPc dan tidak disalahgunakan oleh murid.

Kesimpulannya peranan guru untuk menentukan pendekatan, kaedah dan teknik yang tepat dilihat dapat membantu meningkatkan prestasi murid dan akhirnya pembelajaran yang bermakna akan terhasil. Oleh itu kajian ini adalah bertepatan dengan kehendak semasa.

2.7.3 Strategi Pembelajaran dan Pemudahcaraan Komponen Ibadah Pendidikan Islam KBSM

Kekreatifan dan kebijaksanaan guru dalam menentukan strategi PdPc yang tepat akan memastikan isi pelajaran dapat disampaikan dalam suasana yang kondusif dan menyeronokkan. Penggunaan teknik permainan yang dikenali sebagai i-Eco³⁰⁰ dilihat mampu menarik minat pelajar terhadap tajuk muamalah seperti jualbeli dan sewaan. Kaedah permainan yang diadaptasi daripada permainan monopoli ini menggunakan wang sebagai medium perantaraan dapat mencungkil kemahiran matematik sekaligus meningkatkan lagi pemahaman mereka terhadap isi pelajaran.

Kajian Manis³⁰¹ terhadap amalan PdPc Ibadah menurut persepsi GPI adalah berasaskan kepada tiga amalan komponen pengajaran iaitu pengajaran, perkembangan dan penutup. Kaedah pengajaran yang digunakan ialah kaedah demonstrasi, amali dan tunjuk cara dengan menggunakan BBM seperti CD dan pita rakaman.

³⁰⁰Noor Izzuddin Mat Zain, Wan Ali Akbar Wan Abdullah dan Nursaffra Mohd Zhaffar, "I-ECO : Inovasi Simulasi Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran Ibadah Tingkatan 4," OJIE - The Online Journal Of Islamic Education Special Issue 3, no. 4 (2014), 1–6.

³⁰¹ Manis Ismawati Mohd Isman, "Amalan Pengajaran Ibadah : Kajian Di Daerah Maran" (Disertasi Sarjana Universiti Putra Malaysia, 2013), 95.

Kajian Siti Rohana³⁰² yang menggunakan metodologi kuantitatif lebih menjurus kepada teknik dan kaedah yang digunakan oleh GPI seperti perbincangan, tunjuk cara, dan syarahan. Beliau juga mendapati GPI sering mengaitkan isi pelajaran Ibadah dalam kehidupan seharian murid, menggalakkan murid membuat nota sendiri, memberi latihan setelah selesai mengajar sesuatu tajuk dan sering menggunakan BBM.³⁰³ Justeru, keupayaan guru untuk mempelbagaikan strategi PdPc adalah penting memandangkan komponen Ibadah merupakan satu komponen yang sering membosankan murid jika dilaksanakan secara satu hala sahaja.

Kajian Nur Hanani³⁰⁴ yang menggunakan metodologi kualitatif ke atas guru cemerlang Pendidikan Islam telah menemui tiga strategi pengajaran komponen Ibadah yang digunakan iaitu berpusatkan guru untuk mengulas mengenai konsep ibadah dan perkara abstrak, berpusatkan murid untuk proses sesuatu ibadah dan berpusatkan bahan untuk menampilkan penggunaan TMK secara meluas, bahan maujud, modul dan peta minda.

Strategi PdPc komponen Ibadah boleh dilakukan sama ada di kelas atau di surau sekolah. Pengetahuan murid yang diperolehi di kelas perlu dipraktikkan di surau supaya pemahaman dan penghayatan mereka terhadap ibadah semakin mantap. Kaedah penerangan dan demonstrasi di surau merupakan antara kaedah yang sesuai untuk pembelajaran Ibadah sebagaimana dapatan kajian Bani Hidayah et al.³⁰⁵ Mustapha dan Zahiah³⁰⁶ pula mencadangkan kaedah perbincangan, sumbangsaran, amali, kolaborasi dan koperatif ketika mengajar tajuk solat fardu, solat berjamaah dan solat jenazah di surau sekolah.

³⁰²Siti Rohana Abd Majid, "Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Ibadah Dalam Pendidikan Islam : Kajian Di Sekolah-Sekolah Di Daerah Petaling Jaya" (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2007), 158.

³⁰³Ibid, 154-156.

³⁰⁴Nur Hanani Hussin, "Pengajaran Ibadah Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam." (Tesis PHD, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014), 315-321.

³⁰⁵ Bani Hidayat Mohd Shafie et al., "Strategi Teknik Demonstrasi Dan Pemerhatian Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Ibadah Pendidikan Islam KBSM Di Surau Sekolah.", 2010, 1-8.

³⁰⁶Mustapha Kamal dan Zahiah Haris, "Pendidikan Islam Kursus Perguruan Lepas Ijazah Di Institut Pendidikan Guru Malaysia : Kaedah Dan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Berkesan," *Jurnal Kajian Pendidikan (ATIKAN)* 1, no. 2 (2011), 279-294.

2.7.4 Cabaran Guru Pendidikan Islam

Dalam usaha membentuk kecemerlangan generasi muslim, GPI sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam melaksanakan tugas. Antaranya ialah masalah dalaman GPI sendiri, beban tugas PdPc yang padat, latarbelakang pelajar dan kekurangan kursus pedagogi.³⁰⁷ Nurashid dan Hamzah³⁰⁸ dan Lemaire³⁰⁹ mengakui guru telah dibebani dengan beban tugas akademik dan bukan akademik seperti menyediakan rancangan pelajaran harian, menguruskan aktiviti ko-kurikulum, mengendalikan program pelajar, menguruskan tugas-tugas pentadbiran dan menghadiri program yang dianjurkan oleh KPM, JPN, PPD dan sekolah. Beban tugas ini sedikit sebanyak telah menjejaskan kualiti pengajaran guru.

Selain itu, beban tugas ini telah mengakibatkan GPI berhadapan dengan masalah kekangan masa untuk menyediakan kelengkapan PdPc yang sesuai dengan tahap pencapaian murid. Kajian Siva dan Isa³¹⁰ mengesahkan masalah kekangan masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran telah menyebabkan guru menggunakan kaedah yang senang diaplikasikan dalam kelas untuk menjimatkan masa. Ini sekaligus telah menimbulkan elemen bosan, kurang minat dan kurang faham dalam kalangan murid terhadap pengajaran GPI.

Perubahan semasa dunia pendidikan yang memerlukan GPI lebih kreatif juga merupakan cabaran kepada GPI. Mohd Yusuff³¹¹ percaya GPI mampu menghasilkan pembaharuan gaya dan mempelbagaikan kreativiti dalam PdPc di sekolah walaupun kreativiti mereka

³⁰⁷Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah, dan Zetty Nurzuliana Rashed, "Cabaran Guru Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Akhlak Pelajar," *Journal Of Social Sciences and Humanities* 1, no. 3 (2016), 100–110.

³⁰⁸Norashid Bin Othman dan Hamzah Bin Md.Omar, "Beban Tugas Dan Motivasi Pengajaran Guru Di Sekolah Menengah Daerah Ranau," *Jurnal Pemikir Pendidikan* 5, no. 1 (2014), 33–57.

³⁰⁹Lemaire, J. "Addressing Teacher Workload," *Journal Of Education Enquiry* 1, no. 5 (2009). 86–104.

³¹⁰Siva Sankar a/l R Mahalingam dan Mohd Isa Hamzah, "Penggunaan Kaedah Inkuiri Penemuan Dalam Kalangan Guru-Guru Sejarah Sekolah Menengah," (*International Seminar On Generating Knowledge Through Research*, UUM, Kedah, 25-27 Oktober 2016), 1–12.

³¹¹Mohd Yusuff Dagang, "Amalan Kreativiti Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah-Sekolah Negeri Johor" (Tesis PHD, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2016), v.

berada pada tahap sederhana. Apabila isi pelajaran dapat disampaikan dengan berkesan, maka modal insan dapat dibentuk dengan sempurna dan berkualiti.³¹²

Untuk tujuan tersebut, latihan dan kursus berkaitan hendaklah dibekalkan kepada GPI bagi meningkatkan kualiti profesionalisme mereka secara berterusan supaya mereka dapat melaksanakan PdPc dengan lebih efektif.³¹³ Pengurusan sekolah boleh memperbanyakkan latihan dalam perkhidmatan (LDP) bersesuaian dengan keperluan guru dan dipantau oleh KPM agar perancangan LDP mencapai standard kualiti yang telah digariskan.

2.7.5 Kesimpulan Sorotan Kajian lepas

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang telah dibentangkan, penulis mendapati masih terdapat jurang atau kelompongan yang dapat diisi oleh kajian ini. Oleh itu kajian ini akan menekankan tentang strategi PdPc Pendidikan Islam terutamanya komponen Ibadah yang dilaksanakan di Kuching, Sarawak. Penulis akan menfokuskan tentang pendekatan, kaedah dan teknnik yang digunakan di samping bentuk cabaran yang dihadapi oleh GPI dalam usaha untuk menerapkan elemen penghayatan dalam kalangan murid disekolah.

2.8 Penutup

Dalam bab ini, penulis telah membincangkan konsep ibadah dalam Islam, Pendidikan Islam KBSM, pendekatan, kaedah, teknik dan sorotan kajian-kajian lepas secara mendalam. Oleh itu amat sesuaih kajian yang dilaksanakan oleh penulis agar ia akan menghasilkan input yang memberansangkan bagi meningkatkan kualiti pendidikan terutamanya Pendidikan Islam di Sarawak.

³¹²Kamarul Azmi Jasmi "Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes," (Tesis PHD, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010).

³¹³ Siti Nur Aisya Sugumarie Abdullah dan Ahmad Zabidi Abdul Razak, "Penerimaan Guru Terhadap Latihan Dalam Perkhidmatan Dan Kesusuaian Aspek-Aspek Latihan Dalam Perkhidmatan," *Islamic Education* 4(1) (2016), 17-27.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab 3 membicarakan tentang elemen-elemen yang berkaitan dengan metodologi kajian dengan lebih mendalam seperti reka bentuk, populasi dan sampel, prosedur kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Penerangan ini dilakukan oleh penulis supaya dapatan sebenar yang tepat dapat diperolehi setelah mematuhi prosedur metodologi.

3.2 Reka bentuk Kajian

Terdapat tiga jenis reka bentuk kajian iaitu reka bentuk kajian kuantitatif, kualitatif dan gabungan antara kuantitatif dan kualitatif. Reka bentuk kuantitatif merupakan satu proses kajian untuk menghasilkan laporan ilmiah bagi menyelesaikan masalah mengikut disiplin tertentu yang menggunakan statistik dan bersifat numerikal dengan parameter yang boleh diukur.³¹⁴ Manakala reka bentuk kualitatif ialah penyelidikan empirikal yang datanya bukan dalam bentuk nombor tapi menggunakan ayat atau perkataan.³¹⁵

Dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah gabungan antara kuantitatif dan kualitatif atau kajian *mixed method*. Wallen dan Fraenkel³¹⁶ serta Creswell dan Clark³¹⁷ menyatakan *mixed method* adalah kajian berkaitan dengan pengumpulan data yang menggunakan beberapa teknik serentak dalam satu kajian iaitu soal selidik, temu bual,

³¹⁴Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya, 2016), 39.

³¹⁵Punch K. F, *Introduction To Social Research Quantitative and Qualitative Approaches* (London: SAGE Publication, 2001).

³¹⁶ Wallen, Norman E. and Fraenkel. Jack R., "Survey Research," in *How to Design and Evaluate Research in Education*, 6th ed. (Boston: McGraw-Hill, 2006), 397.

³¹⁷Creswell, John W and V.L. Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed-Methods Research, The Sage Handbook of Qualitative Research* (California, SAGE Publication, 2011), 488.

analisis dokumen dan pemerhatian. Tujuannya adalah untuk mencari maklumat dan fakta sebenar yang mampu melengkapkan persoalan, mengenalpasti dan menyelesaikan masalah.

Kajian gabungan antara kuantitatif dan kualitatif membolehkan penulis memerihalkan dan membuat penyelidikan yang lebih terperinci dan mendalam untuk mendapatkan pelbagai jenis maklumat daripada sampel.³¹⁸ Melalui kaedah ini, data yang diperolehi akan saling sokong menyokong dan lengkap melengkapi antara satu sama lain.³¹⁹ Sokongan daripada beberapa sumber yang sah mampu mengukuh dan memantapkan dapatan kajian.

Untuk tujuan kajian, penulis menggunakan kedua-dua jenis data iaitu data kuantitatif daripada dapatan soal selidik dan data kualitatif daripada dapatan temu bual. Penggabungan antara data kuantitatif dan data kualitatif akan memantapkan dan mengukuhkan kesahan dapatan kajian ini kerana mendapat sokongan daripada pelbagai sumber. Penulis telah mengumpul data menggunakan strategi secara berurutan iaitu mengumpulkan data kuantitatif terlebih dahulu kemudian diikuti oleh pengumpulan data-data kualitatif. Kesemua data yang dikutip telah digabungkan ketika membuat analisis data dengan mengambilkira perspektif kerangka teori dan objektif sebagai garis panduan kajian.

3.3 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi menggambarkan kedudukan setiap orang dalam sesuatu kelompok atau kumpulan yang telah ditentukan untuk memperolehi data.³²⁰ Pensampelan pula merujuk kepada proses untuk menentukan sampel yang memenuhi kriteria kajian daripada sesuatu

³¹⁸Stake, Robert E. "Case Study Methods in Educational Research: Seeking Sweet Water," in *Complementary Methods for Research in Education*, ed. Richard M Jaeger, (Washington: Amer Educational Research AssnPublication, 1988), 253–300.

³¹⁹Fraenkel, Jack R. and Norman E. Wallen, "How to Design and Evaluate Research in Education," *Journal of Chemical Information and Modeling* 53, no. 9 (2013), 1689–1699.

³²⁰Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya, 2016), 77.

populasi.³²¹ Manakala sampel ialah beberapa individu yang dipilih daripada populasi yang sama.³²² Ketepatan dalam pemilihan populasi dan saiz sampel yang sesuai dan diikuti oleh analisis statistik dapat menguatkan lagi dapatan kajian.³²³ Kajian ini mengambil kira konsep populasi mengikut Krejcie dan Morgan³²⁴ iaitu setiap 550 populasi memerlukan seramai 217 sampel kajian.

Untuk tujuan kajian bagi mendapatkan data daripada soal selidik, penulis telah memilih responden menggunakan kaedah '*random sampling*' atau persampelan rawak. Daripada kaedah tersebut, responden ditentukan secara rawak mudah berdasarkan peluang dan kebarangkalian akan dipilih sebagai responden. Pemilihan hendaklah berlandaskan kepada pengetahuan penulis tentang populasi dan objektif kajian.³²⁵

Penulis telah memilih murid beragama Islam tingkatan 4 lelaki dan perempuan serta mempunyai pelbagai tahap pencapaian akademik di sekolah-sekolah menengah terpilih di Kuching sebagai populasi yang dianggarkan berjumlah 747 orang. Kemudian seramai 271 orang telah disenaraikan sebagai sampel iaitu 36.3% daripada jumlah keseluruhan populasi. Ini adalah kerana kajian yang selamat dan paling baik adalah menggunakan sampel yang sebesar mungkin yang paling hampir mewakili populasi supaya dapat menambahkan keyakinan terhadap dapatan kajian³²⁶ dan mengurangkan ralat pensampelan.³²⁷

Murid tingkatan 4 dijadikan populasi kerana mereka berpengalaman luas dalam komponen Ibadah Pendidikan Islam yang dipelajari sejak di sekolah rendah lagi dan

³²¹ Ibid.

³²² Othman Talib, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan Dan Statistik*, 3rd ed. (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2016), 148.

³²³ Ibid, 149.

³²⁴ Krejcie, Rober V. and Daryle W. Morgan, "Determining Sampel Size for Research Activity," SAGE Journal 30, no. 3 (1970), 607–610.

³²⁵ Fraenkel and Wallen, "How to Design and Evaluate Research in Education.", (2013), 1689-1699.

³²⁶ Mohd Shafie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan*, 2nd ed. (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 68.

³²⁷ Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah : Teori Dan Praktis* (Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2002), 168.

diteruskan di sekolah menengah iaitu lebih kurang 11 tahun. Pemilihan mereka juga mengambil kira dasar KPM yang melarang memilih pelajar dari kelas-kelas peperiksaan iaitu tingkatan 3 dan tingkatan 5 sebagai sampel kajian kerana dikhuatiri akan mengganggu proses PdPc serta persediaan mereka untuk menghadapi peperiksaan awam. Berdasarkan kepada fakta ini, penulis yakin data yang tepat dan dipercayai akan diperolehi. Penulis telah memilih beberapa buah sekolah menengah di Kuching untuk dijadikan lokasi kajian.

Sekolah-sekolah tersebut ialah:

- 1) SM Sains Kuching, Padawan.
- 2) SM Sains Kuching Utara, Padawan.
- 3) Kolej Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah. Kuching.
- 4) SMK Matang Jaya, Padawan.
- 5) SMK Petra Jaya, Kuching.
- 6) SMK Sematan, Lundu.

SM Sains Kuching dan SM Sains Kuching Utara merupakan sekolah berasrama penuh KPM dan dikategorikan sebagai sekolah terpilih. Begitu juga dengan Kolej Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah yang merupakan satu-satunya sekolah kawalan negeri. Manakala SMK Matang Jaya, SMK Petra Jaya dan SMK Sematan akan mewakili sampel murid di tahap sederhana dan lemah. Pemilihan ini dibuat untuk melihat strategi yang digunakan oleh GPI terhadap pelbagai aras murid kerana guru perlu mempunyai daya kreativiti yang tinggi apabila berhadapan dengan perbezaan pencapaian prestasi murid. Akhirnya akan dapat diharmonikan satu bentuk strategi yang berkesan dalam PdPc komponen Ibadah. Ringkasan populasi dan sampel kajian ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Taburan sampel soal selidik mengikut sekolah

Bil	Nama sekolah	Bil Murid	Bil Responden	Lelaki		Perempuan	
				Bil	Peratus	Bil	Peratus
1.	SM Sains Kuching	97	40	13	11.8%	27	16.8%
2.	SM Sains Kuching Utara	86	40	20	18.3%	20	12.4%
3	Kolej Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah	127	40	12	10.9%	28	17.4%
4.	SMK Matang Jaya	164	60	27	24.5%	33	20.5%
5.	SMK Petra Jaya	197	60	27	24.5%	33	20.5%
6.	SMK Sematan	76	31	11	10.0%	20	12.4%
	JUMLAH	747	271	110	100%	161	100%

Selain daripada itu, penulis juga telah memilih empat orang GPI sebagai informan untuk ditemubual bagi menyokong dapatan kajian berdasarkan '*purposive sampling*'. Pemilihan mereka ditentukan oleh beberapa kriteria iaitu GPI yang mengajar Pendidikan Islam tingkatan 4 dan tingkatan 5 di sekolah menengah yang terpilih. Mereka juga merupakan guru yang berpengalaman dan telah mengajar melebihi lima tahun. Pemilihan ini berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka yang luas tentang isi kandungan komponen Ibadah tingkatan 4 dan pedagogi yang sesuai dan berkesan untuk proses PdPc.

3.4 Prosedur Kajian

Penulis telah menggariskan beberapa prosedur kajian supaya lebih sistematik iaitu:

1. Pembentangan cadangan kajian di peringkat jabatan dan mendapat kelulusan.
2. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM (BPPDP).
3. Mendapatkan kebenaran bertulis pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.
4. Mendapatkan kebenaran daripada pengetua-pengetua bagi sekolah yang terlibat dalam kajian ini.

Penulis juga telah mengambil beberapa langkah awal sebelum mengedarkan borang soal selidik dan mengutipnya semula. Antaranya ialah:

1. Menghubungi ketua panitia Pendidikan Islam bagi sekolah-sekolah yang terlibat untuk mendapatkan maklumat tentang GPI yang mengajar tingkatan 4.
2. Menghubungi GPI yang mengajar tingkatan 4 dan memberi taklimat kepada mereka selaku wakil penulis untuk menguruskan borang soal selidik.
3. Mendapatkan pandangan daripada beberapa orang pakar untuk memastikan soal selidik yang disediakan telah menepati objektif kajian yang dirangka. Antara pakar yang dipilih ialah penyelia penulis sendiri iaitu Dr. Rushdi b. Ramli dan Dr. Tengku Sarina Aini bt Tengku Kasim, Ustaz Hossen Maarif selaku Ketua Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Ustaz Zaini Hasbollah selaku Ketua Unit Kurikulum Pendidikan Islam Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Uatazah Dayang Azizah bt Mohd Salleh selaku Guru Cemerlang Pendidikan Islam. Berdasarkan respon daripada pakar, mana-mana item yang mengelirukan telah diubahsuai atau digugurkan.
4. Menjalankan ujian rintis untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan item dalam borang soal selidik.
5. Menghantar borang soal selidik melalui GPI yang telah dilantik dan mengutipnya semula apabila responden selesai melengkapkannya.
6. Menjalankan proses analisis data dengan menggunakan IBM SPSS versi20.

Untuk tujuan temu bual pula, penulis telah menjalankan langkah-langkah berikut sebelum memulakan kajian iaitu:

1. Menyediakan soalan protokol temu bual.

2. Pengesahan pakar terhadap soalan protokol temu bual iaitu Dr. Rushdi b. Ramli, Dr. Tengku Sarina Aini bt Tengku Kasim, Ustaz Hossen Maarif, Ustaz Zaini Hasbollah dan Ustazah Dayang Azizah bt Mohd Salleh.
3. Menghubungi informan yang telah dipilih untuk menetapkan temujanji masa dan tempat kerana penulis memahami masalah informan yang bergelut dengan kekangan masa dan bebanan tugas di sekolah. Ini untuk memastikan emosi dan mental informan telah bersedia untuk ditemu bual supaya data yang diperolehi akan lebih relevan dan valid.
4. Memberikan 'borang persetujuan' sebagai informan untuk ditemu bual.
5. Menjalankan proses temubual dalam suasana santai tanpa gangguan daripada mana-mana pihak.
6. Menjalankan proses analisis data iaitu membuat transkripsi data, mereduksi data secara analisis tematik, mengorganisasi data, menyediakan kod tema, menyaring data dan membuat laporan.

Secara keseluruhannya, penulis telah mendapat kerjasama padu daripada 6 buah sekolah menengah terpilih di Kuching, Sarawak. Penulis telah mengambil masa selama 20 hari untuk mengedar dan mengutip semula borang soal selidik dan 20 hari lagi telah diambil untuk menjalankan temu bual ke atas informan.

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Data adalah maklumat atau fakta yang dikutip melalui soal selidik, inventori, temubual, semakan dokumen dan sebagainya yang diperolehi secara saintifik dan objektif.³²⁸ Data hendaklah bersifat adil, menyeluruh dan merangkumi semua pembolehubah yang

³²⁸Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 51-52.

dikehendaki. Kemudian data tersebut dibersihkan dan diproses menggunakan perisian komputer yang sesuai, dianalisis dan akhirnya dibentangkan.

Untuk memastikan data yang dikutip mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, bernilai dan sesuai dengan sifat bidang kajian maka penulis telah mematuhi peraturan dan prosedur tertentu dalam pengumpulan data. Kesahan (*validity*) ialah kemampuan soalan atau sejauh mana item soalan itu mengukur data manakala kebolehpercayaan (*relevance*) mengambilkira keupayaan instrumen tersebut untuk mengutip data yang diperlukan dalam semua keadaan.³²⁹ Perancangan yang teliti dalam proses pengumpulan data boleh membantu penulis menguruskan masa dan kos kajian dengan lebih berkesan.

Mohd Majid³³⁰ menegaskan kaedah yang berkesan untuk mengumpul data bergantung kepada objektif kajian. Penulis telah menentukan objektif kajian iaitu mengenal pasti pendekatan dan kaedah, menilai keberkesanan teknik yang digunakan ketika PdPc komponen Ibadah dan cabaran yang dihadapi oleh GPI. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini ialah kaedah tinjauan yang menggunakan alat kajian seperti soal selidik, temu bual dan kajian perpustakaan. Kegagalan menentukan kaedah pengumpulan data yang sesuai berkemungkinan akan menghasilkan dapatan yang tidak tepat, kabur dan akan meningkatkan kos kajian.

3.5.1 Soal Selidik

Soal selidik adalah satu set soalan untuk memperolehi data kajian yang seterusnya akan dianalisis secara statistik deskriptif bagi tujuan pengukuran data³³¹ untuk mengukur sikap,

³²⁹Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur, Malaysia: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Intel Multimedia Publication, 2001), 51.

³³⁰Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 86.

³³¹Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*, (2016), 52.

pendapat dan pengetahuan.³³² Pratt³³³ menjelaskan tujuan soal selidik adalah untuk membolehkan penulis mendapatkan data daripada responden yang berada di merata tempat dalam masa yang terhad untuk memperolehi data yang tepat. Kaedah ini adalah lebih praktikal dan efektif bagi populasi yang besar kerana ia mampu membantu mengurangkan kos, masa dan tenaga. Ini selari dengan pandangan Mohd Majid³³⁴ yang menyatakan penggunaan soal selidik adalah kaedah yang sangat popular untuk kajian berbentuk tinjauan.

3.5.1.1 Borang Soal Selidik

Penulis membina item soal selidik dengan teliti dan berhati-hati kerana instrumen yang kurang baik akan berakhir dengan dapatan yang tidak tepat, kabur dan tidak bermakna.³³⁵ Soalan yang dirangka hendaklah jelas, spesifik dan berkait rapat dengan objektif kajian supaya dapat mengumpul dan mengukur data dengan tepat. Ia juga hendaklah ringkas, menarik, mudah difahami dan dapat dijawab dalam masa yang singkat oleh responden.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang dibina sendiri oleh penulis untuk mengumpul maklumat tentang strategi PdPc komponen Ibadah (lihat Lampiran E). Item-item yang dibina adalah hasil analisis penulis daripada kajian-kajian lepas, jurnal dan prosiding pendidikan, buku-buku kaedah pengajaran Pendidikan Islam dan buku-buku kaedah penyelidikan. Di samping itu, penulis juga telah meneliti dan menganalisis soal selidik yang dihasilkan oleh Mohd Lutfi,³³⁶ Rumaizah,³³⁷ dan Siti Rohana.³³⁸

³³²Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, 201-202.

³³³Pratt, D. *Curriculum Design And Development* (USA: Halcourt Brace Jovonarich, 1980).

³³⁴Mohd Majid Konting, "Alat Pengkajian Pendidikan," dalam *Kaedah Pengkajian Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 202.

³³⁵Noraini Kaprawi, "Kajian Tinjauan," dalam *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, ed. Noraini Idris, 2nd ed. (Shah Alam: McGraw-Hill Education, 2013), 215.

³³⁶Mohd Lutfi Ahmad, "Sekolah Menengah Teknik Kajang, Selangor: Kajian Tentang Metode Pengajaran Pendidikan Islam." (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2012), 94-97.

Soal selidik ini dibina dalam bentuk soalan tertutup dengan menggunakan skala likert lima point yang terdiri daripada empat bahagian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Taburan item mengikut bahagian dalam soal selidik

Bahagian	Elemen	Item	Bil
A	Jantina	1	1
	Aliran	2	1
	Pencapaian PI dalam PT3	3	1
	Keutamaan minat komponen PI	4	1
B	Pendekatan yang digunakan oleh GPI semasa mengajar komponen Ibadah.		
	a) Pendekatan berpusatkan guru	1-7	
	b) Pendekatan berpusatkan murid	8-20	20
C	Kaedah pengajaran ketika mengajar tajuk-tajuk dalam komponen Ibadah.	1-15	15
D	Keberkesanan teknik pengajaran terhadap PdPc komponen Ibadah di dalam kelas.	1-15	15

Soal selidik 2017

Dalam set soal selidik ini, Bahagian A mengandungi empat item berkenaan dengan maklumat demografi responden seperti jantina, keputusan Pendidikan Islam dalam Pentaksiran Tingkatan 3 dan keutamaan minat terhadap komponen-komponen yang terdapat dalam Pendidikan Islam seperti Tilawah Al-Quran, Hadis Nabi, Aqidah, Ibadah, Tamadun Islam, Tokoh Islam dan Adab Islamiah.

Soalan Bahagian B pula menjurus kepada soalan berkaitan pendekatan yang digunakan oleh GPI ketika mengajar komponen Ibadah Pendidikan Islam yang menfokuskan kepada dua pendekatan iaitu pendekatan berpusatkan guru dan berpusatkan murid. Pendekatan berpusatkan guru mengandungi 8 item manakala berpusatkan murid mengandungi 12 item. Prosedur ini menggunakan jawapan dalam bentuk skala likert kerana ia senang ditadbir, memudahkan responden fokus kepada item soalan dan mengelakkan bias berbanding dengan soalan yang tidak berstruktur. Selain itu skala likert juga mempunyai format yang

³³⁷Rumaizah Rahim, "Pelaksanaan Pengajaran Komponen Sirah Nabawiyyah Dan Tamadun Islam : Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Putrajaya." (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2015), 203-210.

³³⁸Siti Rohana Abdul Majid, "Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Ibadah Dalam Pendidikan Islam : Kajian Di Sekolah-Sekolah Di Daerah Petaling Jaya." (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2007), 178-181.

memudahkan data untuk dianalisis. Seterusnya segala data maklumat ditukar kepada angka untuk dianalisis. Responden hanya perlu memilih salah satu jawapan sahaja iaitu:

- 1) Sangat Tidak Setuju (STS)
- 2) Tidak setuju (TS)
- 3) Kurang setuju (KS)
- 4) Setuju (S)
- 5) Sangat setuju (SS)

Bahagian C pula adalah soalan berkaitan kaedah yang digunakan oleh GPI semasa mengajar tajuk-tajuk dalam komponen Ibadah daripada perspektif responden. Penulis telah menyenaraikan 14 tajuk komponen Ibadah yang terdiri daripada 3 tajuk utama iaitu:

1. Lambaian Kaabah
 - a) Kewajipan Haji dan Umrah
 - b) Cara menyempurnakan ibadah Haji dan Umrah
 - c) Wajib Haji dan Umrah
 - d) Cara mengerjakan ibadah Haji dan Umrah
2. Sembelihan, Korban dan Aqiqah
3. Muamalah dalam Islam
 - a) Jual beli
 - b) Sewaan
 - c) Gadaian
 - d) Syarikat
 - e) Saham
 - f) Insurans
 - g) Hutang

Responden diminta menandakan (/) di dalam kotak yang disediakan untuk mengenalpasti kaedah utama yang digunakan oleh GPI bagi setiap tajuk yang dipelajari dalam kelas. Antara kaedah yang disenaraikan oleh penulis ialah syarahan, hafazan, penceritaan, tunjuk cara, latih tubi, koperatif, penyelesaian masalah, simulasi, projek, inkuiri, permainan, lawatan, pembelajaran berbantuan komputer, pembelajaran maya Frog VLE dan pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think. Untuk memudahkan responden, penulis telah menyediakan keterangan bagi setiap kaedah tersebut sebagai panduan dibelakang bahagian C borang soal selidik.

Manakala Bahagian D mengandungi soalan berkaitan keberkesanan teknik yang digunakan oleh GPI terhadap PdPc komponen Ibadah dalam kelas. 15 item soalan telah disediakan yang mempunyai pendekatan bentuk tertutup menggunakan lima skala likert. Responden dikehendaki menjawab satu sahaja pilihan jawapan. Soal selidik ini telah diedarkan kepada 272 orang responden di 6 buah sekolah tetapi dikembalikan sebanyak 271 set sahaja. Sebelum itu responden telah dimaklumkan bahawa setiap maklumat yang mereka nyatakan di dalam borang soal selidik adalah rahsia dan bertujuan untuk kajian semata-sahaja. Responden telah diberi masa selama 30 minit sahaja untuk menjawab soal selidik tersebut.

3.5.1.2 Ujian Rintis

Idris³³⁹ menyatakan ujian rintis adalah untuk memastikan kaedah yang digunakan mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta dapat mengutip data yang diperlukan dalam kajian di samping mengetahui sejauh mana responden memahami soalan-soalan dalam soal selidik. Ujian rintis ini membolehkan penulis mengenalpasti

³³⁹Idris Awang, *Kaedah Pengkajian, Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Intel Multimedia Publication, 2001), 6-7.

kelemahan dan kekuatan instrumen yang digunakan dan seterusnya membuat beberapa pembetulan atau penambahbaikan sebelum kajian sebenar dilakukan. Jika terdapat soalan yang tidak sesuai, mengelirukan dan sukar difahami oleh responden, maka soalan tersebut akan diubah atau digugurkan daripada senarai soalan yang sedia ada.

Untuk tujuan kajian ini, penulis telah memilih 30 orang murid dari SMK Semerah Padi sebagai sampel untuk ujian rintis. Sekolah ini dipilih kerana mereka mempunyai ciri yang sama dengan sampel kajian tetapi bukan merupakan sampel populasi kajian. Ujian rintis ini telah dijalankan pada 10 Julai 2017. Penulis telah mendapatkan bantuan GPI di sekolah berkenaan untuk memudahkan pengurusan mengedar, mengagih dan mengutip semula borang soal selidik. Kesemua 30 orang responden telah memulangkan semula borang soal selidik yang telah lengkap dijawab. Data daripada ujian rintis tersebut telah dianalisis menggunakan IBM SPSS versi20 untuk mendapatkan nilai pekali *Alpha Cronbach*. Jadual 3.3 menunjukkan dapatan daripada kajian rintis yang telah dijalankan terhadap 30 orang responden di SMK Semerah Padi, Kuching.

Jadual 3.3 : Nilai *Alpha Cronbach* untuk Ujian Rintis

Case Processing Summary		
	N	%
Valid	30	100.0
Cases Excluded ^a	0	.0
Total	30	100.0

Reliability Statistics

Cronbach's	N of Items
Alpha	
.901	80

Soal selidik 2017

Berdasarkan Jadual 3.3, hasil analisis menunjukkan soal selidik ini mempunyai nilai *alpha cronbach* yang tinggi iaitu 0.901. Dapatan juga menggambarkan bahawa semua responden bagi ujian rintis ini memahami maksud keseluruhan soal selidik tersebut kerana mereka telah menjawab semua item dengan lengkap.

3.5.2 Temu bual

Noraini³⁴⁰ dan Merriam³⁴¹ mendefinisikan temu bual sebagai proses mengumpul data dan maklumat secara langsung yang memerlukan kehadiran informan dan penulis. Ia bertujuan untuk memperolehi maklumat tentang fakta, perasaan, kepuasan, keinginan dan kepercayaan untuk mencapai objektif kajian. Soalan dan cara penyoalan yang digunakan adalah untuk merangsang pembinaan maklumat yang diperlukan untuk menyokong dapatan soal selidik. Kaedah ini juga melibatkan komunikasi aktif antara penulis dengan informan.

Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan temu bual sebagai data sokongan terhadap data yang diperolehi melalui soal selidik. Temu bual dijalankan bertujuan untuk mendapat maklumat tambahan dan menjawab semua objektif dan soalan kajian iaitu mengenalpasti pendekatan dan kaedah, menilai keberkesanan teknik yang digunakan oleh GPI ketika mengajar komponen Ibadah Pendidikan Islam serta cabaran yang mereka hadapi sepanjang proses PdPc berlangsung.

Temu bual kajian ini dijalankan secara separa berstruktur terhadap informan dengan menemu bual empat orang GPI daripada sekolah kajian terpilih. Temu bual separa berstruktur adalah gabungan antara temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Soalan-soalan temu bual telah ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan informan adalah

³⁴⁰Noraini Kaprawi, "Kajian Tinjauan," dalam *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, ed. Noraini Idris, 2nd ed. (Shah Alam: McGraw-Hill Education, 2013), 202.

³⁴¹Merriam, B. Sharam, "*Qualitative Research : A Guide To Design And Implementation*," (San Francisco: Jossey-Bass Publication, 2009), 87-117.

terbuka dan mengikut reaksi dan tindakbalas informan.³⁴² Melalui kaedah ini, maklumat terperinci yang diperlukan oleh kajian akan dapat dikutip terutama fakta yang tidak dapat diperolehi daripada soal selidik. Penulis menggunakan rakaman audio untuk merakam temu bual supaya data dapat disimpan dengan selamat dan dianalisis dengan mudah.

Bagi melancarkan lagi proses temu bual, penulis telah menyediakan soalan protokol temu bual (Lihat lampiran F) dengan membina soalan yang merangkumi objektif dan soalan kajian yang telah dirangka setelah mendapat data daripada soal selidik yang dijalankan sebelum ini. Temu bual dijalankan secara bersemuka iaitu secara langsung dengan informan. Melalui temu bual secara langsung ini, penulis dapat beramah mesra dengan informan, melihat emosi mereka dan menjelaskan soalan yang kurang difahami supaya jawapan yang diberikan oleh informan dapat digunakan dalam kajian.³⁴³ Soalan susulan berbentuk spontan juga diajukan sebagai soalan balasan kepada respon dan reaksi informan terhadap soalan yang dikemukakan sebelum itu. Selain daripada itu, penulis juga telah menghubungi informan melalui aplikasi 'whatsapp' dan 'telegram' jika ingin mendapatkan maklumat tambahan bagi memantapkan lagi dapatan kajian.

3.5.3 Kajian Perpustakaan / Dokumentasi

Kajian perpustakaan dijalankan sebagai satu usaha untuk mencari bahan-bahan sekunder seperti laporan-laporan, risalah-risalah, buku-buku, jurnal-jurnal, disertasi dan tesis dan lain-lain bentuk penulisan dan penerbitan. Kajian perpustakaan amat penting dalam kajian ini sebagai persediaan kepada input dalam bab satu dan bab dua. Ia juga berperanan sebagai sokongan kepada dapatan yang diperolehi daripada kajian lapangan.

³⁴²Ghaziah Mohd Ghazali et al., "Pemerhatian Dan Temubual," dalam *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, ed. Noraini Idris, 2nd ed. (Shah Alam: McGraw-Hill Education, 2016), 330.

³⁴³Sabitha Marican, *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, 2nd ed. (Batu Caves, Selangor: Edusystem Sdn Bhd, 2009), 142.

Pemilihan kaedah ini dibuat adalah untuk membantu penulis memahami keperluan kajian dan mengambil input-input berguna sebagai rujukan. Penelitian terhadap bahan-bahan dari kajian perpustakaan dapat menjelaskan dengan lebih tepat dan mendalam kepada penulis tentang perkara asas kajian terutamanya latar belakang masalah kajian dan sejauh mana masalah tersebut wujud dalam kajian. Seterusnya penulis akan dapat mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah berkenaan. Kaedah ini memerlukan penulis melakukan pembacaan mendalam terhadap pelbagai dokumen iaitu bahan bertulis atau bercetak yang ada hubungannya dengan masalah yang dikaji. Dokumen yang dipilih untuk kajian merangkumi dua kategori utama iaitu:

1. Dokumen rasmi seperti sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSM tingkatan 4, Rancangan Pelajaran Harian bagi tajuk Ibadah, buku panduan pengajaran guru, laporan-laporan kajian, buku-buku, jurnal-jurnal, tesis-tesis, artikel-artikel, prosiding dan sebagainya.
2. Dokumen persendirian yang meliputi dokumen seperti nota dan transkrip temubual yang disediakan.

Kebanyakan bahan dan dokumen tersebut diperolehi daripada Perpustakaan utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Perpustakaan Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya dan Pustaka Negeri Sarawak.

3.6 Kaedah Analisis Data

Data mentah perlu dianalisis untuk mendapatkan maklumat yang berguna di dalam kajian. Rozmi³⁴⁴ mendefinisikan analisis data sebagai proses mengkategorikan, meringkas, menyusun

³⁴⁴Rozmi Ismail, *Metodologi Penyelidikan Teori Dan Praktis* (Bangi.: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017), 182.

dan memanipulasi data yang diperolehi bagi menjawab persoalan dan hipotesis kajian. Ia dibuat berdasarkan jenis data bermula dengan meneliti data, membaca teknik statistik, memahami output data dan seterusnya menentukan nilai sesuatu ujian dari sudut signifikan kajian.³⁴⁵ Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada analisis tersebut, penulis akan menggunakannya sebagai bukti sebelum membuat rumusan. Penulis telah membahagikan analisis data kepada dua bentuk iaitu analisis data kuantitatif dan analisis data kualitatif.

3.6.1 Analisis data kuantitatif

Analisis data kuantitatif merupakan proses untuk menganalisis dan mentafsirkan data daripada soal selidik yang mempunyai nilai berangkaan menggunakan kaedah statistik.³⁴⁶ Penulis mengutip data kuantitatif melalui soal selidik ke atas 271 orang murid di sekolah-sekolah menengah terpilih di Kuching. Data ini kemudiannya dianalisis menggunakan perisian komputer IBM SPSS versi 20 iaitu perisian yang dibangunkan khas untuk menganalisis data yang banyak dan berulang dengan lebih cepat dan cekap.

Penulis telah memilih analisis statistik deskriptif untuk mendapatkan data kajian yang bertujuan memperihalkan set-set data mentah yang banyak dan dipersembahkan dalam bentuk yang lebih mudah difahami seperti graf, jadual dan carta serta memberi gambaran ciri-ciri sampel yang mewakili ciri-ciri populasi di mana sampel tersebut diperolehi.³⁴⁷ Kajian ini juga menggunakan kaedah statistik bukan parametrik yang bebas taburan normal dan menggunakan pangkatan skor sebagai asas pengiraan kerana data kajian adalah data nominal dan data ordinal sahaja serta tidak memenuhi syarat data taburan normal.³⁴⁸

³⁴⁵Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 2016, 63.

³⁴⁶Norizan Esa, Nordin Abd Razak, dan Mohd Ali Samsudin, "Analisis Data Kuantitatif," dalam *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, ed. Noraini Idris, 2nd ed. (Shah Alam: McGraw-Hill Education, 2013), 470.

³⁴⁷Othman Talib, *SPSS: Analisis Data Kuantitatif Untuk Penyelidik Muda*, 3rd ed. (Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Publication Sdn Bhd, 2016), 4.

³⁴⁸*Ibid*, 17.

Dalam kajian ini, statistik deskriptif dijalankan dengan mengukur kecenderungan pusat menggunakan kekerapan, peratus, min dan median (min pangkatan) untuk memperihalkan latar belakang murid, pendekatan (soal selidik bahagian B), kaedah (soal selidik bahagian C) dan teknik (soal selidik bahagian D) yang digunakan oleh GPI di sekolah-sekolah menengah terpilih di Kuching. Ini bertepatan dengan ciri-ciri pembolehubah yang terdapat di dalam soal selidik yang digunakan dalam kajian ini.

Untuk memudahkan analisis data bagi bahagian B dan bahagian D yang menggunakan skala likert, penulis telah membuat jadual tafsiran skor min seperti Jadual 3.4:

Jadual 3.4: Tafsiran skor min

Skala	Kategori
1.00 -1.80	Rendah
1.81 – 2,60	Sederhana rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 - 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

3.6.2 Analisis Data Kualitatif

Penulis mengutip data kualitatif dalam kajian ini melalui kaedah temu bual terhadap empat orang GPI yang menepati kriteria kajian. Ia dianalisis dengan memfokuskan kepada maksud data seperti fakta, maklumat, pernyataan, ulasan, tanggapan dan perasaan.³⁴⁹ Ketika menjalankan temu bual, penulis membuat pengkelasan dan hubungan antara data seperti pendapat keempat-empat GPI tentang pendekatan, kaedah, teknik dan cabaran. Ia kemudiannya dianalisis apabila semua data daripada empat orang GPI telah dikumpul. Penulis telah menganalisis data kualitatif menggunakan kaedah manual iaitu pengumpulan, pengucupan, pengolahan dan kesimpulan seperti cadangan Fatimah dan Lim.³⁵⁰ Ini selari

³⁴⁹ Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*, 2001, 6-7.

³⁵⁰ Fatimah Saleh dan Lim Chap Sam, “Analisa Data Kualitatif,” dalam *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, ed. Noraini Idris (Shah Alam.: McGraw-Hill Education, 2013), 500.

dengan Miles dan Huberman³⁵¹ yang mencadangkan analisis data kualitatif bermula dengan penyaringan, pembentangan dan kesimpulan.

Pada peringkat pengumpulan, penulis membuat transkripsi terlebih dahulu terhadap data temu bual dalam rakaman audio secara individu. Seterusnya informan dalam kajian ini akan dikenali sebagai Farid, Zain, Mariam dan Raihan. Kemudian penulis akan menggabungkan data yang sama pada peringkat pengucupan berdasarkan kod-kod yang telah dikenalpasti seperti pendekatan, kaedah, teknik dan cabaran. Penggabungan atau pengucupan ini mengambilkira objektif, soalan dan kerangka teori kajian ini. Hasil analisis data kualitatif ini akan menyokong dapatan kuantitatif yang menjawab objektif 1,2 dan 3 iaitu mengenal pasti pendekatan dan kaedah serta menilai keberkesanan teknik yang digunakan oleh GPI ketika PdPc komponen Ibadah. Temu bual ini juga menjawab objektif keempat iaitu cabaran yang dihadapi oleh GPI ketika PdPc komponen Ibadah.

Dalam masa yang sama penulis akan melakukan pembersihan data setelah meneliti secara mendalam untuk menentukan kod dan tema yang berkaitan dengan kajian. Kemudian penulis akan mengolah dan mengorganisasi semula data untuk menjawab objektif dan soalan kajian. Akhir sekali penulis membuat rumusan sebagai kesimpulan kepada hasil kajian. Persembahan data kualitatif dibuat secara triangulasi iaitu dilaporkan bersama dengan data kuantitatif sebagai sokongan dengan menggunakan gaya penceritaan.

3.7 Penutup

Secara keseluruhannya, penulis telah membentangkan secara mendalam tentang metodologi kajian seperti reka bentuk, populasi dan sampel, prosedur, kaedah pengumpulan dan kaedah analisis data. Ia bertujuan agar metodologi yang digunakan adalah betul dan tepat.

³⁵¹Miles, M.B. and Huberman, A.M. *Qualitative Data Analysis : An Expanded Sourcebook*, 2nd ed. (California: Sage Publication, 1994).

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis akan memberikan tumpuan kepada dapatan kajian dan analisis data yang dikumpul melalui kaedah soal selidik dan temu bual. Soal selidik telah dijalankan ke atas enam buah sekolah menengah terpilih di Kuching, Sarawak yang melibatkan seramai 271 orang responden manakala temu bual pula telah dilaksanakan bersama dengan empat orang informan yang terdiri daripada GPI daripada sekolah menengah terpilih.

Untuk borang soal selidik, penulis telah membahagikan item soalan kepada empat bahagian. Bahagian A menjurus kepada demografi dan latar belakang responden manakala Bahagian B pula mengandungi 20 soalan tentang pendekatan yang telah digunakan oleh GPI dari perspektif responden. Dalam bahagian C, responden diminta untuk memilih kaedah yang sering digunakan oleh GPI ketika mengajar setiap tajuk dalam komponen Ibadah iaitu sebanyak 14 tajuk. Bahagian D pula akan mencari jawapan kepada keberkesanan teknik yang digunakan oleh GPI di dalam kelas. Semua data ini telah dianalisis menggunakan perisian komputer IBM SPSS versi 20. Hasil analisis akan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah mengikut kesesuaian data.

Dapatan temu bual pula dianalisis secara manual dan dibentangkan dalam bentuk naratif³⁵² iaitu menulis laporan dalam bentuk penceritaan atau pengkisahan dengan menceritakan semula dapatan temu bual. Ia dibuat secara triangulasi³⁵³ iaitu melaporkan dapatan kualitatif selepas dapatan kuantitatif mengikut kesesuaian data. Dapatan soal selidik akan menjawab objektif dan soalan kajian yang pertama, kedua dan ketiga manakala

³⁵²Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 2016, 513.


³⁵³Ibid, 444.

dapatan temu bual akan menyokong dapatan soal selidik dan menjawab objektif dan soalan kajian keempat.

4.2 Latar Belakang Responden

Bahagian ini akan memaparkan secara ringkas maklumat yang berkaitan dengan latar belakang responden kajian iaitu jantina, keputusan PT3 dan komponen yang paling diminati oleh responden dalam Pendidikan Islam.


4.2.1 Taburan responden berdasarkan jantina



Rajah 4.1: Taburan responden berdasarkan jantina

Rajah 4.1 mempamerkan bilangan responden mengikut jantina yang terlibat dalam soal selidik iaitu responden lelaki sebanyak 40.6% (N=110) berbanding responden perempuan 59.4% (N=161) menjadikan keseluruhan responden adalah 271 orang. Perbezaan jumlah responden mengikut jantina yang mempunyai sisihan peratus yang sederhana iaitu 18.8% menunjukkan bahawa responden perempuan telah mendominasi jumlah keseluruhan responden.

4.2.2 Taburan responden berdasarkan gred Pencapaian Pendidikan Islam dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) 2016



Rajah 4.2: Taburan gred pencapaian Pendidikan Islam responden dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) 2016


Berdasar Rajah 4.2, majoriti responden mendapat gred A iaitu sebanyak 69.4% (N=188) diikuti oleh gred B 13.7% (N=37), gred C 12.5% (N=34), gred D 2.6% (N=7) dan gred E 1.1% (N=3) dalam PT3 tahun 2016. Hanya 0.7% (N=2) yang memperoleh gred F iaitu gagal. Ini membuktikan bahawa pencapaian majoriti responden dalam Pendidikan Islam PT3 berada pada tahap cemerlang dan baik.

4.2.3 Taburan skor minat responden berdasarkan komponen yang paling diminati dalam Pendidikan Islam.

Jadual 4.1: Taburan skor minat responden berdasarkan komponen yang paling diminati dalam Pendidikan Islam


Bidang	Minat		Sederhana minat		Kurang Minat		Jumlah	
	%	Skor	%	Skor	%	Skor	%	Skor
Adab	48.7	146.1	24.7	49.4	26.5	26.6	100	222.1
Ibadah	31	93	49.4	98.8	19.6	19.6	100	211.4
Tilawah	35.4	106.2	26.9	53.8	37.7	37.7	100	197.7
Aqidah	21.8	65.4	53.1	106.2	25.1	25.1	100	196.7
Tamadun	37.6	112.8	19.6	39.2	42.8	42.8	100	194.8
Hadis	24.7	74.1	28.1	56.2	47.2	47.2	100	177.5

Jadual 4.1 menunjukkan skor minat responden terhadap komponen yang terdapat di dalam Pendidikan Islam iaitu Tilawah, Hadis, Aqidah, Ibadah, Adab dan Tamadun. Penulis telah menganalisis menggunakan bentuk skor dan mengkategorikan minat responden kepada minat, sederhana minat dan kurang minat. Data menunjukkan bahawa komponen yang paling diminati oleh responden ialah Adab (skor 222.1) diikuti oleh Ibadah (skor 211.4), Tilawah (skor 197.7), Aqidah (skor 196.7), Tamadun (skor 194.8) dan Hadis (skor 177.5). Kedudukan komponen Ibadah selepas komponen Adab menunjukkan responden lebih berminat dengan isu-isu semasa yang berkaitan dengan adab seharian berbanding dengan fakta-fakta yang agak berat dan memerlukan pemahaman yang mendalam seperti yang terdapat dalam komponen Ibadah.



Rajah 4.3: Taburan minat responden terhadap komponen Ibadah

Rajah 4.3 menjelaskan bahawa minat responden terhadap komponen Ibadah majoritinya berada pada tahap sederhana iaitu sebanyak 49.4% (N=134). Hanya 31% (N=84) yang memilih komponen Ibadah sebagai komponen yang sangat diminati manakala sebanyak 19.6% (N=53) kurang meminati komponen Ibadah.



Rajah 4.4: Taburan responden klasifikasi silang antara minat dan jantina

Apabila dilakukan klasifikasi silang antara jantina dan minat responden terhadap komponen Ibadah, dapatan membuktikan bahawa peratus minat responden lelaki lebih tinggi iaitu 33.6% berbanding dengan responden perempuan iaitu 29.2%. Namun perbezaan ini tidaklah begitu ketara, hanya berbeza 4.4% sahaja. Manakala majoriti kedua-dua responden lelaki dan perempuan berada pada tahap sederhana minat iaitu 50% untuk responden lelaki dan 49% untuk responden perempuan. Sebaliknya peratus kurang minat responden perempuan mengatasi responden lelaki dengan sisihan peratus sebanyak 5.4%.

4.3 Pendekatan yang Digunakan oleh GPI Ketika Mengajar Komponen Ibadah Pendidikan Islam

Dalam bahagian ini, penulis akan menjelaskan dapatan kajian yang diperolehi melalui soal selidik bahagian B serta menjawab objektif dan soalan kajian yang pertama iaitu mengenalpasti pendekatan yang digunakan oleh GPI ketika mengajar komponen Ibadah Pendidikan Islam. Untuk tujuan tersebut, penulis akan mempersembahkan data kepada dua bahagian iaitu pendekatan berpusatkan guru dan pendekatan berpusatkan murid. Penulis akan menggunakan tafsiran skor min untuk tujuan analisis seperti dalam muka surat 88.


4.3.1 Pendekatan berpusatkan guru

Jadual 4.2: Pendekatan berpusatkan guru

Bil	Item	Peratus dan Kekerapan					Skor Min	Min Keseluruhan
		STS*	TS*	KS*	S*	SS*		
1.	Guru memainkan peranan utama semasa mengajar komponen Ibadah.	1.1% (3)	0.0% (0)	2.2% (6)	46.1% (125)	50.6% (137)	4.45	3.64
2.	Saya banyak mendengar segala yang disampaikan oleh guru.	0.7% (2)	1.1% (3)	11.8% (32)	52.8% (143)	33.6% (91)	4.17	
3.	Guru banyak menguasai dan mengawal segala aktiviti pembelajaran semasa mengajar komponen Ibadah.	1.1% (3)	2.2% (6)	14.8% (40)	52.8% (143)	29.2% (79)	4.10	
4.	Guru banyak memberi penerangan secara lisan tentang topik tertentu dalam komponen Ibadah.	1.1% (3)	2.2% (6)	15.1% (41)	52.8% (143)	28.8% (78)	4.10	
5.	Guru selalu menyuruh saya menghafal istilah-istilah dan fakta-fakta penting dalam komponen Ibadah.	1.5% (4)	2.2% (6)	14.8% (40)	48.3% (131)	33.2% (90)	4.10	
6.	Guru memberi latihan selepas selesai satu tajuk yang diajar.	4.1% (11)	6.3% (17)	30.6% (83)	38% (103)	21% (57)	3.66	
7.	Guru menggunakan kapur dan papan hitam ketika mengajar komponen Ibadah.	45.8% (124)	12.9% (35)	20.7% (56)	12.5% (34)	8.1% (22)	2.24	
8.	Guru kurang bertanya kepada saya sama ada saya faham atau tidak apa yang telah diajar.	32.5% (88)	26.2% (71)	24% (65)	11.8% (32)	5.5% (15)	2.31	


*STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, KS = Kurang Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Jadual 4.2 memaparkan dapatan keseluruhan kajian pendekatan berpusatkan guru yang diaplikasi oleh GPI semasa mengajar komponen Ibadah. Skor min keseluruhan bagi pendekatan ini adalah 3.64. Dapatan ini juga menunjukkan *GPI memainkan peranan utama semasa mengajar komponen Ibadah* berada pada skor min yang paling tinggi iaitu 4.45. Hasil kajian juga mendapati lima item berada pada skor min yang tinggi iaitu *responden lebih banyak mendengar segala yang disampaikan oleh GPI* 4.17, *GPI lebih banyak menguasai dan mengawal segala aktiviti pembelajaran semasa mengajar komponen Ibadah* 4.10, *GPI memberi penerangan secara lisan tentang topik tertentu dalam komponen Ibadah* 4.10, *GPI selalu menyuruh responden menghafal istilah-istilah dan fakta-fakta penting dalam komponen Ibadah* 4.10 dan *GPI memberi latihan selepas selesai satu tajuk yang diajar* 3.66. Sebaliknya hanya 2 item sahaja yang didapati berada pada skor min yang rendah iaitu *GPI menggunakan kapur dan papan hitam ketika mengajar komponen Ibadah* 2.24 dan *GPI kurang bertanya kepada responden sama ada responden faham atau tidak apa yang telah diajar* 2.31. Penulis akan menghuraikan dapatan kajian mengikut item soal selidik secara lebih mendalam dalam bahagian seterusnya.




Rajah 4.5: Guru memainkan peranan utama semasa mengajar komponen Ibadah

Berdasarkan Rajah 4.5, data menunjukkan bahawa sebanyak 50.6% responden sangat bersetuju, 46.1% setuju, 2.2% kurang setuju dan 1.1% tidak bersetuju bahawa GPI memainkan peranan utama semasa mengajar komponen Ibadah Pendidikan Islam. Dengan nilai min yang sangat tinggi iaitu 4.45 (Jadual 4.2) menjelaskan betapa pentingnya peranan GPI kepada murid dalam proses PdPc. Ini bermakna GPI telah memainkan peranan utama dalam PdPc Pendidikan Islam dan mereka memilih untuk mengaplikasikan pendekatan pemusatan guru.




Rajah 4.6: Murid banyak mendengar segala yang disampaikan oleh guru.

Rajah 4.6 menunjukkan bahawa 33.6% responden sangat setuju, 52.8% setuju, 11.8% kurang setuju, 1.1% tidak setuju dan 0.7% sangat tidak setuju bahawa responden banyak mendengar dengan tekun pengajaran GPI. Dengan nilai min yang tinggi iaitu 4.17 (Jadual 4.2) menjelaskan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa mereka banyak mendengar dengan tekun apa yang disampaikan oleh GPI. Murid yang banyak mendengar penerangan guru semasa PdPc menggambarkan bahawa mereka lebih selesa dengan pemusatan guru.




Rajah 4.7: Guru banyak menguasai dan mengawal segala aktiviti pembelajaran semasa mengajar komponen Ibadah.

Rajah 4.7 mempamerkan peratus responden yang memberitahu tentang penguasaan dan kawalan GPI terhadap aktiviti pembelajaran komponen Ibadah. Sebanyak 29.2% responden sangat setuju, 52.8% setuju, 14.8% kurang setuju, 2.2% tidak setuju dan 1.1% sangat tidak setuju. Nilai min yang tinggi iaitu 4.10 (Jadual 4.2) menunjukkan bahawa lebih separuh responden bersetuju bahawa GPI dapat menguasai dan mengawal bilik darjah dengan baik apabila menggunakan pendekatan pemusatan guru.




Rajah 4.8: Guru banyak memberi penerangan secara lisan tentang topik tertentu dalam komponen Ibadah.

Rajah 4.8 menunjukkan data tentang GPI yang banyak memberi penerangan secara lisan tentang topik-topik tertentu dalam komponen Ibadah. Sebanyak 28.8% responden sangat setuju, 52.8% setuju, 15.1% kurang setuju, 2.2% tidak setuju dan 1.1% sangat tidak setuju. Dengan nilai min yang tinggi iaitu 4.10 (Jadual 4.2), dapatan ini mengesahkan bahawa GPI sering memberi penerangan secara lisan tentang sesuatu topik yang diajar kepada responden. Pendekatan pemusatan guru yang diaplikasikan oleh GPI ini menggambarkan bahawa maklumat disampaikan secara syarahan.




Rajah 4.9: Guru selalu menyuruh murid menghafal istilah-istilah dan fakta-fakta penting dalam komponen Ibadah

Rajah 4.9 memaparkan tahap persetujuan responden terhadap GPI yang menyuruh responden untuk menghafal istilah-istilah dan fakta-fakta penting dalam komponen Ibadah. 33.2% responden sangat setuju, 48.3% setuju, 14.8% kurang setuju, 2.2% tidak setuju dan 1.5% sangat tidak setuju. Item ini juga mempunyai nilai min yang tinggi iaitu 4.10 (Jadual 4.2). Ini bermakna majoriti responden bersetuju bahawa GPI memilih kaedah hafazan yang merupakan salah satu elemen pemusatan guru untuk meningkatkan penguasaan responden terhadap pelajaran.




Rajah 4.10: Guru memberi latihan selepas selesai satu tajuk yang diajar.

Berdasarkan Rajah 4.10, didapati 21% responden sangat setuju, 38% setuju, 30.6% kurang setuju, 6.3% tidak setuju dan 4.1% sangat tidak setuju bahawa GPI memberi latihan selepas selesai sesuatu tajuk dalam proses PdPc. Dengan nilai min yang tinggi iaitu 3.66 (Jadual 4.2) menunjukkan bahawa hanya separuh daripada responden yang bersetuju bahawa GPI memberi latihan setiap kali selepas proses PdPc. Pendekatan pemusatan guru ini menggambarkan bahawa GPI kurang memberi latihan kepada responden.



Rajah 4.11: Guru menggunakan kapur dan papan hitam ketika mengajar komponen Ibadah.

Rajah 4.11 mempamerkan pendirian responden tentang kaedah penggunaan kapur dan papan hitam yang digunakan oleh GPI ketika PdPc komponen Ibadah. Sebanyak 45.8% responden sangat tidak setuju, 12.9% tidak setuju, 20.7% kurang setuju, 12.5% setuju dan 8.1% sangat setuju. Dengan nilai min yang rendah iaitu 2.24 (Jadual 4.2) menggambarkan bahawa separuh daripada responden bersetuju bahawa GPI kurang menggunakan kapur dan papan hitam ketika PdPc komponen Ibadah. GPI mengaplikasikan pemusatan guru seperti kurang penggunaan kapur dan papan tulis kerana mereka lebih selesa menggunakan kaedah lain untuk memberi pemahaman kepada murid.



Rajah 4.12: Guru kurang bertanya kepada murid sama ada murid faham atau tidak apa yang telah diajar dalam komponen Ibadah

Berdasarkan Rajah 4.12, dapatan menunjukkan bahawa peratus sangat tidak setuju ialah 32.5%, tidak setuju 26.2%, kurang setuju 24%, setuju 11.8% dan sangat setuju 5.5%. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden memberitahu GPI sentiasa bertanya kepada responden sama ada mereka faham ataupun tidak tentang pembelajaran komponen Ibadah. Nilai min juga menunjukkan nilai yang rendah iaitu 2.31 (Jadual 4.2) dan bercanggah dengan pendekatan berpusatkan guru. Ini mengesahkan bahawa GPI sentiasa memastikan responden memahami setiap apa yang telah diajar dengan sentiasa bertanya kepada mereka.

4.3.2 Pendekatan berpusatkan murid

Jadual 4.3 Pendekatan berpusatkan murid

Bil	Item	Peratus dan Kekerapan					Skor Min	Min Keseluruhan
		STS*	TS*	KS*	S*	SS*		
1.	Guru sering mengaitkan isi pelajaran Ibadah dengan kehidupan murid.	1.5% (4)	1.5% (4)	3.7% (10)	36.2% (98)	57.2% (155)	4.46	
2.	Guru memberi murid peluang untuk menyuarakan pendapat dan idea semasa belajar komponen Ibadah.	1.1% (3)	1.8% (5)	7.4% (20)	48.3% (131)	41.3% (112)	4.27	
3.	Guru menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dalam sesi pembelajaran komponen Ibadah.	1.5% (4)	1.5% (4)	10.7% (29)	46.9% (127)	39.5% (107)	4.21	
4.	Guru menggalakkan interaksi antara murid dengan murid dan murid dengan guru semasa pembelajaran komponen Ibadah.	1.1% (3)	4.1% (11)	11.8% (32)	50.2% (136)	32.8% (89)	4.10	3.93
5.	Guru menggalakkan murid membuat perbincangan tentang isi pelajaran komponen Ibadah.	0.4% (1)	3% (8)	16.2% (44)	51.7% (14)	28.8% (78)	4.10	
6.	Guru sering mempelbagaikan kaedah mengajar.	1.1% (3)	3.7% (10)	19.6% (53)	41.7% (11)	33.9% (92)	4.10	
7.	Guru sering menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar (BBM).	2.6% (7)	3.3% (9)	19.9% (54)	43.9% (11)	30.3% (82)	3.96	
8.	Guru merancang aktiviti yang melibatkan murid.	0.7% (2)	5.2% (14)	20.3% (55)	52.4% (14)	21.4% (58)	3.89	

Jadual 4.3: sambungan


Bil	Item	Peratus dan Kekerapan					Skor Min	Min Keseluruhan
		STS*	TS*	KS*	S*	SS*		
9.	Guru menggalakkan murid membuat nota sendiri.	4.1% (11)	5.9% (16)	19.6% (53)	32.5% (88)	38% (103)	3.84	
10.	Guru membimbing murid untuk berdikari mencari maklumat sesuatu tajuk dalam komponen Ibadah.	2.2% (6)	5.5% (15)	21.8% (59)	46.9% (127)	23.6% (64)	3.84	
11.	Guru sering menyuruh murid membuat pembentangan tentang tajuk-tajuk komponen Ibadah di dalam kelas.	4.4% (12)	10% (27)	22.1% (60)	36.2% (98)	27.3% (74)	3.71	
12.	Guru memberi kerja rumah selepas selesai sesuatu tajuk.	5.5% (15)	8.1% (22)	35.8% (97)	36.2% (98)	14.4% (39)	3.46	

*STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, KS =Kurang Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Jadual 4.3 menunjukkan hasil analisis keseluruhan pendekatan pemusatan murid yang diaplikasikan oleh GPI ketika mengajar komponen Ibadah menurut perspektif responden. Skor min keseluruhan bagi pendekatan pemusatan murid ialah 3.93. Hasil analisis menunjukkan 3 item berada pada nilai min yang sangat tinggi iaitu *GPI sering mengaitkan isi pelajaran komponen Ibadah dengan kehidupan responden* 4.46, *GPI memberi responden peluang untuk menyuarakan pendapat dan idea semasa belajar komponen Ibadah* 4.27 dan *GPI menggalakkan responden melibatkan diri secara aktif dalam sesi pembelajaran komponen Ibadah* 4.21.

9 item pula berada pada nilai min tinggi dalam pemusatan murid iaitu *GPI menggalakkan interaksi antara responden dengan reponden dan responden dengan GPI*


semasa pembelajaran komponen Ibadah 4.10, GPI menggalakkan responden membuat perbincangan tentang isi pelajaran komponen Ibadah 4.10, GPI sering mempelbagaikan kaedah mengajar 4.10, GPI sering menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar (BBM) 3.96, GPI lebih banyak merancang aktiviti yang melibatkan responden 3.89, GPI menggalakkan responden membuat nota sendiri 3.84, GPI membimbing responden untuk berdikari mencari maklumat sesuatu tajuk dalam komponen Ibadah 3.84, GPI sering menyuruh responden membuat pembentangan tentang tajuk-tajuk komponen Ibadah di dalam kelas 3.71 dan GPI memberi kerja rumah selepas selesai sesuatu tajuk 3.46. Secara keseluruhannya membuktikan bahawa GPI mengaplikasikan pendekatan berpusatkan murid dalam PdPc komponen Ibadah Pendidikan Islam. Untuk memahami data ini secara terperinci, penulis akan menghuraikan dapatan kajian mengikut item soal selidik tersebut dengan lebih mendalam.



Rajah 4.13: Guru sering mengaitkan isi pelajaran Ibadah dengan kehidupan murid


Rajah 4.13 menunjukkan data tentang GPI sering mengaitkan isi pelajaran Ibadah dengan kehidupan murid. Sebanyak 57.2% responden sangat setuju, 36.2% setuju, 3.7% kurang setuju, 1.5% tidak setuju dan 1.5% sangat tidak setuju. Dengan nilai min yang

sangat tinggi iaitu 4.46 (Jadual 4.3), dapatan ini membuktikan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa GPI berusaha untuk mengaitkan setiap isi pelajaran dengan kehidupan seharian responden. Tindakan GPI yang mengaplikasikan pendekatan pemusatan murid ini akan menyebabkan murid berusaha mempraktikkan apa yang dipelajari di sekolah dan melaksanakannya di rumah untuk meningkatkan penghayatan mereka terhadap ibadah.




Rajah 4.14: Guru memberi murid peluang untuk menyuarakan pendapat dan idea ketika belajar komponen Ibadah.

Rajah 4.14 menunjukkan data tentang *GPI memberi murid peluang untuk menyuarakan pendapat dan idea ketika belajar komponen Ibadah*. Sebanyak 41.3% responden sangat setuju, 48.3% setuju, 7.4% kurang setuju, 1.8% tidak setuju dan 1.1% sangat tidak setuju. Ini bermakna majoriti responden bersetuju bahawa GPI berusaha mencungkil potensi diri responden untuk lebih yakin membentangkan idea dan pendapat dengan nilai min sangat tinggi iaitu 4.27 (Jadual 4.3). Peluang untuk menyuarakan pendapat dan idea yang merupakan elemen pemusatan murid perlu digunakan oleh murid sebaik mungkin untuk meluaskan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran interaksi sosial mereka.




Rajah 4.15: Guru menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dalam sesi pembelajaran komponen Ibadah.

Rajah 4.15 menunjukkan *GPI menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran komponen Ibadah*. Peratus responden yang sangat setuju ialah 39.5%, setuju 46.9%, kurang setuju 10.7%, tidak setuju dan sangat tidak setuju masing-masing 1.5%. Dengan nilai min yang sangat tinggi 4.21 (Jadual 4.3), dapatan ini membuktikan dua pertiga daripada responden bersetuju bahawa GPI sering menggalakkan penglibatan aktif murid dalam setiap aktiviti yang dirancang. Penglibatan aktif murid dalam setiap aktiviti menunjukkan GPI menggunakan pendekatan pemusatan murid untuk mencabar keupayaan kognitif murid bagi mencapai objektif pembelajaran.



Rajah 4.16: Guru menggalakkan interaksi antara murid dengan murid dan murid dengan guru semasa pembelajaran komponen Ibadah.

Rajah 4.16 menunjukkan hasil analisis tentang *GPI menggalakkan interaksi antara responden dengan responden dan responden dengan GPI semasa pembelajaran komponen Ibadah*. Sebanyak 32.8% responden sangat setuju, 50.2% setuju, 11.8% kurang setuju, 4.1% tidak setuju dan 1.1% sangat tidak setuju. Nilai min yang tinggi 4.10 (Jadual 4.3) membuktikan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa GPI sangat menggalakkan interaksi berlaku secara dua hala. Interaksi dua hala ini merupakan salah satu elemen dalam pemusatan murid kerana ia membolehkan GPI mengetahui tahap pemahaman responden.




Rajah 4.17 Guru menggalakkan murid membuat perbincangan tentang isi pelajaran komponen Ibadah.

Rajah 4.17 memaparkan persetujuan responden berkaitan *GPI menggalakkan responden membuat perbincangan tentang isi pelajaran komponen Ibadah*. Analisis ini mendapati 28.8% responden sangat setuju, 51.7% setuju, 16.2% kurang setuju, 3% tidak setuju dan 0.4% sangat tidak setuju. Nilai min yang tinggi iaitu 4.10 (Jadual 4.3) menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa GPI sentiasa menggalakkan responden supaya berbincang untuk memudahkan mereka memahami isi pelajaran. Sesi perbincangan sesama murid dalam PdPc yang merupakan elemen pemusatan murid dapat menambahkan lagi kefahaman mereka tentang komponen Ibadah dan mengekalkan fokus di dalam kelas.



Rajah 4.18: Guru sering mempelbagaikan kaedah mengajar

Rajah 4.18 menunjukkan analisis berkaitan *GPI sering mempelbagaikan kaedah mengajar* semasa PdPc komponen Ibadah. Dapatan menunjukkan bahawa 33.9% sangat setuju, 41.7% setuju, 19.6% kurang setuju, 3.7% tidak setuju dan 1.1% sangat tidak setuju. Dengan nilai min yang tinggi iaitu 4.10 (Jadual 4.3) membuktikan bahawa sebahagian besar responden bersetuju bahawa GPI telah mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka semasa PdPc. Kepelbagaian kaedah mengajar yang mampu menarik minat responden terhadap PdPc merupakan elemen pemusatan murid kerana kaedah yang pelbagai menunjukkan GPI menfokuskan murid yang mempunyai pelbagai gaya pembelajaran.




Rajah 4.19: Guru sering menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar

Rajah 4.19 menunjukkan dapatan berkaitan *GPI sering menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar (BBM)* semasa mengajar komponen Ibadah. Sebanyak 30.3% sangat setuju, 43.9% setuju, 19.9% kurang setuju, 3.3% tidak setuju dan 2.6% sangat tidak setuju dengan dapatan ini. Dengan nilai min yang tinggi iaitu 3.96 (Jadual 4.3), item ini juga menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju GPI sering mempelbagaikan BBM dalam pengajarannya. Penggunaan pelbagai BBM juga merupakan elemen pemusatan murid kerana BBM yang menarik mampu meningkatkan motivasi dan minat murid terhadap pembelajaran termasuk PdPc komponen Ibadah.




Jadual 4.20: Guru banyak merancang aktiviti yang melibatkan murid.

Rajah 4.20 menunjukkan hasil analisis berkaitan *GPI lebih banyak merancang aktiviti yang melibatkan responden*. Sebanyak 21.4% responden sangat setuju, 52.4% setuju, 20.3% kurang setuju, 5.2% tidak setuju dan 0.7% sangat tidak setuju. Dengan nilai min yang tinggi iaitu 3.89 (Jadual 4.3), menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa GPI sentiasa berusaha merancang aktiviti yang banyak melibatkan responden di dalam PdPc. Usaha GPI merancang PdPc yang banyak melibatkan responden adalah elemen pemusatan murid yang dapat menggalakkan kolaborasi pintar sesama murid.




Rajah 4.21: Guru menggalakkan murid membuat nota sendiri.

Rajah 4.21 menggambarkan hasil soal selidik berkaitan dengan *GPI yang menggalakkan responden membuat nota sendiri*. Dapatan menunjukkan bahawa 38% responden sangat setuju, 32.5% setuju, 19.6% kurang setuju, 5.9% tidak setuju dan 4.1% sangat tidak setuju. Dengan nilai min yang tinggi iaitu 3.84 (Jadual 4.3), item ini menunjukkan bahawa dua pertiga daripada responden bersetuju bahawa GPI sering menggalakkan responden untuk membuat nota sendiri kerana kemahiran membuat nota merupakan salah satu elemen dalam pemusatan murid. Ini berbeza dengan pendekatan pemusatan guru yang hanya meminta murid menyalin nota daripada pengajaran guru.




Rajah 4.22: Guru membimbing murid untuk berdikari mencari maklumat sesuatu tajuk dalam komponen Ibadah.

Rajah 4.22 menunjukkan tahap persetujuan responden terhadap *GPI yang membimbing responden untuk berdikari mencari maklumat sesuatu tajuk dalam komponen Ibadah*. Sebanyak 23.6% responden sangat setuju, 46.9% setuju, 21.8% kurang setuju, 5.5% tidak setuju dan 2.2% sangat tidak setuju. Dengan nilai min yang tinggi iaitu 3.84 (Jadual 4.3) menggambarkan bahawa lebih separuh responden bersetuju bahawa GPI sentiasa memberi bimbingan untuk mencari maklumat tambahan berkaitan dengan pelajaran. Bimbingan guru merupakan elemen pemusatan murid di mana guru bertindak sebagai fasilitator untuk memastikan murid dapat berdikari mencari maklumat yang betul dan tepat.



Rajah 4.23: Guru sering menyuruh murid membuat pembentangan tentang tajuk-tajuk komponen Ibadah di dalam kelas.

Berdasarkan Rajah 4.23, dapatan menunjukkan bahawa 27.3% responden sangat setuju, 36.2% setuju, 22.1% kurang setuju, 10% tidak setuju dan 4.4% sangat tidak setuju bahawa *GPI sering menyuruh responden membuat pembentangan tentang tajuk-tajuk dalam komponen Ibadah*. Dengan nilai min yang tinggi iaitu 3.71 (Jadual 4.3), dapatan ini mengesahkan bahawa lebih separuh daripada responden setuju GPI menggalakkan responden membuat pembentangan tajuk di dalam kelas. Sesi pembentangan yang dilakukan oleh responden adalah elemen pemusatan murid bagi mencungkil nilai keberanian dan mengasah kemahiran komunikasi apabila berhadapan dengan orang ramai.



Rajah 4.24: Guru memberi kerja rumah selepas selesai sesuatu tajuk.

Rajah 4.24 memaparkan peratusan responden berkenaan *GPI memberi kerja rumah selepas selesai sesuatu tajuk*. Sebanyak 14.4% responden sangat setuju, 36.2% setuju, 35.8% kurang setuju, 8.1% tidak setuju dan 5.5% sangat tidak setuju. Dengan nilai min yang tinggi iaitu 3.46 (Jadual 4.3), item ini menunjukkan bahawa hanya separuh responden yang bersetuju bahawa GPI memberikan kerja rumah kepada responden setiap kali selesai sesuatu tajuk sebagai pengukuhan fakta kepada responden. Proses pengukuhan fakta melalui kerja rumah merupakan salah satu elemen dalam pemusatan murid apabila murid digalakkan untuk menambah maklumat mengenai sesuatu topik.

4.4 Perbincangan Dapatan Kajian Objektif 1

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar GPI di sekolah-sekolah menengah di Kuching telah menggunakan kedua-dua pendekatan semasa mengajar komponen Ibadah iaitu pendekatan berpusatkan guru dan pendekatan berpusatkan murid. Dapatan ini juga disokong oleh data yang diperolehi melalui temu bual. Berdasarkan temu bual dengan keempat-empat informan iaitu Farid, Zain, Mariam dan Raihan, dapat difahami

bahawa mereka sering menggunakan kedua-dua pendekatan tetapi lebih cenderung menggunakan pendekatan berpusatkan murid.

“ ... mula-mula saya terangkan terlebih dahulu bila nak masuk satu tajuk ... mana yang sesuai dan perlu ... sebab tajuk ibadah ni kan berat ... contoh dalam bahagian haji ini ada fakta-fakta yang perlu kita jelaskan... sebab kalau kita nak teruskan kepada pelajar... ia agak mengelirukan ... kena jelaskan dulu konsepnyabila saya rasa pelajar dah ok sikit, saya teruskan kepada aktiviti... biasanya saya suruh mereka bincang dalam kumpulan, berkongsi idea sebab dalam bahagian ibadah ni kita tidak boleh melepaskan terus kepada pelajar untuk akses ... terutama sekarang ini macam-macam cabaran”

(Farid/TB1/16.8/BlkPAI)

“... saya suka galakkan pelajar aktif dalam kelas ... mereka boleh tanya apa saja yang mereka tak faham ... kalau mereka takde soalan, saya pulak akan soal mereka... so mereka kena sentiasa ready lah... lepas tu buat aktiviti... contohnya kita buat aktiviti yang melibatkan pelajar, mereka akan membentuk kepimpinan mereka berbincanglah dalam kumpulan... kita lantik ketua kumpulan ... lepas tu kita manage dia punya masa,. kemudian kita latih mereka untuk membenteng ... untuk memupuk sifat berani ...tapi kalau ada topik yang agak susah atau istilah yang mereka tak biasa dengar terutama istilah arablah, saya akan jelaskan sampai mereka faham... contohnya bila nak jelaskan tentang konsep, hukum dan sebagainya... itu saya tidak menyerahkan sebulat-bulatnya kepada pelajar...”

(Zain/TB1/21.8/Blkguru)

“ ... kadang-kadang bergantung kepada keadaan, masa dan juga aras pelajar... contohnya, saya akan buat macam-macam aktiviti bagi kelas pandai sebab mereka cepat tangkap apa yang kita ajar... kita terang sikit je... lepas tu terus kepada aktiviti ...seperti pembentangantapi saya juga kena bimbing dan jelaskan apa yang mereka patut tahu...”

(Mariam/TB1/25.8/Blkkoop)

“ ... semasa mengajar Ibadah... saya lebih suka pelajar membayangkan kehidupan mereka seharian... contoh kalau belajar tajuk sembelihan, saya minta mereka senaraikan semua jenis binatang yang mereka tahu dan pernah lihat... lepas tu saya suruh mereka kategorikan mana binatang yang halal dan haram... bila dah faham baru saya terangkan tentang apa yang mereka perlu tahu tentang sembelihan....

(Raihan/TB1/28.8/Perpus)

Dapatan kajian terhadap pendekatan berpusatkan guru dalam soal selidik menunjukkan nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi iaitu 3.64 (Jadual 4.2). Secara keseluruhannya satu item berada pada nilai min sangat tinggi, lima item berada pada nilai

min tinggi dan dua item berada pada nilai min sederhana. Ini bermakna ramai GPI masih selesa menggunakan pendekatan berpusatkan guru ketika mengajar komponen Ibadah. Dapatan ini disokong oleh kajian Kamarul, Ab. Halim dan Mohd Izham³⁵⁴ yang mendapati pelaksanaan pemusatan guru lebih ketara untuk murid GCPI di luar bandar berbanding murid GCPI di bandar apabila terdapat lapan kaedah pendekatan pemusatan guru yang digunakan oleh GCPI luar bandar berbanding dengan enam kaedah yang digunakan oleh GCPI di bandar.

Setelah meneliti item yang berada pada nilai min yang sangat tinggi (4.45), *guru memainkan peranan utama semasa mengajar komponen Ibadah*, maka penulis mendapati GPI di Kuching masih memainkan peranan sebagai *mu'allim* iaitu memberitahu, mengajar, memindah dan menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada murid sama ada melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk pengajaran. Namun demikian, untuk menjadi seorang *mu'allim* yang professional, GPI perlu memiliki kemahiran interpersonal yang tinggi dan komponen asas kesediaan guru seperti kemahiran dalam PdPc, penguasaan ilmu pengetahuan, motivasi diri dan personaliti positif.³⁵⁵ Dalam hal ini, Al-Ghazali³⁵⁶ menyarankan supaya GPI memiliki sifat belas kasihan, kasih sayang dan senang didekati untuk memudahkan proses pembelajaran.

Selain itu, item-item lain yang berada pada nilai min tinggi ialah *responden banyak mendengar segala yang disampaikan oleh GPI* (4.17), *GPI banyak menguasai dan mengawal segala aktiviti pembelajaran semasa mengajar komponen Ibadah* (4.10), *GPI memberi penerangan secara lisan tentang topik tertentu dalam komponen Ibadah* (4.10),

³⁵⁴Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah, "Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar : Satu Kajian Perbandingan," *Jurnal Teknologi* 56, no 1 (2011), 179–198.

³⁵⁵Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary, "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim," *Journal of Islamic and Arabic Education* 2, no. 1 (2010), 43–56.

³⁵⁶Al-Ghazālī, *Ihyā 'Ulūm Al-Dīn*.

GPI menyuruh responden menghafal istilah-istilah dan fakta-fakta penting dalam komponen Ibadah (4.10) dan GPI memberi latihan selepas selesai satu tajuk yang diajar (3.66). Ini menunjukkan GPI masih mengamalkan pemusatan guru apabila menguasai setiap aktiviti yang dirancang di dalam kelas tanpa memberi peluang kepada murid melibatkan diri secara aktif dalam proses PdPc. Ini bersesuaian dengan kajian Nur Hanani³⁵⁷ yang mendapati GCPI menggunakan strategi pemusatan guru untuk mengulas tentang konsep Ibadah. Dunkin dan Biddle³⁵⁸ juga memberi penekanan kepada tingkah laku guru di dalam kelas untuk menentukan perubahan tingkah laku murid.

Bagi item pendekatan berpusatkan guru yang berada pada tahap sederhana tinggi ialah *GPI menggunakan kapur dan papan hitam ketika mengajar komponen Ibadah (2.24) dan GPI kurang bertanya kepada responden tentang kefahaman mereka terhadap pelajaran (2.31).* Nilai min yang rendah menunjukkan GPI menggunakan BBM selain daripada kapur dan papan hitam semasa PdPc komponen Ibadah. Menurut Dunkin dan Biddle,³⁵⁹ BBM yang sesuai dengan tahap pencapaian murid adalah penting untuk meningkatkan pemahaman dan mengukuhkan ingatan mereka terhadap isi pelajaran.

Manakala dapatan kajian untuk pendekatan berpusatkan murid, penulis mendapati nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi iaitu 3.93 (Jadual 4.3). Terdapat 3 item berada pada nilai min sangat tinggi dan 9 item berada pada nilai min tinggi. Ini menunjukkan bahawa GPI telah menggunakan pendekatan pemusatan murid dalam PdPc komponen Ibadah. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Kamarul Azmi, Osmawadi dan Mohd

³⁵⁷Nur Hanani Hussin, "Pengajaran Ibadah Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam." (Tesis PHD, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014), 315-321.

³⁵⁸ Dunkin M.J and Biddle B.J, *The Study Of Teaching*, 36-48..

³⁵⁹Dunkin M.J and Biddle B.J, *The Study Of Teaching*, 36-48.

Feez³⁶⁰ yang telah menggariskan tujuh prinsip pengajaran berpusatkan murid yang berkesan iaitu menggalakkan hubungan murid dengan guru, kerjasama antara murid, pembelajaran aktif, memberi maklum balas yang cepat, menitikberatkan masa bertugas, berkomunikasi dengan murid dan menghormati pelbagai bakat dan cara pembelajaran. Menurut Al-Ghazali,³⁶¹ GPI perlu menggunakan lima langkah pengajaran yang asas iaitu diam, dengar, ulang, laku dan beritahu bagi memastikan keberkesanan PdPc.

Dapatan juga menunjukkan item-item yang berada pada nilai min yang sangat tinggi ialah *GPI mengaitkan isi pelajaran Ibadah dengan kehidupan seharian responden* (4.46), *GPI memberi peluang kepada responden untuk menyuarakan pendapat dan idea semasa belajar komponen Ibadah* (4.27) dan *GPI menggalakkan responden melibatkan diri secara aktif dalam sesi pembelajaran komponen Ibadah* (4.21). Ini membuktikan bahawa GPI sangat mengambil berat tentang penghayatan ibadah dalam kalangan responden dan memastikan ada kesinambungan antara apa yang dipelajari di sekolah dengan apa yang perlu dilakukan di rumah. Ini disokong oleh kajian Ab. Halim dan Siti Muhibbah³⁶² serta Md. Saad et al.³⁶³ yang menyarankan pembelajaran aktif sebagai pengukuhan kepada isi pelajaran. Al-Ghazali³⁶⁴ menjelaskan matlamat pendidikan adalah untuk menghubungkan manusia dengan kekuasaan Allah dan membentuk akhlak yang baik.

Selain itu, item-item yang berada pada nilai min yang tinggi ialah *GPI menggalakkan interaksi antara responden dengan responden dan responden dengan GPI* (4.10), *GPI menggalakkan responden membuat perbincangan tentang isi pelajaran komponen Ibadah*

³⁶⁰Kamarul Azmi Jasmi, Osmawadi Talib, dan Mohd Faez Ilias, "Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berpusatkan Pelajar," (*Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan Dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*, Johor, 8-9 Mac 2012), 33–40.

³⁶¹Al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm Al-Dīn*.

³⁶²Ab. Halim Tamuri dan Siti Muhibah Haji Nor, "Prinsip Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam," *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan 2*, no. 3 (2015), 28–42.

³⁶³Abdul Jamir Md Saad, Ab. Halim Tamuri, dan A'dawiyah Ismail, "Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan Pendidikan Islam," (Makalah, Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 (PKPI), Hotel Royale Bintang, Seremban, 3-6 Julai 2012, 1–22.

³⁶⁴Al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm Al-Dīn*.

(4.10), *GPI sering mempelbagaikan kaedah mengajar* (4.10), *GPI sering menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar* (3.96), *GPI banyak merancang aktiviti yang melibatkan responden* (3.89), *GPI menggalakkan responden membuat nota sendiri* (3.94), *GPI membimbing responden untuk berdikari mencari maklumat sesuatu tajuk dalam komponen Ibadah* (3.84), *GPI sering menyuruh responden membuat pembentangan tentang tajuk-tajuk komponen Ibadah dalam kelas* (3.71) dan *GPI memberi kerja rumah selepas selesai sesuatu tajuk* (3.46). Dapatan ini menunjukkan bahawa GPI banyak melibatkan responden di dalam PdPc seperti memberi peluang kepada mereka untuk memberi idea, menggalakkan perbincangan, mencari maklumat tambahan dan sebagainya. Responden perlu merasai sendiri proses pembelajaran supaya dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Oleh itu Mohd Musnizam, Ab. Halim dan Rohizan³⁶⁵ menyarankan supaya GPI menggunakan pendekatan terbaik untuk menyampaikan ilmu dan kemahiran kepada murid. Ini diperkukuhkan oleh Al-Ghazali³⁶⁶ yang menyarankan supaya GPI merancang pengajaran agar selaras dengan tahap pemikiran dan mengambilkira perbezaan individu murid.

Kesimpulan daripada dapatan ini ialah GPI telah menggunakan kedua-dua pendekatan iaitu pemusatan guru dan pemusatan murid ketika mengajar komponen Ibadah tetapi lebih cenderung menggunakan pendekatan berpusatkan murid.

4.5 Kaedah yang Digunakan oleh GPI Semasa Mengajar Tajuk-tajuk dalam Komponen Ibadah Pendidikan Islam.

Untuk analisis Bahagian C soal selidik, penulis akan menghuraikan dengan lebih mendalam tentang kaedah yang digunakan oleh GPI di sekolah-sekolah menengah di Kuching ketika mengajar tajuk-tajuk dalam komponen Ibadah berdasarkan pengalaman responden terhadap

³⁶⁵Mohd Musnizam Jaafar@ Mustapha, Ab Halim Tamuri, dan Rohizan Ya, "Konsep Berilmu Di Kalangan Guru Pendidikan Islam: Satu Keperluan Dalam Membangunkan Modal Insan," 289–303.

³⁶⁶Al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm Al-Dīn*.

kaedah yang digunakan oleh GPI di dalam kelas. Dapatan ini juga bertujuan untuk menjawab objektif dan soalan kajian yang kedua iaitu mengkaji kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh GPI ketika mengajar tajuk-tajuk komponen Ibadah Pendidikan Islam.

Terdapat 15 kaedah yang telah disenaraikan iaitu syarahan, hafazan, penceritaan, tunjuk cara, latih tubi, koperatif, penyelesaian masalah, simulasi, projek, inkuiri, permainan, lawatan, pembelajaran berbantuan komputer, pembelajaran maya Frog VLE dan pembelajaran berasaskan peta pemikiran I-Think. Senarai kaedah PdPc beserta dengan penerangan sebagai panduan responden telah disertakan dalam Bahagian C soal selidik ini. Penulis juga telah menganalisis kaedah tersebut berdasarkan setiap tajuk³⁶⁷ yang terdapat dalam komponen Ibadah Pendidikan Islam tingkatan 4 yang telah dibahagikan kepada empat bahagian utama untuk memudahkan analisis iaitu:

1. Lambaian Kaabah
 - a. Kewajipan Haji dan Umrah
 - b. Cara menyempurnakan ibadah Haji dan Umrah
 - c. Wajib Haji dan Umrah
 - d. Cara mengerjakan Haji dan Umrah dan jenis-jenis dam.
2. Sembelihan, Korban dan Aqiqah
3. Muamalah dalam Islam 1
 - a. Jual beli
 - b. Sewaan
 - c. Gadaian
4. Muamalah dalam Islam 2
 - a. Syarikat

³⁶⁷Fauziah Mohd Ramli dan Aminah Idris, *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 4*, 6.

- b. Saham
- c. Insurans
- d. Hutang

4.5.1 Lambaian Kaabah

Jadual 4.4: Lambaian Kaabah

Bil	Kaedah	Kekerapan dan Peratus									
		Tajuk 1		Tajuk 2		Tajuk 3		Tajuk 4		Jumlah	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
1.	Penceritaan	62	22.9	58	21.4	60	22.1	60	22.1	240	88.5
2.	Tunjuk Cara	38	14	34	12.5	37	13.7	50	18.5	159	58.7
3.	Latih Tubi	32	11.8	34	12.5	32	11.8	29	10.7	127	46.8
4.	Syarahan	32	11.8	31	11.4	34	12.5	29	10.7	126	46.4
5.	I-Think	24	8.9	30	11.1	26	9.6	20	7.4	100	37
6.	Simulasi	18	6.6	16	5.9	16	5.9	30	11.1	80	29.5
7.	Hafazan	14	5.2	17	6.3	12	4.4	8	3	51	18.9
8.	Penyelesaian Masalah	11	4.1	14	5.2	16	5.9	10	3.7	51	18.9
9.	komputer	8	3	9	3.3	9	3.3	9	3.3	35	12.9
10.	Permainan	8	3	7	2.6	8	3	7	2.6	30	11.2
11.	Koperatif	6	2.2	7	2.6	7	2.6	3	1.1	23	8.5
12.	Projek	6	2.2	5	1.8	4	1.5	7	2.6	22	8.1
13.	Lawatan	7	2.6	3	1.1	3	1.1	5	1.8	18	6.6
14.	Inkuiri	4	1.5	5	1.5	6	2.2	3	1.1	18	6.6
15.	Frog VLE	1	0.4	1	0.4	1	0.4	1	0.4	4	1.6

Soal selidik 2017

Jadual 4.4 mempamerkan hasil analisis tentang kaedah yang digunakan oleh GPI semasa mengajar tajuk Lambaian Kaabah. Dapatan menunjukkan kaedah yang paling tinggi penggunaannya oleh GPI di dalam kelas semasa mengajar tajuk Lambaian Kaabah ialah kaedah penceritaan iaitu 88.5% diikuti oleh tunjuk cara 58.7%, latih tubi 46.8% dan syarahan 46.4%. Selain daripada itu, GPI juga menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan peta pemikiran I-Think 37%, simulasi 29.5%, hafazan 18.9%, penyelesaian masalah 18.9%, pembelajaran berbantuan komputer 12.9%, permainan 11.2%, koperatif 8.5%, projek 8.1%, lawatan 6.6%, inkuiri 6.6% dan pembelajaran maya Frog VLE 1.6%.

Pada bahagian seterusnya, penulis akan menjelaskan secara terperinci kaedah yang digunakan oleh GPI berdasarkan subtajuk dalam tajuk Lambaian Kaabah.


a) Kewajipan Haji dan Umrah



Rajah 4.25: Kewajipan Haji dan Umrah

Rajah 4.25 menunjukkan data tentang kaedah yang digunakan oleh GPI semasa mengajar tajuk kewajipan Haji dan Umrah. Penggunaan kaedah yang melebihi 20% ialah kaedah penceritaan iaitu 22.9%. Terdapat tiga kaedah yang berada dalam lingkungan 10%-20% iaitu tunjuk cara 14%, latih tubi 11.8% dan syarahan 11.8%. Manakala kaedah yang berada di bawah 10% ialah pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 8.9%, simulasi 6.6%, hafazan 5.2%, penyelesaian masalah 4.1%, pembelajaran berbantuan komputer 3%, permainan 3%, lawatan 2.6%, koperatif 2.2%, projek 2.2%, inkuiri 1.5% dan pembelajaran maya Frog VLE 0.4%. Ini bermakna separuh responden menyatakan bahawa GPI memilih kaedah penceritaan, tunjuk cara, latih tubi dan syarahan ketika mengajar tajuk kewajipan Haji dan Umrah.


b) Cara mengerjakan ibadah Haji dan Umrah



Rajah 4.26: Cara menyempurnakan ibadah Haji dan Umrah

Rajah 4.26 memaparkan data tentang kaedah yang digunakan oleh GPI semasa mengajar tajuk cara menyempurnakan ibadah Haji dan Umrah. Kaedah yang melebihi 20% ialah penceritaan 21.4%. Kaedah yang berada di antara 10%-20% iaitu tunjuk cara 12.5%, latih tubi 12.5%, syarahan 11.4% dan pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 11.1%. Selebihnya sepuluh kaedah berada di bawah 10% iaitu hafazan 6.3%, simulasi 5.9%, penyelesaian masalah 5.2%, pembelajaran berbantuan komputer 3.3%, permainan 2.6%, koperatif 2.6%, projek 1.8%, inkuiri 1.8%, lawatan 1.1% dan pembelajaran maya Frog VLE 0.4%. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden menyatakan bahawa GPI cenderung menggunakan kaedah penceritaan, tunjuk cara dan latih tubi ketika mengajar tajuk kewajipan Haji dan Umrah.


c) Wajib Haji dan Umrah



Rajah 4.27: Wajib Haji dan Umrah

Berdasarkan kepada Rajah 4.27 kaedah yang diaplikasikan oleh GPI ketika mengajar tajuk wajib Haji dan Umrah berdasarkan pengalaman responden ialah penceritaan iaitu 22.1% diikuti oleh tunjuk cara 13.7%, syarahan 12.5% dan latih tubi 11.8%. Seterusnya kaedah yang berada di bawah 10% ialah pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 9.6%, simulasi 5.9%, penyelesaian masalah 5.9%, hafazan 4.4%, pembelajaran berbantuan komputer 3.3%, permainan 3%, koperatif 2.6%, inkuiri 2.2%, projek 1.5%, lawatan 1.1% dan pembelajaran maya Frog VLE 0.4%. Dapatan ini membuktikan bahawa kebanyakan responden menyatakan GPI memilih menggunakan kaedah penceritaan, tunjuk cara dan syarahan ketika mengajar tajuk wajib Haji dan Umrah.

a. Cara mengerjakan Haji dan jenis-jenis dam.



Rajah 4.28: Cara mengerjakan Haji dan jenis-jenis dam

Rajah 4.28 menunjukkan dapatan kajian tentang kaedah yang diaplikasikan oleh GPI ketika mengajar tajuk cara mengerjakan Haji dan jenis-jenis dam. GPI didapati cenderung menggunakan kaedah penceritaan 22.1%, tunjuk cara 18.5%, simulasi 11.1%, syarahan 10.7% dan latih tubi 10.7% berbanding dengan kaedah lain seperti pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 7.4%, penyelesaian masalah 3.7%, pembelajaran berbantuan komputer 3.3%, hafazan 3%, permainan 2.6%, projek 2.6%, lawatan 1.8%, koperatif 1.1%, inkuiri 1.1% dan pembelajaran maya Frog VLE 0.4%. Ini membuktikan separuh responden bersetuju bahawa kaedah penceritaan, tunjuk cara dan simulasi merupakan kaedah yang popular digunakan oleh GPI semasa mengajar tajuk cara mengerjakan Haji dan jenis-jenis dam.

4.5.2 Sembelihan, Korban dan Aqiqah


Jadual 4.5: Sembelihan, Korban dan Aqiqah

Bil	Kaedah	Kekerapan dan Peratus							
		Sembelihan		Korban		Aqiqah		Jumlah	
		N	%	N	%	N	%	N	%
1.	Penceritaan	60	22.1	63	23.2	64	23.6	187	68.9
2.	Tunjuk Cara	48	17.7	34	12.	36	13.3	118	43.5
3.	Syarahan	30	11.1	35	12.9	33	12.2	98	36.2
4.	Latih Tubi	32	11.8	16	5.9	34	12.5	82	30.2
5.	I-Think	17	6.3	22	8.1	21	7.7	60	22.1
6.	Simulasi	0	7.4	19	7	14	5.2	53	19.6
7.	Hafazan	10	3.7	29	10.7	11	4.1	50	18.5
8.	Penyelesaian Masalah	14	5.2	13	4.8	16	5.9	43	15.9
9.	Komputer	9	3.3	10	3.7	10	3.7	29	10.7
10.	Projek	10	3.7	9	3.3	7	2.6	26	9.6
11.	Koperatif	6	2.2	7	2.6	9	3.3	22	8.1
12.	Permainan	7	2.6	5	1.8	8	3	20	7.4
13.	Lawatan	4	1.5	5	1.8	4	1.5	13	4.8
14.	Inkuiri	3	1.1	3	1.1	3	1.1	9	3.3
15.	Frog VLE	1	0.4	1	0.4	1	0.4	3	1.2

Jadual 4.5 mempamerkan hasil analisis tentang kaedah yang digunakan oleh GPI semasa mengajar tajuk Sembelihan, Korban dan Aqiqah di dalam kelas. Data menunjukkan bahawa kaedah yang paling tinggi penggunaannya oleh GPI ialah penceritaan 68.9%, tunjuk cara 43.5%, syarahan 36.2% dan latih tubi 30.2%. Manakala kaedah yang paling kurang digunakan oleh GPI mengikut pengalaman responden ialah pembelajaran maya Frog VLE 1.1%, inkuiri 3.3%, lawatan 4.8%, permainan 7.4%, koperatif 8.1% dan projek 9.6%. GPI juga menggunakan kaedah-kaedah lain untuk mengajar tajuk-tajuk ini iaitu pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 22.1%, simulasi 19.6%, hafazan 18.5%, penyelesaian masalah 15.9 dan pembelajaran berbantuan komputer 10.7%. Untuk memahami dengan lebih terperinci, penulis akan menjelaskan kaedah yang digunakan oleh GPI ketika mengajar tajuk Sembelihan, Korban dan Aqiqah satu persatu pada bahagian yang seterusnya.

a) Sembelihan

Rajah 4.29 memaparkan data tentang tajuk Sembelihan iaitu penceritaan 22.1%, tunjuk cara 17.7%, latih tubi 11.8%, syarahan 11.1%, simulasi 7.4%, pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 6.3%, penyelesaian masalah 5.2%, hafazan 3.7%, projek 3.7%, pembelajaran berbantuan komputer 3.3%, permainan 2.6%, koperatif 2.2%, lawatan 1.5%, inkuiri 1.1% dan pembelajaran maya Frog VLE 0.4%. Ini menunjukkan bahawa separuh responden mendapati GPI memilih untuk menggunakan kaedah penceritaan, tunjuk cara dan latih tubi ketika mengajar tajuk Sembelihan.




Rajah 4.29: Sembelihan

b) Korban

Berdasarkan kepada Rajah 4.30, data menunjukkan kaedah yang digunakan oleh GPI untuk mengajar tajuk Korban ialah penceritaan 23.3%, syarahan 12.9%, tunjuk cara 12.5%, hafazan 10.7%, pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 8.1%, simulasi 7%, latih


tubi 5.9%, penyelesaian masalah 4.8%, pembelajaran berbantuan komputer 3.7%, projek 3.3%, koperatif 2.6%, permainan 1.8%, lawatan 1.8%, inkuiri 1.1% dan pembelajaran maya Frog VLE 0.4%. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa kaedah penceritaan, syarahan dan tunjuk cara merupakan kaedah yang popular dalam kalangan GPI ketika mengajar tajuk Korban.



Rajah 4.30: Korban

c) Aqiqah

Rajah 4.31 menunjukkan data tentang kaedah yang diaplikasikan oleh GPI semasa mengajar tajuk Aqiqah. Kaedah yang digunakan ialah penceritaan 23.6%, tunjuk cara 13.3%, latih tubi 12.5%, syarahan 12.2%, pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 7.7%, penyelesaian masalah 5.9%, simulasi 5.2%, hafazan 4.1%, pembelajaran berbantuan komputer 3.7%, koperatif 3.3%, permainan 3%, projek 2.6%, lawatan 1.5%, inkuiri 1.1% dan pembelajaran maya Frog VLE 0.4%. Ini bermakna kebanyakan responden mendapati GPI cenderung menggunakan kaedah penceritaan, tunjuk cara, latih tubi dan syarahan untuk memantapkan lagi pemahaman responden tentang tajuk Aqiqah.



Rajah 4.31: Aqiqah

4.5.3 Muamalah dalam Islam 1


Jadual 4.6: Muamalah dalam Islam 1

Bil	Kaedah	Kekerapan dan Peratus							
		Jual Beli		Sewaan		Gadaian		Jumlah	
		N	%	N	%	N	%	N	%
1.	Penceritaan	63	23.2	63	23.2	63	23.2	189	69.6
2.	Syarahan	33	12.2	35	12.9	35	12.9	103	38
3.	Latih Tubi	35	12.9	32	11.8	34	12.5	101	37.2
4.	Tunjuk Cara	35	12.9	32	11.8	29	10.7	96	35.4
5.	Penyelesaian Masalah	22	8.1	20	7.4	23	8.5	65	24
6.	I-Think	18	6.6	20	7.4	18	6.6	56	20.6
7.	Koperatif	11	4.1	13	4.8	12	4.4	36	13.3
8.	Hafazan	10	3.7	11	4.1	12	4.4	33	11.9
9.	Simulasi	10	3.7	11	4.1	11	4.1	32	11.9
10.	Komputer	9	3.3	10	3.7	11	4.1	30	11.1
11.	Permainan	7	2.6	9	3.3	7	2.6	23	8.5
12.	Projek	8	3	5	1.8	7	2.6	20	7.4
13.	Lawatan	5	1.8	4	1.5	5	1.8	14	5.1
14.	Inkuiri	4	1.5	5	1.8	3	1.1	12	4.4
15.	Frog VLE	1	0.4	1	0.4	1	0.4	3	1.2

Soal selidik 2017

Jadual 4.6 menunjukkan data tentang kaedah yang digunakan oleh GPI semasa mengajar tajuk Muamalah dalam Islam 1. Tajuk-tajuk muamalah 1 terdiri daripada tiga subtajuk iaitu jual beli, sewaan, dan gadaian. Data menunjukkan kaedah yang digunakan oleh GPI di dalam kelas ialah penceritaan 69.6% diikuti oleh syarahan 38%, latih tubi 37.2% dan tunjuk cara 35.4%. Kaedah yang berada di tahap 10%-30% ialah penyelesaian masalah 24%, pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 20.6%, koperatif 13.3%, hafazan 11.9%, simulasi 11.9% dan pembelajaran berbantuan komputer 11.1%. Manakala kaedah yang memperolehi peratus di bawah 10% pula ialah permainan 8.5%, projek 7.4%, lawatan 5.1%, inkuiri 4.4% dan pembelajaran maya Frog VLE 1.2%. Pada bahagian seterusnya penulis akan menjelaskan secara terperinci kaedah yang digunakan oleh GPI berdasarkan subtajuk tersebut.


a) Jual beli



Rajah 4.32: Jual Beli

Rajah 4.32 memaparkan peratus responden yang menyatakan kaedah yang digunakan oleh GPI semasa mengajar tajuk Jual beli ialah kaedah penceritaan 23.2%, tunjuk cara 12.9%, latih tubi 12.9% dan syarahan 12.2%. Manakala kaedah yang berada di bawah 10% ialah penyelesaian masalah 8.1%, pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 6.6%, koperatif 4.1%, hafazan 3.7%, simulasi 3.7%, pembelajaran berbantuan komputer 3.3%, projek 3%, permainan 2.6%, lawatan 1.8%, inkuiri 1.5% dan pembelajaran maya Frog VLE 0.4%. Ini membuktikan bahawa kaedah penceritaan, tunjuk cara dan latih tubi merupakan kaedah yang popular diaplikasikan oleh GPI ketika mengajar tajuk Jual beli.

b) Sewaan




Rajah 4.33: Sewaan

Berdasarkan kepada Rajah 4.33, data menunjukkan bahawa GPI mengaplikasikan kaedah penceritaan 23.2% diikuti oleh syarahan 12.9%, tunjuk cara 11.8% dan latih tubi

11.8% dalam PdPc tajuk Sewaan. Kaedah-kaedah lain yang digunakan oleh GPI ialah penyelesaian masalah 7.4%, pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 7.4%, koperatif 4.8%, simulasi 4.1%, hafazan 4.1%, pembelajaran berbantuan komputer 3.7%, permainan 3.3%, inkuiri 1.8%, projek 1.8%, lawatan 1.5% dan pembelajaran maya Frog VLE 0.4%. Ini membuktikan bahawa kebanyakan responden menyatakan bahawa GPI cenderung menggunakan kaedah penceritaan dan syarahan untuk memberi kefahaman kepada responden tentang tajuk Sewaan.

c) Gadaian



Rajah 4.34: Gadaian

Jadual 4.34 memaparkan data tentang kaedah yang digunakan oleh GPI semasa PdPc gadaian. Responden menyatakan GPI memilih menggunakan kaedah penceritaan 23.2% diikuti oleh syarahan 12.9%, latih tubi 12.5% dan tunjuk cara 10.7%. Data juga mendapati

GPI ada menggunakan kaedah lain seperti penyelesaian masalah 8.5%, pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 6.6%, koperatif, 4.4%, hafazan 4.4% pengajaran berbantuan komputer 4.1%, simulasi 4.1%, permainan 2.6%, projek 2.6%, lawatan 1.8%, inkuiri 1.1% dan pembelajaran maya Frog VLE 0.4%. Dapatan ini menggambarkan kebanyakan responden bersetuju bahawa kaedah penceritaan, syarahan dan latih tubi adalah antara kaedah yang popular diaplikasikan oleh GPI.

4.5.4 Muamalah Dalam Islam 2

Jadual 4.7: Muamalah dalam Islam 2


Bil	Kaedah	Kekerapan dan Peratus									
		Syarikat		Saham		Insurans		Hutang		Jumlah	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
1.	Penceritaan	65	24	65	24	68	25.1	65	24	263	97.1
2.	Latih Tubi	34	12.5	34	12.5	35	12.9	37	13.7	140	51.6
3.	Syarahan	35	12.9	35	12.9	34	12.5	36	13.3	140	51.6
4.	Tunjuk Cara	28	10.3	29	10.7	30	11.1	31	11.4	118	43.5
5.	Penyelesaian Masalah	21	7.7	21	7.7	19	7	21	7.7	82	30.1
6.	I-Think	21	7.7	22	8.1	21	7.7	22	8.1	86	27.
7.	Hafazan	10	3.7	12	4.4	11	4.1	11	4.1	44	16.3
8.	Komputer	11	4.1	11	4.1	10	3.7	9	3.3	41	15.2
9.	Simulasi	10	3.7	9	3.3	10	3.7	10	3.7	39	14.4
10.	Koperatif	11	4.1	9	3.3	10	3.7	9	3.3	39	14.4
11.	Permainan	6	2.2	6	2.2	6	2.2	6	2.2	24	8.8
12.	Projek	7	2.6	8	3	7	2.6	4	1.5	26	7.7
13.	Lawatan	7	2.6	5	1.8	5	1.8	3	1.1	20	7.3
14.	Inkuiri	4	1.5	4	1.5	4	1.5	6	2.2	18	6.7
15.	Frog VLE	1	0.4	1	0.4	1	0.4	1	0.4	4	1.1

Soal selidik 2017

Jadual 4.7 menggambarkan dapatan kajian tentang kaedah yang digunakan oleh GPI semasa mengajar tajuk Muamalah dalam Islam 2 di dalam kelas yang terdiri daripada subtajuk syarikat, saham, insurans dan hutang. Data menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan oleh GPI di dalam kelas ialah penceritaan 97.1% diikuti oleh latih tubi 51.6%, syarahan 51.6% dan tunjuk cara 43.5%. Manakala kaedah-kaedah lain yang dikenalpasti telah digunakan oleh GPI ialah penyelesaian masalah 30.1%, pembelajaran berasaskan peta

pemikiran i-Think 27.2%, hafazan 16.3%, pembelajaran berbantuan komputer 15.2%, simulasi 14.4%, koperatif 14.4%, permainan 8.8%, projek 7.7%, lawatan 7.3%, inkuiri 6.7% dan pembelajaran maya Frog VLE 1.1%. Penjelasan secara lebih terperinci akan dilakukan seterusnya oleh penulis pada bahagian yang seterusnya.

a) Syarikat




Rajah 4.35: Syarikat

Jadual 4.35 menunjukkan pengalaman responden tentang kaedah yang digunakan oleh GPI semasa PdPc Syarikat iaitu kaedah penceritaan 24% diikuti oleh syarahan 12.9%, latih tubi 12.5% dan tunjuk cara 10.3%. GPI juga didapati ada menggunakan kaedah penyelesaian masalah 7.7%, pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 7.7%, koperatif 4.1%, pembelajaran berbantuan komputer 4.1%, hafazan 3.7%, simulasi 3.7%, projek 2.6%, lawatan 2.6%, permainan 2.2%, inkuiri 1.5% dan pembelajaran maya Frog VLE 0.4%. Ini membuktikan bahawa kebanyakan responden memberitahu bahawa GPI

memilih menggunakan kaedah penceritaan, syarahan dan latih tubi dalam PdPc di dalam kelas.

b). Saham




Rajah 4.36: Saham

Berdasarkan Rajah 4.36, hasil analisis menunjukkan pengalaman responden tentang kaedah yang popular digunakan oleh GPI semasa mengajar tajuk Saham. Responden menyatakan GPI mengaplikasikan kaedah penceritaan 24% diikuti oleh syarahan 12.9%, latih tubi 12.5% dan tunjuk cara 10.7% semasa PdPc di dalam kelas. Data juga mempamerkan GPI ada menggunakan kaedah-kaedah lain seperti pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 8.1%, penyelesaian masalah 7.7%, hafazan 4.4%, pembelajaran berbantuan komputer 4.1%, koperatif 3.3%, simulasi 3.3% dan projek 3%, permainan 2.2%, lawatan 1.8%, inkuiri 1.5% dan pembelajaran maya Frog VLE 0.4%. Ini bermaksud

separuh responden bersetuju bahawa GPI cenderung menggunakan kaedah penceritaan, syarahan dan latih tubi ketika mengajar tajuk Saham.


c) Insurans



Rajah 4.37: Insuran

Rajah 4.37 menggambarkan dapatan soal selidik tentang kaedah yang diaplikasikan oleh GPI semasa PdPc Insurans. Responden menyatakan bahawa GPI menggunakan kaedah penceritaan 25.1% diikuti oleh latih tubi 12.9%, syarahan 12.5% dan tunjuk cara 11.1%. Kaedah-kaedah lain yang pengaplikasiannya di bawah 10% ialah pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 7.7%, penyelesaian masalah 7%, hafazan 4.1%, koperatif 3.7%, pembelajaran berbantuan komputer 3.7%, simulasi 3.7%, projek 2.6%, permainan 2.2%, lawatan 1.8%, inkuiri 1.5% dan pembelajaran maya Frog VLE 0.4%. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa separuh responden menyatakan bahawa kaedah yang popular dalam kalangan GPI ialah penceritaan, latih tubi dan syarahan.

d) Hutang



Rajah 4.38: Hutang

Rajah 4.38 menunjukkan data berkenaan kaedah yang digunakan oleh GPI ketika mengajar tajuk Hutang. Dapatan menunjukkan GPI cenderung menggunakan kaedah penceritaan 24% diikuti oleh latih tubi 13.7%, syarahan 13.3% dan tunjuk cara 11.4%. Manakala kaedah yang berada di tahap sederhana penggunaannya ialah pembelajaran berasaskan peta pemikiran i-Think 8.1%, penyelesaian masalah 7.7%, hafazan 4.1%, simulasi 3.7%, koperatif 3.3%, dan pembelajaran berbantuan komputer 3.3%. Kaedah-kaedah lain walaupun kurang digunakan tapi masih memainkan peranan yang penting iaitu inkuiri 2.2%, permainan 2.2%, projek 1.5%, lawatan 1.1% dan pembelajaran maya Frog VLE 0.4%. Ini membuktikan separuh responden menyatakan GPI memilih kaedah penceritaan, latih tubi dan syarahan berbanding dengan kaedah yang lain.

4.6 Perbincangan Dapatan Kajian Objektif 2

Untuk memudahkan analisis tentang dapatan kajian bahagian C soal selidik, penulis telah membahagikannya kepada empat tajuk besar iaitu (i) Lambaian Kaabah, (ii) Sembelihan, Korban dan Aqiqah, (iii) Muamalah dalam Islam 1 dan (iv) Muamalah dalam Islam 2.

Berdasarkan pengalaman responden seramai 271 orang, dapatan soal selidik menunjukkan bahawa GPI memilih untuk menggunakan kaedah penceritaan ketika PdPc komponen Ibadah. Ini dibuktikan apabila kaedah penceritaan mendapat peratusan yang tinggi dalam setiap tajuk yang diajar. Selain daripada kaedah penceritaan, responden yang terdiri daripada pelbagai aras pencapaian akademik bersetuju bahawa GPI juga suka menggunakan kaedah tunjuk cara dan latih tubi untuk memberi kefahaman kepada mereka. Walau bagaimanapun daripada 15 kaedah yang terdapat dalam soal selidik, responden menyatakan GPI jarang menggunakan kaedah pembelajaran maya Frog VLE.

Hasil analisis soal selidik mendapati GPI di sekolah-sekolah menengah terpilih di Kuching cenderung menggunakan kaedah penceritaan dalam PdPc komponen Ibadah. Ini selari dengan kajian Kamarul, Ab. Halim dan Mohd Izham³⁶⁸ yang menyatakan GCPI suka menggunakan kaedah penceritaan apabila mendapati penggunaan kaedah penceritaan dalam kalangan GCPI di kawasan luar bandar menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 4.12 dan GCPI kawasan bandar menunjukkan nilai min sederhana tinggi iaitu 3.82.

Kaedah penceritaan yang merupakan pendekatan pemusatan guru adalah sesuai digunakan pada peringkat awal pengajaran terutama apabila hendak menerangkan tentang konsep setiap tajuk seperti sejarah kefarduan Haji dalam tajuk Lambaian Kaabah dan sejarah pengorbanan Nabi Ismail dan Nabi Ibrahim dalam tajuk Korban. Ini disokong oleh

³⁶⁸Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah, "Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar : Satu Kajian Perbandingan.", 179-198.

kajian Nur Hanani³⁶⁹ yang menyatakan GCPI menggunakan pendekatan pemusatan guru untuk menerangkan tentang konsep dalam pembelajaran Ibadah supaya murid dapat mengaitkan cerita dengan sebab difardukan ibadah tersebut.

Dapatan ini juga disokong oleh temu bual yang dijalankan. Ketiga-tiga informan menjelaskan bahawa kaedah penceritaan hanya diaplikasikan pada peringkat awal pengajaran sebagai pengenalan kepada tajuk. Apabila murid telah faham, informan akan beralih kepada kaedah-kaedah lain yang lebih melibatkan penyertaan aktif murid dalam proses PdPc.

...bila mengajar bab haji, saya akan cerita dulu tentang haji... contohnya kisah di padang makhsyar untuk bab wukuf... kisah Nabi Ismail dan ibunya untuk bab saie... mun (bila) pelajar dan faham, saya bahagikan mereka kepada beberapa kumpulan dan beri mereka satu set permainan "Pintar Haji".... mereka bincang dan selesaikan masalah yang ada dalam set permainan itu...

(Farid/TB1/16.8/BlkPAI)

..... pelajar saya ni tak begitu faham kalau kita jelaskan sesuatu konsep tu macam tu je.. so (jadi) saya akan bercerita supaya mereka lebih faham... contohnya tentang sejarah Kaabah dan mengapa orang Islam buat Haji di Mekah... tidak di tempat lain...lagipun tahun ni panitia kami buat demonstrasi cara mengerjakan Haji di surau sekolah... macam buat amali atau praktikal haji...masa tu pelajar semua kena pakai pakaian ihram dan buat macam orang kerjakan haji betul-betul lah.

(Zain/TB2/16.11/telegram)

Untuk tajuk korban, mula-mula saya akan bercerita tentang sejarah korban... kisah pengorbanan Nabi Ibrahim dan anaknya Ismail ... supaya pelajar nampak mengapa ibadah korban disyariatkan dalam Islam...kemudian saya bagi mereka tugas secara kumpulan.... biasanya saya suruh mereka tulis hasil perbincangan dalam kertas majung... kami juga buat amali sembelihan masa sambutan hariraya korban peringkat sekolah.

(Mariam/TB1/25.8/Blkkoop)

Untuk memastikan kaedah penceritaan benar-benar berkesan, Nuraini dan Abd Rasid³⁷⁰ menyarankan beberapa teknik penceritaan seperti GPI bersedia sepenuhnya dengan segala

³⁶⁹Nur Hanani Hussin, "Pengajaran Ibadah Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam.", 315-321

³⁷⁰Zuraini Jusoh dan Abdul Rasid Jamian, "Kesan Bercerita Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Naratif Bahasa Melayu," *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)* 4, no. 1 (2014), 11–18.

fakta tambahan, menghasilkan suasana yang santai antara guru dan murid dan peka dengan perubahan tingkahlaku murid sepanjang PdPc. Al-Ghazali³⁷¹ menyarankan pengajaran guru hendaklah jelas dan mudah difahami dengan mengambil kira perbezaan pencapaian murid.

Data juga menunjukkan kaedah kedua yang popular digunakan oleh GPI ialah tunjuk cara terutama ketika mengajar tajuk yang berkaitan dengan praktikal seperti praktikal haji, sembelihan, korban dan sebagainya. Dapatan ini diperkukuhkan lagi oleh data temu bual daripada keempat-empat informan.

Bagi saya kalau tajuk sembelihan kita kena buat tunjuk cara supaya nampak lebih jelas. Bila pelajar mengalami sendiri cara pembelajaran tersebut, mereka akan lebih mudah faham... macam baru ni kita buat demonstrasi sembelihan... masa tu baru pelajar nampak...

(Farid/TB1/16.8/BlkPAI)

.... seperti sembelihan yang kita buat di luar sidang... pelajar sendiri yang pegang pisau dan sembelih ayam, tapi sebelum tu saya jelaskan dulu macam mana nak buat....dengan cara ni pelajar akan lebih ingat...

(Zain/TB1/21.8/BlkGuru)

Untuk ibadah penyembelihan ni, sepatutnya lah cara yang paling sesuai adalah secara tunjuk cara... dengan syarat telah dijelaskan dan diterangkan oleh guru terlebih dahulu cara dan sebagainya ...

(Mariam/TB1/25.8/Blkkoop)

Saya gunakan kaedah tunjuk cara yang dilakukan pada hari sabtu dengan kerjasama daripada Tabung Haji Kuching kami buat praktikal Haji dan Umrah bersama pelajar.... mereka seronok dan memahami tajuk tersebut

(Raihan/TB1/28.8/Perpus)

Dapatan ini selari dengan kajian Bani Hidayat et al.³⁷² yang menyatakan bahawa kaedah tunjuk cara yang dilakukan di luar kelas seperti surau dan musolla mampu memperkukuhkan pemahaman teori dan praktikal murid serta merealisasikan objektif PdPc komponen Ibadah. Ini disokong oleh Ibnu Khaldun³⁷³ yang memberi penekanan

³⁷¹Al-Ghazālī, *Ihyā'Ulūm Al-Din*.

³⁷²Bani Hidayat Shafie et al., "Strategi Teknik Demonstrasi Dan Pemerhatian Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Ibadah Pendidikan Islam KBSM Di Surau Sekolah."2010, 50-57.

³⁷³Ibn Khaldun, *Al-Muqadimah*.

penggunaan pancaindera seperti penglihatan, pendengaran dan sentuhan dalam proses pembelajaran agar murid dapat belajar dengan lebih cepat.

Kaedah ketiga yang popular digunakan oleh GPI ialah latih tubi iaitu aktiviti mengulang isi-isi penting sehingga dapat menguasai sepenuhnya isi pelajaran. Ini selari dengan kajian Kamarul, Ab. Halim dan Mohd Izham³⁷⁴ yang mendapati kaedah latih tubi latihan di atas kertas edaran untuk tujuan peperiksaan banyak diaplikasikan oleh GCPI semasa PdPc Pendidikan Islam. Dalam komponen Ibadah, kaedah latih tubi boleh diaplikasikan ketika mengajar tajuk-tajuk dalam bab muamalah iaitu apabila hendak memastikan murid ingat isi-isi penting untuk subtopik maksud, syarat dan rukun seperti yang diakui oleh Farid.

Bagi tajuk muamalah pula, saya biasanya suruh pelajar ulang beberapa kali konsep-konsep penting seperti maksud, rukun, syarat dan sebagainya. Contoh maksud ar-rahnu... ramai pelajar tak pernah dengar istilah tu.... saya akan minta pelajar sebut berulang kali sampai mereka ingat.

(Farid/TB2/16.11/telegram)

Kaedah latih tubi dapat dilaksanakan sama ada secara bertulis seperti kuiz dan pengedaran kertas latihan atau secara pertanyaan terus kepada pelajar semasa proses PdPc di dalam kelas sebagai proses pengukuhan kepada isi pelajaran.³⁷⁵ Mariam dan Raihan mempunyai pendapat yang sama apabila ditemu bual oleh penulis.

... saya biasanya buat kuiz di akhir waktu pembelajaran secara latih tubi, kadang-kadang saya tanya secara lisan. Kalau masa masih banyak saya buat latihan bertulis terutama bagi tajuk susah macam insuran dan saham.

(Mariam/TB1/25.8/Blkkoop)

Bila ajar pelajar sederhana ni, saya akan suruh pelajar sebut istilah tu berulang-ulang...macam latih tubi lah sebab dalam Ibadah ni banyak istilah arab. Pelajar saya kurang mahir dengan istilah-istilah ini. Kadang-kadang saya suruh mereka tulis istilah yang susah banyak kali supaya mereka ingat....

(Raihan/TB1/28.8/Perpus)

³⁷⁴ Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izwan Mohd Hamzah, "Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar : Satu Kajian Perbandingan." 179-198.

³⁷⁵ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, "Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Untuk Guru Pelatih," 2017, 92.

Dapatan kajian Nur Syazwina et al.³⁷⁶ membuktikan kaedah latih tubi dapat meningkatkan keyakinan dan motivasi peserta kem bahasa Arab. Ini bertepatan dengan teori Ibnu Khaldun³⁷⁷ iaitu seorang guru perlu mengajar secara beransur-ansur dan berturut-turut mengikut tahap pencapaian murid sehingga mereka menguasai isi pelajaran.

Selain daripada kaedah penceritaan, tunjuk cara dan latih tubi yang popular digunakan oleh GPI di Kuching, penulis juga mengenalpasti kaedah yang kurang popular iaitu pembelajaran maya Frog VLE. Nur Zaira³⁷⁸ mendapati kemahiran ICT guru yang rendah, kekurangan kemudahan ICT di sekolah, keterbatasan masa untuk membuat persediaan dan capaian internet yang terhad merupakan alasan kukuh GPI untuk mengelak penggunaan kaedah pembelajaran maya Frog VLE. Namun, Al-Ghazali³⁷⁹ sering menekankan supaya guru menguasai ilmu fardu kifayah yang mencukupi seperti kemahiran ICT untuk membimbing murid. Ini disokong oleh dapatan temu bual daripada Zain dan Mariam.

Frog VLE lagi satu Nak guna memang kena masa yang lama buat preparation... lagipun ada pelajar yang kurang mahir dengan komputer...jadi susah sikit nak diaplikasikan Frog VLE...

(Zain/TB2/16.11/telegram)

Masalah nak buat frog ni kemudahan yang kurang. Bilik komputer kat sekolah saya ni satu je... jadi macam berebut-rebut... lepas tu internet kadang-kadang dapat, kadang-kadang slow dan terputus-putus....

(Mariam/TB1/25.8/Blkkoop)

Kesimpulannya kaedah yang digunakan oleh GPI di Kuching semasa mengajar tajuk-tajuk dalam PdPc komponen Ibadah ialah penceritaan, tunjuk cara dan latih tubi. Namun demikian, GPI harus mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka supaya dapat

³⁷⁶Nur Syazwina Mustapa et al., "Kajian Meningkatkan Kemahiran Asas Membaca Teks Arab Melalui Kemahiran Membaca Al-Qur'an Dan Kaedah Latih Tubi," (*Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012* (PKEBAR 12), Klana Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan, 19 Mei 2012), 116–129.

³⁷⁷ Ibnu Khaldun, *Al-Muqadimah*.

³⁷⁸ Nur Zaira Razali et al., "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Vle Frog Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Menengah." 2016, 1-9.

³⁷⁹Al-Ghazālī, *'Ihyā'Ulūm Al-Dīn*.

meningkatkan pencapaian, penghayatan, kemahiran, minat dan motivasi murid terhadap pelajaran terutamanya komponen Ibadah.

4.7 Keberkesanan teknik yang digunakan oleh GPI terhadap PdPc komponen Ibadah di dalam kelas.

Soal selidik Bahgian D memaparkan data untuk menjawab objektif dan soalan kajian yang ketiga iaitu menilai keberkesanan teknik yang digunakan oleh GPI terhadap pembelajaran komponen Ibadah Pendidikan Islam. Seterusnya penulis akan membincangkan secara terperinci dapatan tersebut berdasarkan item soalan dalam soal selidik.

Jadual 4.8: Keberkesanan teknik yang digunakan oleh GPI terhadap PdPc komponen Ibadah di dalam kelas.

Bil	Item	Peratus dan Kekerapan					Skor Min	Min Keseluruhan
Teknik yang digunakan oleh guru dapat:	STS* 1	TS* 2	KS* 3	S* 4	SS* 5			
1.	memudahkan saya memahami kandungan komponen Ibadah.	0.7% (2)	0.0% (0)	2.6% (7)	38% (103)	58.7% (159)	4.53	3.89
2.	meningkatkan minat saya untuk terus mempelajari komponen Ibadah.	1.8% (5)	7% (19)	0% (0)	45.8% (124)	45.4% (123)	4.35	
3.	membantu saya menyelesaikan masalah berkaitan PdPc komponen Ibadah dengan baik.	1.5% (4)	0.7% (2)	8.5% (23)	40.2% (109)	49.1% (133)	4.35	
4.	meningkatkan markah Pendidikan Islam saya dalam peperiksaan lepas.	0.4% (1)	1.5% (4)	9.2% (25)	47.2% (128)	41.7% (113)	4.28	
5.	menggalakkan saya melibatkan diri secara aktif dalam kelas.	1.5% (4)	3% (8)	10% (27)	41.7% (113)	43.9% (119)	4.24	
6.	memudahkan saya mengingat isi-isi penting dalam komponen Ibadah dengan berkesan.	3% (8)	5.2% (14)	9.6% (26)	45% (122)	37.3% (101)	4.08	


Jadual 4.8: sambungan

Bil	Item	Peratus dan Kekerapan					Min	Min Keseluruhan
		STS* 1	TS* 2	KS* 3	S* 4	SS* 5		
7.	menggalakkan saya untuk mencari maklumat tambahan dalam komponen Ibadah.	4.1% (11)	3% (8)	12.5% (34)	42.4% (115)	38.0% (103)	4.07	
8.	memperkuhkan pemahaman saya tentang penguasaan konsep dalam komponen Ibadah.	3.3% (9)	1.8% (5)	20.7% (56)	39.9% (108)	34.3% (93)	4.00	
9.	meningkatkan motivasi saya untuk menghadiri kelas Pendidikan Islam.	4.1% (11)	5.2% (14)	24.4% (66)	38% (103)	28.4% (77)	3.81	
10	membantu saya mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan seharian.	4.4% (12)	9.2% (25)	21% (57)	40.6% (110)	24.7% (67)	3.72	
11	meningkatkan keyakinan saya untuk menyumbang idea dalam komponen Ibadah.	8.5% (23)	12.9% (35)	19.2% (52)	20.7% (56)	38.7% (105)	3.68	
12.	membantu saya menjalin kerjasama erat dengan rakan apabila melakukan aktiviti dalam PdPc.	9.2% (25)	9.6% (26)	26.9% (73)	33.9% (92)	20.3% (55)	3.46	
13.	mengekalakan tumpuan saya terhadap PdPc.	8.5% (23)	12.9% (35)	29.2% (79)	33.9% (92)	15.5% (42)	3.35	
14	membolehkan saya membantu rakan yang kurang faham tentang kandungan komponen Ibadah.	5.2% (14)	17.7% (48)	28.8% (78)	35.1% (95)	13.3% (36)	3.33	
15	memudahkan saya membuat penggabungan antara kandungan komponen Ibadah dengan subjek lain	10.7% (29)	20.3% (55)	24.7% (67)	28.4% (77)	15.9% (43)	3.18	

*STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, KS =Kurang Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju


Jadual 4.8 menunjukkan data keseluruhan keberkesanan teknik yang digunakan oleh GPI terhadap PdPc komponen Ibadah. Skor min keseluruhan ialah 3.89. Item yang

menunjukkan nilai min tertinggi ialah teknik yang digunakan oleh GPI *memudahkan responden memahami kandungan komponen Ibadah* 4.53 manakala nilai min yang terendah ialah teknik yang digunakan oleh GPI *membantu responden membuat penggabungan antara komponen Ibadah dengan subjek lain* 3.18. Terdapat lima item yang berada pada nilai min sangat tinggi, tujuh item pada nilai min tinggi dan tiga item pada nilai min sederhana. Penulis juga telah membahagikan skala kepada dua aspek iaitu berkesan dan tidak berkesan. Responden yang menjawab skala 1, 2 dan 3 menunjukkan teknik pengajaran GPI kurang berkesan manakala skala 4 dan 5 menunjukkan teknik pengajaran yang berkesan. Penulis akan menjelaskan dengan lebih terperinci lagi mengenai dapatan ini pada bahagian seterusnya.




Rajah 4.39: Teknik yang digunakan oleh guru dapat memudahkan murid memahami kandungan komponen Ibadah.

Rajah 4.39 menunjukkan data tentang teknik yang digunakan oleh GPI telah memudahkan responden memahami kandungan komponen Ibadah. Sebanyak 58.7% responden sangat setuju, 38% setuju, 2.6% kurang setuju dan 0.7% sangat tidak setuju. Dengan nilai min 4.53 (Jadual 4.8) menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa teknik pengajaran yang digunakan oleh GPI adalah berkesan kerana teknik yang menarik mampu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mereka tentang kandungan komponen Ibadah.



Rajah 4.40: Teknik yang digunakan oleh guru dapat meningkatkan minat murid untuk terus mempelajari komponen Ibadah.


Rajah 4.40 merupakan hasil analisis tentang teknik yang digunakan oleh GPI dapat meningkatkan minat responden untuk terus belajar komponen Ibadah. Data menunjukkan bahawa 45.4% responden sangat setuju, 45.8% setuju, 7% tidak setuju dan 1.8% sangat tidak setuju. Dengan nilai min 4.35 (Jadual 4.8) bermakna majoriti responden bersetuju bahawa teknik PdPc GPI adalah berkesan apabila dapat menarik minat murid terhadap pengajaran GPI.



Rajah 4.41: Teknik yang digunakan oleh guru membantu murid menyelesaikan masalah berkaitan PdPc komponen Ibadah dengan baik.


Rajah 4.41 mempamerkan data tentang teknik yang digunakan oleh GPI membantu responden menyelesaikan masalah berkaitan PdPc komponen Ibadah dengan baik. Sebanyak 49.1% responden sangat setuju, 40.2% setuju, 8.5% kurang setuju, 0.7% tidak setuju dan 1.5% sangat tidak setuju. Nilai min yang tinggi iaitu 4.35 (Jadual 4.8)

membuktikan bahawa teknik yang digunakan oleh GPI adalah berkesan untuk mengurangkan masalah yang dihadapi oleh murid semasa PdPc Ibadah.



Rajah 4.42: Teknik yang digunakan oleh guru telah meningkatkan markah Pendidikan Islam murid dalam peperiksaan lepas.


Rajah 4.42 menunjukkan data berkaitan teknik yang digunakan oleh GPI telah menaikkan markah Pendidikan Islam responden dalam peperiksaan yang lepas. Sebanyak 41.7% responden sangat setuju, 47.2% setuju, 9.2% kurang setuju, 1.5% tidak setuju dan 0.4% sangat tidak setuju. Dengan nilai min 4.28 (Jadual 4.8) menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa teknik yang digunakan oleh GPI adalah berkesan untuk meningkatkan pemahaman murid dan membolehkan murid menjawab soalan serta mendapat markah yang baik dalam peperiksaan.



Rajah 4.43: Teknik yang digunakan oleh guru menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dalam kelas.


Rajah 4.43 merupakan hasil analisis tentang teknik yang digunakan oleh GPI menggalakkan responden melibatkan diri secara aktif dalam kelas. Dapatan menunjukkan

bahawa 43.9% responden sangat setuju, 41.7% setuju, 10% kurang setuju, 3% tidak setuju dan 1.5% sangat tidak setuju. Nilai min yang tinggi iaitu 4.24 (Jadual 4.8) bermakna majoriti responden bersetuju bahawa teknik yang digunakan oleh GPI adalah berkesan kerana dapat menarik murid untuk melibatkan diri secara aktif ketika proses PdPc.




Rajah 4.44: Teknik yang digunakan oleh guru memudahkan murid mengingat isi-isi penting dalam komponen Ibadah dengan berkesan.

Rajah 4.44 memaparkan pengalaman responden berkaitan teknik yang digunakan oleh GPI memudahkan responden mengingat isi-isi penting dalam komponen Ibadah dengan lebih berkesan. Sebanyak 37.3% responden sangat setuju, 45% bersetuju, 9.6% kurang setuju, 5.2% tidak setuju dan 3% sangat tidak setuju. Dengan nilai min 4.08 (Jadual 4.8) menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa teknik yang digunakan oleh guru adalah berkesan kerana proses mengingat memerlukan teknik tertentu untuk mengekalkan ingatan tentang sesuatu perkara.




Rajah 4.45: Teknik yang digunakan oleh guru menggalakkan murid untuk mencari maklumat tambahan dalam komponen Ibadah.

Rajah 4.45 mempamerkan data tentang teknik yang digunakan oleh GPI menggalakkan responden untuk mencari maklumat tambahan dalam komponen Ibadah. Hasil analisis menunjukkan bahawa 38% responden sangat setuju, 42.4% setuju, 4.1% sangat tidak setuju, 3% tidak setuju dan 12.5% kurang setuju. Dengan nilai min 4.07 (Jadual 4.8) menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa kaedah yang digunakan oleh GPI adalah berkesan apabila murid lebih berinisiatif untuk mencari maklumat tambahan sama ada melalui buku, internet dan sebagainya.




Rajah 4.46: Teknik yang digunakan oleh guru dapat memperkukuhkan pemahaman murid tentang penguasaan konsep dalam komponen Ibadah.

Rajah 4.46 memaparkan dapatan soal selidik tentang teknik yang digunakan oleh GPI dapat memperkukuhkan pemahaman responden tentang penguasaan konsep dalam komponen Ibadah. Sebanyak 34.3% responden sangat setuju, 39.9% bersetuju, 20.7% kurang setuju, 1.8% tidak setuju dan 3.3% sangat tidak setuju. Dengan nilai min 4.00 (Jadual 4.8) menggambarkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa teknik yang digunakan oleh GPI adalah berkesan untuk menguasai sesuatu konsep dalam tajuk komponen Ibadah.



Rajah 4.47 Teknik yang digunakan oleh guru dapat meningkatkan motivasi murid untuk terus menghadiri kelas Pendidikan Islam


Rajah 4.47 mempamerkan pengalaman responden tentang teknik yang digunakan oleh GPI dapat meningkatkan motivasi responden untuk terus menghadiri kelas Pendidikan Islam. Didapati 28.4% responden sangat bersetuju, 38% bersetuju, 24.4% responden kurang setuju, 5.2% tidak setuju dan 4.1% sangat tidak setuju. Dengan nilai min 3.81 (Jadual 4.8) membuktikan bahawa separuh responden bersetuju bahawa teknik yang digunakan oleh GPI adalah berkesan apabila murid sentiasa bersedia untuk menghadiri kelas Pendidikan Islam.



Rajah 4.48: Teknik yang digunakan oleh guru membantu murid mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan seharian.


Rajah 4.48 menunjukkan dapatan tentang teknik yang digunakan oleh GPI membolehkan responden mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan seharian. Sebanyak 24.7% responden sangat setuju, 40.6% setuju, 21% kurang setuju, 9.2% tidak setuju dan 4.4% sangat tidak setuju. Dengan nilai min 3.72 (Jadual 4.8), dapatan ini membuktikan

bahawa separuh responden bersetuju bahawa teknik pengajaran GPI adalah berkesan apabila murid dapat mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan seharian mereka.



Rajah 4.49: Teknik yang digunakan oleh guru meningkatkan keyakinan murid untuk menyuarakan idea dalam komponen Ibadah.


Rajah 4.49 menunjukkan data tentang teknik yang digunakan oleh GPI telah meningkatkan keyakinan responden untuk menyuarakan idea dalam PdPc komponen Ibadah. Sebanyak 38.7% responden sangat setujui, 20.7% setujui, 19.2% kurang setujui, 12.9% tidak bersetuju dan 8.5% sangat tidak bersetuju. Dengan nilai min 3.68 (Jadual 4.8), dapatan ini membuktikan bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa teknik pengajaran guru adalah berkesan apabila murid lebih yakin untuk memberikan pendapat yang bernas untuk dikongsi bersama rakan sekelas.



Rajah 4.50: Teknik yang digunakan oleh guru membantu murid menjalin kerjasama erat dengan rakan apabila melakukan sesuatu aktiviti dalam komponen Ibadah


Rajah 4.50 menunjukkan data tentang teknik yang digunakan oleh GPI membantu responden menjalin kerjasama erat dengan rakan apabila melakukan sesuatu aktiviti

dalam komponen Ibadah. Sebanyak 20.3% responden sangat setuju, 33.9% setuju, 26.9% responden kurang setuju, 9.6% tidak setuju dan 9.2% sangat tidak setuju. Dengan nilai min 3.46 (Jadual 4.8) menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersetuju teknik yang digunakan oleh GPI adalah berkesan apabila murid saling membantu melakukan aktiviti yang diarahkan oleh GPI.




Rajah 4.51: Teknik yang digunakan oleh guru mengekalkan tumpuan murid terhadap PdPc komponen Ibadah.

Rajah 4.51 mempamerkan data berkaitan teknik yang digunakan oleh GPI dapat mengekalkan tumpuan responden terhadap PdPc komponen Ibadah. Sebanyak 15.5% responden sangat setuju, 33.9% setuju, 29.2% kurang setuju, 12.9% tidak setuju dan 8.5% sangat tidak setuju. Dengan nilai min 3.35 (Jadual 4.8) menggambarkan kebanyakan responden menyatakan bahawa teknik yang digunakan oleh GPI adalah kurang berkesan untuk memastikan murid kekal fokus dengan pembelajaran mereka.



Rajah 4.52: Teknik yang digunakan oleh guru membolehkan murid membantu rakan yang kurang faham tentang kandungan komponen Ibadah.

Rajah 4.52 menunjukkan data tentang teknik yang digunakan oleh guru membolehkan responden membantu rakan yang kurang faham tentang kandungan komponen Ibadah. Sebanyak 13.3% responden sangat setuju, 35.1% setuju, 5.2% sangat tidak setuju, 17.7% tidak setuju dan 28.8% kurang setuju. Dengan nilai min 3.33 (Jadual 4.8) menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengatakan teknik yang digunakan oleh GPI adalah kurang berkesan kerana mereka tidak mampu membantu rakan mereka yang masih belum memahami sepenuhnya PdPc komponen Ibadah.



Rajah 4.53: Teknik yang digunakan oleh guru membantu saya membuat penggabungjalinan antara komponen Ibadah dengan subjek yang lain.

Rajah 4.53 menunjukkan data tentang teknik yang digunakan oleh GPI membantu responden membuat penggabungjalinan antara komponen Ibadah dengan subjek yang lain. Sebanyak 15.9% responden sangat setuju, 28.4% setuju, 24.7% kurang setuju, 20.3% tidak setuju dan 10.7% sangat tidak setuju. Dengan nilai min 3.18 (Jadual 4.8), data ini menunjukkan teknik yang digunakan oleh GPI kurang berkesan dalam membimbing murid membuat penggabungjalinan dengan subjek lain.

4.8 Perbincangan Dapatan Kajian Objektif 3

Secara keseluruhannya data bahagian D sebanyak 15 item menunjukkan teknik yang digunakan oleh GPI adalah berkesan terhadap PdPc komponen Ibadah. Penulis telah

mengkategorikan skala pilihan responden kepada dua aspek iaitu berkesan dan kurang berkesan. Responden yang memilih skala 1, 2 atau 3 menunjukkan teknik pengajaran GPI adalah kurang berkesan manakala skala 4 dan 5 menunjukkan teknik yang digunakan adalah berkesan. Nilai min keseluruhan bagi bahagian ini adalah tinggi iaitu 3.89.(Jadual 4.8). Ini menunjukkan teknik yang diaplikasikan oleh GPI di dalam kelas adalah berkesan. Daripada 15 item tersebut, 5 item menunjukkan nilai min yang sangat tinggi, 7 item berada pada nilai min yang tinggi dan 3 item berada pada nilai min sederhana.

Item yang menunjukkan nilai min yang sangat tinggi ialah *teknik yang digunakan oleh GPI memudahkan responden memahami kandungan komponen Ibadah (4.53), meningkatkan minat responden untuk terus mempelajari komponen Ibadah (4.35), membantu responden menyelesaikan masalah yang berkaitan PdPc komponen Ibadah dengan baik (4.35), meningkatkan markah Pendidikan Islam responden dalam peperiksaan yang lepas (4.28) dan menggalakkan responden melibatkan diri secara aktif dalam PdPc komponen Ibadah (4.24)*. Ini menunjukkan bahawa teknik yang digunakan oleh GPI adalah berkesan ketika PdPc komponen Ibadah di dalam kelas. Dapatan ini disokong oleh data temu bual daripada Farid yang menggunakan teknik dalam permainan iaitu ‘Pintar Haji’, Zain dan Mariam menggunakan teknik pembentangan dan Raihan menggunakan teknik dalam tunjuk cara.

Setakat ini ada perubahan... pelajar seronok bila gunakan teknik permainan iaitu ‘Pintar Haji’... macam main monopoli lah tapi berkonsepkan didik hibur.... dalam tu pelajar kena selesaikan masalah tentang rukun dan wajib haji ... sebelum ini mereka kata mereka kurang faham tapi bila guna teknik ‘Pintar Haji’ ni, mereka lebih faham...

(Farid/TB1/16.8/BlkPAI)

kalau setakat ini... saya suka buat teknik pembentangan Saya bagi tugas secara berkumpulan, mereka bincang, cari maklumat dan bentang depan kelas... memang mereka suka dan memberi kerjasama yang baik ... mereka juga seronok sebab banyak ilmu baru yang mereka boleh dapat...

(Zain/TB1/21.8/Blkguru)

Ia... berlaku peningkatan... maknanya sebelum ni mereka tak faham... tapi bila saya sering suruh mereka buat pembentangan, berkongsi idea, bekerjasama... mereka lebih faham dan yakin ...keputusan exam mereka juga lebih baik ...dari segi akademik lah...

(Mariam/TB1/25.8/Blkkoop)

Baru ni sekolah saya buat demonstrasi Haji ... jemput staf Tabung Haji tunjuk kat pelajar tentang perjalanan Haji... pelajar pun ada yang disuruh pakai ihram dan buat tawaf ... mereka excited (teruja) sangat Sebab sebelum ni ada yang tak boleh bayangkan macam mana nak buat Haji... bila buat macam ni, mereka suka dan tahu selesaikan masalah yang berkaitan Haji ..memang terdapat perubahan dari segi akademik

(Raihan/TB1/28.8/Perpus)

Pemilihan teknik PdPc yang sesuai dengan tahap pencapaian murid adalah sangat penting untuk memastikan murid mendapat impak yang besar dan berlaku perubahan dari aspek akademik, personaliti dan sakhsiah. Ab. Halim dan Siti Muhibah³⁸⁰ menyatakan perkembangan teknologi, perubahan budaya dalam masyarakat dan perkembangan psikologi murid memerlukan GPI untuk lebih kreatif melaksanakan inovasi dalam proses PdPc dengan memilih teknik yang efektif dan dapat membantu murid meningkatkan prestasi. Al-Gazali³⁸¹ juga menjelaskan seorang guru seharusnya mengajar mengikut kesesuaian kemampuan akal murid. Ini jelas membuktikan bahawa kepelbagaian teknik dapat membantu GPI menyampaikan PdPc dengan lebih berkesan terutama dalam PdPc komponen Ibadah.

Majoriti responden juga bersetuju bahawa teknik yang digunakan telah *memudahkan responden mengingat isi-isi penting dalam komponen Ibadah dengan lebih berkesan (4.08), menggalakkan responden untuk mencari maklumat tambahan dalam komponen Ibadah (4.07), memperkukuhkan pemahaman responden tentang penguasaan konsep dalam komponen Ibadah (4.00), meningkatkan motivasi responden untuk terus menghadiri kelas Pendidikan Islam (3.81), membantu responden mengaitkan isi pelajaran dengan*

³⁸⁰Ab. Halim Tamuri dan Siti Muhibah Haji Nor, "Prinsip Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam."2015, 28-42.

³⁸¹Al-Ghazālī, *Ihyā'Ulūm Al-Dīn*.

kehidupan seharian (3.72), meningkatkan keyakinan responden untuk menyumbang idea dalam PdPc komponen Ibadah (3.68) dan membantu responden menjalinkan kerjasama erat dengan rakan apabila melakukan sesuatu aktiviti dalam komponen Ibadah (3.46). Ini jelas menggambarkan bahawa teknik yang digunakan oleh GPI adalah berkesan. Dapatan ini juga disokong oleh data temu bual daripada keempat-empat informan.

Ya betul.. pelajar ni suka belajar kalau saya guna teknik permainan ...contohnya 'Pintar Haji' tadi tu... malah sering tanya... kat kelas nanti kita buat apa pula... macam tak sabar nak tunggu saya masuk mengajar.... tu sebagai motivasi lah...

(Farid/TB1/16.8/BlkPAI)

Biasanya bila mengajar ni... saya suka guna teknik di mana pelajar explore sendiri... bekerjasama dengan rakan... lepas tu bentang depan kelas... dengan cara ni mereka lebih mudah ingat isi-isi penting ...

(Zain/TB1/21.8/Blkguru)

Ya mereka seronok dan... apa tu... aktif dalam kelas ..banyak mengambil bahagian, bertanya dan memberi pendapat, idea dan sebagainya...mereka memang sukalah kalau saya guna teknik pembentangan

(Mariam/TB1/25.8/Blkkoop)

Bila saya buat tunjuk cara mengerjakan haji ... pelajar boleh lihat dan alami sendiri.. mereka boleh tanya lebih lanjut apa yang mereka tak faham, sama-sama dengan rakan buat tawaf keliling replika kaabah sambil bertalbiah .. pelajar suka... mereka juga lebih faham ...

(Raihan/TB1/28.8/Perpus)

Teknik yang menarik mampu menyumbang kepada mutu PdPc yang berkesan dan memberi banyak manfaat kepada murid. Ab. Halim dan Mohamad Khairul³⁸² menggariskan kemahiran dalam PdPc, penguasaan ilmu dan personaliti guru merupakan amalan pengajaran yang berkesan yang harus diaplikasikan oleh GPI di dalam kelas. Ini diperkukuhkan lagi oleh Al-Ghazali³⁸³ yang turut memberi penekanan kepada GPI supaya berperibadi mulia seperti berilmu, ikhlas, memberi tunjuk ajar dan mengetahui tahap pencapaian murid.

³⁸²Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Ajuhary, "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim." 2010, 43-56.

³⁸³Al-Ghazālī, *Ihyā'Ulūm Al-Dīn*.

Walau bagaimanapun lebih separuh responden iaitu melebihi 50% menyatakan teknik yang digunakan oleh GPI kurang berkesan untuk *mengekalkan tumpuan responden terhadap PdPc komponen Ibadah (50.6%), membolehkan responden membantu rakan yang kurang faham tentang kandungan komponen Ibadah (51.7%) dan membantu responden untuk membuat penggabungjalinan antara komponen Ibadah dengan subjek yang lain (55.7%)*. Sebenarnya murid tingkatan empat masih belum terdedah sepenuhnya dengan konsep penggabungjalinan antara subjek. Walau bagaimanapun data temu bual mendapati GPI menyatakan bahawa mereka memang ada melakukan penggabungjalinan dengan subjek lain, mungkin tidak disedari oleh murid. Dapatan ini diakui oleh Zain, Mariam dan Raihan apabila ditemu bual oleh penulis.

... tahap pemahaman pelajar ni berbeza-beza ada yang cepat faham dan ada yang lambat ... jadi saya selalu galakkan pelajar supaya bantu rakan yang kurang faham dan kalau ada masalah... saya bagi mereka peluang selesaikan dulu... lepas tu baru saya bantu.....

(Zain/TB1/21.8/Blkguru)

... memang ada sikit-sikit saya buat gabungjalnin... mungkin pelajar tak sedar atau tidak tahu contoh saya pernah tanya bilangan batu untuk tujuan melontar di jamrah dalam ibadah haji... nak gabungkan dengan matematik

(Mariam/TB1/21.8/Blkkoop)

... saya pernah tanya pelajar mana letaknya Mekah dan Madinah tu kira gabungjalninlah ... dengan geografi...

(Raihan/TB1/28.8/Perpus)

Abdul Rahim dan Azharul³⁸⁴ mencadangkan supaya guru mengukuhkan lagi kefahaman mereka tentang konsep pendidikan bersepadu dan gabungjalnin serta menunjukkan contoh teladan yang baik supaya perlaksanaan penerapan nilai-nilai murni dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Al-Ghazali³⁸⁵ juga menekankan pembentukan murid yng mempunyai ketinggian ilmu dan kemuliaan sahsiah melalui penerapan nilai-nilai murni. Walaupun

³⁸⁴ Abdul Rahim Hamdan dan Azharul Nizam Zahari, "Konsep Pendidikan Bersepadu Serta Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pengajaran Matematik Menengah Rendah," *Universiti Teknologi Malaysia, Johor*, 2009.

³⁸⁵ Al-Ghazālī, *Ihyā'Ulūm Al-Dīn*.

terdapat tiga item yang menunjukkan teknik pengajaran GPI kurang berkesan tetapi peratus kurang berkesan itu hanya melebihi sedikit sahaja daripada peratus berkesan. Oleh itu pada pandangan penulis, keseluruhan teknik PdPc GPI adalah berkesan.

4.9 Cabaran yang dihadapi oleh GPI ketika mengajar komponen Ibadah Pendidikan Islam.

Untuk bahagian ini, penulis akan menghuraikan dapatan daripada temu bual sepenuhnya yang dijalankan bersama dengan empat orang informan. Temu bual dijalankan secara bersemuka dengan informan setelah ditetapkan temujanji tarikh dan masa yang bersesuaian dengan informan. Tujuan bahagian ini adalah untuk menjawab objektif dan soalan kajian yang keempat iaitu mengenalpasti cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh GPI ketika PdPc komponen Ibadah Pendidikan Islam. Dapatan kajian mendapati antara cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh GPI ialah isi kandungan komponen Ibadah yang terlalu banyak, kekangan masa, kekurangan kemudahan PdPc, peruntukan kemudahan PdPc yang terhad, kekurangan bengkel atau latihan berkaitan strategi PdPc dan sikap dan pengetahuan sedia ada murid. Penulis akan menghuraikan cabaran dan kekangan tersebut secara terperinci pada bahagian yang seterusnya.

4.9.1 Kandungan komponen Ibadah yang terlalu banyak.

Komponen Ibadah tingkatan 4 terdiri daripada tiga tajuk besar iaitu (i) Lambaian Kaabah, (ii) Sembelihan, Korban dan Aqiqah dan (iii) Muamalah. Berdasarkan hasil analisis temubual, kesemua informan menyatakan bahawa isi kandungan komponen Ibadah adalah bersesuaian dengan tahap pencapaian murid yang berumur 16 tahun.

Walau bagaimanapun GPI menyatakan bahawa isi kandungan tersebut didapati terlalu banyak untuk dihadap oleh murid. Sesetengah tajuk pula penerangannya adalah tidak mendalam dan menyeluruh. Bagi murid yang bijak dan ada kesempatan untuk meneroka maklumat tambahan mungkin tidak menghadapi masalah besar untuk memahaminya, tapi sebaliknya untuk murid yang mempunyai kesukaran dari segi kewangan, kognitif dan peluang. Mereka hanya bergantung kepada PdPc GPI di kelas sebagaimana pengalaman Farid.

Komponen ni bagi saya sesuai ...isi kandungannya memang sesuai... cuma ialah kita perlu mengkaji semula sebab dalam Pendidikan Islam terlalu banyak silibus (sukatan) untuk tingkatan 4 dan 5 khususnya untuk SPM. Overall semua sekali tajuk dalam 70 lebih... banyak sangat... dan dalam bahagian Ibadah pun ada setengah tu ia tidak terlalu detail (mendalam).

(Farid/TB1/16.8/BlkPAI)

Dapatan temu bual juga menunjukkan bahawa fakta-fakta yang terdapat dalam isi kandungan komponen Ibadah adalah kompleks dan sukar untuk difahami dan diingat oleh murid. GPI juga menyatakan bahawa beberapa fakta yang susah terpaksa diulang beberapa kali untuk memberi kefahaman kepada murid. Hal ini merupakan kerisauan kepada Farid.

dari segi pelajar untuk mengingat fakta-fakta kan... sebab ibadah ni berkaitan dengan fakta... kekeliruan di situ lah...maksudnya bila dah pelajar keliru... terpaksa diulang-ulang lagi...

(Farid/TB1/16.8/BlkPAI)

Kajian Nurhanani dan Ab. Halim³⁸⁶ menunjukkan bahawa kepercayaan GPI terhadap isi kandungan komponen ibadah adalah holistik kerana mereka memahami konsep Islam sebagai satu cara hidup, tiada dikotomi atau dualisme ilmu. Oleh itu mereka menyarankan pendekatan gabungjalın digunakan untuk menyampaikan isi pelajaran komponen Ibadah kerana ia memberi kesan kepada akhlak dan akademik murid apabila diniatkan kepada

³⁸⁶Nur Hanani Hussin dan Ab. Halim Tamuri, "Kepercayaan Isi Kandungan Pengajaran Ibadah Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam," *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue* 4, no. 1 (2017), 78–89.

Allah. Untuk memastikan keberkesanan PdPc, Al-Ghazali³⁸⁷ menyarankan agar GPI menyampaikan ilmu yang dimiliki dengan jelas, sistematik, tertib dan beransur-ansur mengikut tahap kemampuan, kefahaman dan pencapaian akal murid.

4.9.2 Kekangan masa untuk PdPc Komponen Ibadah Pendidikan Islam

Sukatan pelajaran Pendidikan Islam amnya dan komponen Ibadah khususnya yang terlalu banyak akan menimbulkan masalah dari segi masa untuk menghabiskan semua sukatan yang telah ditetapkan oleh KPM. Masa yang diperuntukkan untuk Pendidikan Islam menengah atas ialah 160 minit seminggu. Berdasarkan analisis temu bual, peruntukan masa ini tidak mencukupi untuk mengajar keseluruhan sukatan Pendidikan Islam lebih-lebih lagi komponen Ibadah yang memerlukan masa yang banyak untuk tujuan amali atau praktikal. Kadang-kadang PdPc terpaksa dihentikan kerana waktu pembelajaran telah berakhir. Ini diburukkan lagi apabila GPI merungut bahawa mereka dibebankan dengan tugas-tugas pengurusan yang lain seperti terpaksa menghadiri pelbagai mesyuarat atau program di luar sekolah. Keadaan ini sedikit sebanyak telah menjelaskan proses PdPc sebagaimana yang diakui oleh Farid, Zain dan Mariam.

Masa memang tak cukup...kita ajar sambung sambung lah sebab kadang-kadang macam saya... bila mula kelas, saya akan tanya tajuk apa yang nak ulangkaji pada hari ini... Kita di sini mengamalkan sistem jam kredit...untuk Pendidikan Islam kita hanya ada 3 jam kredit seminggu....

(Farid/TB1/16.8/BlkPAI)

Kadang-kadang kekangan masa.... contoh tajuk Haji.. ambil masa sedikit lah nak habiskan sukatan Ibadah Haji ni pelajar tak buat hari-hari, tu yang kena masa banyak untuk ajar... nak bagi mereka faham...

(Zain/TB1/21.8/Blkguru)

³⁸⁷Al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm Al-Dīn*.

Yang pertama kekangan dari segi masa sebab tidak cukup.... Tambahan pula dengan pelbagai aktiviti sekolah yang kadang-kadang dijalankan dalam masa kelas...

(Mariam/TB1/25.8/Blkkoop)

Dapatan kajian Siva dan Isa³⁸⁸ mendapati masalah kekangan masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran telah menyebabkan guru tidak memilih kaedah inkuiri kerana kaedah ini mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan. Masa yang diperuntukkan bagi PdPc yang terhad dan beban tugas yang lain menyebabkan GPI tidak mampu membimbing murid untuk menguasai sepenuhnya kandungan pelajaran.³⁸⁹ Oleh itu, peruntukan masa harus ditambah untuk melancarkan proses PdPc. Al-Ghazali³⁹⁰ menyarankan supaya semua guru Pendidikan Islam lebih kreatif dalam pemilihan strategi PdPc sesuai dengan masa yang diperuntukkan agar pengajaran mereka jelas dan mudah difahami oleh murid.

Selain daripada itu, data juga menunjukkan bilangan murid yang ramai dalam satu kelas juga menyukarkan GPI untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Bagi sekolah biasa purata ramai murid dalam kelas adalah sekitar 35 hingga 40 orang. Sudah pasti bilangan yang ramai ini menuntut komitmen yang tinggi daripada GPI untuk memastikan proses PdPc berlangsung dengan lebih berkesan. Bilangan murid yang ramai dalam sebuah kelas melebihi 30 orang adalah bertentangan dengan saranan NUT³⁹¹ yang menghadkan sebuah kelas biasa ialah 30 orang sahaja untuk menjamin keberkesanan PdPc. Dunkin dan Biddle³⁹² juga menyatakan saiz kelas adalah penting dalam proses PdPc. Masalah ini diakui sendiri oleh Mariam.

³⁸⁸ Siva Sankar a/l Mahalingam dan Mohd Isa Hamzah, "Penggunaan Kaedah Inkuiri Penemuan Dalam Kalangan Guru-Guru Sejarah Sekolah Menengah." (*International Seminar On Generating Knowledge Through Research*, UUM, Kedah, 25-27 Oktober 2016), 1-12.

³⁸⁹ Norashid Bin Othman dan Hamzah Bin Md.Omar, "Beban Tugas Dan Motivasi Pengajaran Guru Di Sekolah Menengah Daerah Ranau," *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal for Educational Thinkers)* 5, no. 1 (2014), 33-57.

³⁹⁰ Al-Ghazālī, *Ihyā'Ulūm Al-Dīn*.

³⁹¹ National Union Of Teachers, "Teachers' Working Time And Duties," 2016, diakses daripada laman web https://www.teachers.org.uk/sites/default/files/2014/workload-a5-2014--9586-_1.pdf pada 19 Jan 2018.

³⁹² Dunkin M.J and Biddle B.J, *The Study Of Teaching*, 36-48.

...pelajar ramai.. kelas di sekolah saya ada 40 orang pelajar sekelas... satu group pelajar untuk buat praktikal tu mungkin dalam 4 orang... barulah berkesan...

(Mariam/TB1/25.8/Blkkoop)

4.9.3 Kekurangan kemudahan PdPc

Untuk menyelesaikan masalah kekurangan masa dan menghabiskan kesemua sukatan pelajaran yang telah ditetapkan, GPI menegaskan bahawa mereka memerlukan kemudahan PdPc seperti LCD, BBM, bilik tayangan, kemudahan peralatan komputer yang mempunyai capaian internet dan sebagainya. Data temu bual mendapati kemudahan seperti ini adalah terhad dan kebanyakan peralatan PdPc telah rosak dan tidak dapat digunakan. Informan juga menyuarakan kesukaran mereka untuk mendapatkan kemudahan PdPc yang sesuai dan bermutu. Ini sekaligus telah menjejaskan usaha GPI untuk mempelbagaikan strategi PdPc bagi membangunkan kemahiran kognitif dan pemikiran kreatif dalam kalangan murid. Malahan Mariam dan Raihan mengaku menghadapi kesukaran apabila kemudahan PdPc didapati sering rosak.

sekolah saya ni terhad satu saje bilik tayangan.. jadi macam berebut-rebutlah... yang lain tu rosak dan tidak dapat digunakan ... kemudahan untuk tayangan dan juga LCD ... BBM pun macam itu juga... tak banyak dan banyak yang dah rosak...

(Mariam/TB1/25.8/Blkkoop)

Peralatan contohnya replika atau peralatan yang digunakan adalah kurang dan sukar untuk didapati di pasaran dan juga harganya yang agak mahal.

(Raihan/TB1/28.8/Perpus)

Mohd Faez, Mohd Faiz dan Kamarul Azmi³⁹³ mengenalpasti faktor kekurangan kemudahan PdPc, tempat yang terhad dan masalah teknikal telah menghalang penggunaan BBM dalam kalangan GPI. Ini merupakan satu kerugian kerana banyak tajuk dalam Pendidikan Islam yang memerlukan BBM bagi meningkatkan kefahaman pelajar. Dunkin

³⁹³Mohd Faez Ilias, Muhamad Faiz Ismail, dan Kamarul Azmi Jasni, "Faktor Dorongan Dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Oleh Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Bestari," (3rd. International Conference on Islamic Education 2013 (ICIEd 2013), EPF Institute, Kajang, 6-7 April 2013), 943–953.

dan Biddle³⁹⁴ juga menekankan peranan BBM seperti TV pendidikan dalam membangunkan personaliti murid.

4.9.4 Peruntukan kewangan untuk membeli kemudahan PdPc yang terhad

Hasil analisis data juga mendapati peruntukan kewangan untuk membeli kemudahan PdPc yang bermutu semakin berkurangan. GPI menyatakan bahawa kemudahan PdPc seperti BBM, LCD, CD pendidikan, makmal komputer dan bilik tayangan adalah penting untuk memastikan PdPc dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kesukaran untuk mendapatkan kemudahan PdPc yang berkualiti dengan harga yang berpatutan turut menjejaskan mutu pengajaran guru sebagaimana yang diakui oleh Zain, Mariam dan Raihan.

peruntukan untuk membeli barang-barang panitia pun sekarang semakin kurang.... berbanding dengan tahun sebelumnyaso susah sikit nak bagi faham kat pelajar terutama pelajar kelas hujung

(Zain/TB1/21.8/Blkguru)

mungkin ini berkaitan dengan peruntukan kewangan untuk menjalankan secara praktikal... dah kurang...

(Mariam/TB1/25.8/Blkkoop)

Peralatan contohnya replika atau peralatan yang digunakan adalah kurang dan sukar untuk didapati di pasaran dan juga harganya yang agak mahal.

(Raihan/TB1/28.8/Perpus)

Peruntukan kewangan yang mencukupi merupakan nadi kepada sekolah untuk menentukan pencapaian murid. Dapatan kajian Husaina, Ranjeetham dan Muhammad Faizal³⁹⁵ mendapati peruntukan daripada kerajaan yang berdasarkan bilangan murid adalah tidak mencukupi. Malahan peruntukan Geran Per Kapita (PCG) mata pelajaran dikumpulkan mengikut mata pelajaran teras wajib dan tambahan menunjukkan

³⁹⁴Dunkin M.J and Biddle B.J, *The Study Of Teaching*, 36-48.

³⁹⁵Husaina Banu Kenayathulla, Ranjeetham Subramaniam, dan Muhammad Faizal A. Ghani, "Pengurusan Kewangan Di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Di Kuala Kangsar, Perak: Satu Kajian Kes," *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 1, no. 4 (2015), 62–82.

pembahagian yang tidak seimbang antara mata pelajaran. Ini menjejaskan peruntukan untuk membeli BBM bagi panitia Pendidikan Islam. Perkara ini menjadi masalah kerana iklim dan saiz sekolah seperti peruntukan kewangan juga memainkan peranan penting untuk melahirkan warga yang cemerlang.³⁹⁶

4.9.5 Kekurangan bengkel dan latihan berkaitan strategi Pdpc

Seiring dengan perkembangan dunia pendidikan secara global, GPI perlu dilengkapi dengan strategi PdPc yang moden ataupun pedagogi terkini sebagai persediaan menghadapi kerenah murid yang sentiasa terdedah dengan ledakan maklumat tanpa sempadan. Data temu bual mendapati keempat-empat informan mengakui sepanjang perkhidmatan, mereka tidak pernah menghadiri bengkel atau latihan berkaitan dengan strategi PdPc. Ini boleh mengakibatkan suasana PdPc menjadi lesu, kurang menarik dan membosankan murid.

Rasanya tak pernah.... memang tak ada pergi bengkel atau kursus untuk strategi... lagi-lagilah kalau dalam bab Ibadah.

(Farid/TB1/16.8/BlkPAI)

Sepanjang perkhidmatan, saya jarang dipanggil untuk hadir kursus Pendidikan Islam ... apatah lagi kalau berkaitan strategi pengajaran....

(Zain/TB1/21.8/Blkguru)

Setakat yang saya ingat, tak pernah lagi saya hadir kursus tentang strategi... macam mana strategi terbaik nak ajar pelajar...walaupun sekalitak tahu mengapa...

(Mariam/TB1/25.8/Blkkoop)

Saya belum pernah dipanggil untuk hadir kursus strategi pengajaran yang ada pun kursus Pendidikan Islam secara umum

(Raihan/TB1/28.8/Perpus)

³⁹⁶ Dunkin M.J and Biddle B.J, *The Study Of Teaching*, 36-48.

Siti Nur Aisya dan Ahmad³⁹⁷ menyarankan agar pihak sekolah memperbanyak latihan dalam perkhidmatan berkaitan pedagogi terkini untuk memantapkan profesioalisme guru supaya proses PdPc menjadi lebih berkesan. Guru yang sentiasa memperbaharui ilmu pedagogi dan bersikap terbuka terhadap setiap perubahan dalam dunia pendidikan akan dapat mempengaruhi pencapaian murid.³⁹⁸

4.9.6 Sikap dan pengetahuan sedia ada murid

Murid merupakan aset negara yang paling penting dan amat bernilai. Tanpa murid sekolah dan bilik darjah tidak dapat beroperasi dengan baik. Namun pengaruh persekitaran sedikit sebanyak memberi kesan kepada PdPc murid di dalam kelas. Zain selaku informan kedua menzahirkan kebimbangan beliau terhadap tahap pengetahuan sedia ada murid yang tidak konsisten dan sikap mereka yang malas untuk membuat persediaan sebelum masuk kelas.

Pertama dari segi tahap kesediaan murid.. pengetahuan sedia ada mereka agak kurang... bila saya suruh dia baca, buat kajian dan sebagainya mereka pun tidak buat...

(Zain/TB1/21.8/Blkguru)

Data juga menunjukkan terdapat murid yang terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah menyebabkan mereka jarang berada di dalam kelas untuk mengikuti proses PdPc. Ini suatu yang merugikan kerana GPI tidak dapat mengulang semula tajuk sama yang telah diajar kepada murid lain untuk kepentingan golongan minoriti ini seperti mana pendapat Mariam.

ada juga pelajar yang ada masalah disiplin... walaupun sedikit tapi ia mengganggu PdPc kita atau objektif pembelajaran.

(Mariam/TB1/25.8/Blkkoop)

³⁹⁷Siti Nur Aisya Sugumarie Abdullah dan Ahmad Zabidi Abd Razak, "Penerimaan Guru Terhadap Latihan Dalam Perkhidmatan Dan Kesesuaian Aspek-Aspek Latihan Dalam Perkhidmatan.", *Journal Of Islamic Education* 4, no. 1 (2016), 17-27.

³⁹⁸ Dunkin M.J and Biddle B.J, *The Study Of Teaching*, 36-48.

Selain dari itu, murid yang kerap ponteng kelas dan sekolah tanpa sebab yang munasabah juga menyebabkan objektif pembelajaran yang telah disusun pada hari tersebut sukar untuk dicapai. Begitu juga dengan murid yang memegang jawatan penting di sekolah seperti pengawas, pembimbing rakan sebaya dan sebagainya yang sering keluar kelas untuk menyelesaikan tugas yang diarahkan oleh guru lain. Mariam juga mengakui perkara ini merupakan gangguan semasa PdPc yang dijalankan.

.. gangguan dari luar... kalau ada pelajar yang tidak hadir atau sengaja ponteng kelas, ...macam tu juga dengan pengawas ... ramai yang kena panggil atau keluar awal dari kelas untuk jalankan tugas pengawas...

(Mariam/TB1/25.8/Blkkoop)

Kajian Noraini³⁹⁹ mendapati sikap pelajar mempengaruhi keberkesanan PdPc walaupun kajian Nik Shahrul et al.⁴⁰⁰ menunjukkan kesedaran motivasi murid berada pada tahap sederhana tinggi untuk menuntut ilmu. Ini diperkukuhkan lagi oleh Khalim dan Wan Zulkifli⁴⁰¹ yang menyatakan pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai dapat mengatasi masalah disiplin pelajar seperti ponteng kelas dan sebagainya. Pengalaman pelajar dan latar belakang sosial merupakan antara faktor yang mempengaruhi perubahan kelakuan murid semasa PdPc bersama guru di dalam kelas.⁴⁰²

Kesimpulannya setiap pekerjaan pasti mempunyai cabaran dan kekangan dalam perlaksanaannya. Cabaran tersebut sepatutnya lebih mematangkan informan untuk mencari penyelesaian segera sekiranya berhadapan dengan cabaran dan kekangan. Mereka tidak boleh mudah berputus asa kerana kejayaan murid terletak di bahu GPI.

³⁹⁹Noraini Othman, "The Development And Validation Of Ummatic Personality Inventory" (Tesis PHD, International Islamic University Of Malaysia, 2008).

⁴⁰⁰Nik Shahrul Nizan Mohamed et al., "Kesedaran Motivasi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam," (*Seminar Antarabangsa Education, Law, Civilization, Sains & Teknologi Dalam Konsep Dan Aplikasi (ELCIST)*), Skudai, Johor, 26 November 2014), 427–433.

⁴⁰¹Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan, "Pendekatan Islam Dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar Dalam Kalangan Pelajar Sekolah : Satu Kajian Kes," *Journal of Islamic And Arabic Education* 1, no 2, 2009, 1–14.

⁴⁰²Dunkin M.J and Biddle B.J, *The Study Of Teaching*, 36-48.

4.10 Penutup

Secara keseluruhannya, penulis telah membincangkan secara mendalam dapatan yang diperolehi melalui soal selidik dan temu bual. Dapatan ini telah menjawab objektif kajian, soalan kajian dan permasalahan kajian iaitu mengenalpasti pendekatan, kaedah, dan teknik yang telah digunakan oleh GPI di sekolah-sekolah menengah terpilih di Kuching. Begitu juga penulis telah dapat menyenaraikan cabaran yang dihadapi oleh GPI semasa PdPc untuk membangunkan potensi modal insan yang bakal menjadi pewaris generasi akan datang. Di harap dapatan ini boleh menjadi rujukan untuk menghasilkan strategi yang berkesan untuk melahirkan murid yang mempunyai intelek yang berkualiti dan mampan sakhshiannya.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, penulis akan membentangkan rumusan daripada analisis dapatan kajian untuk menjawab permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian dan mengusulkan beberapa cadangan untuk kajian di masa depan. Rumusan ini adalah berdasarkan kepada hasil analisis ke atas borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden serta dapatan temu bual dengan informan yang memenuhi kriteria kajian.

5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat sama ada murid dapat betul-betul menghayati ilmu yang dipelajari di dalam kelas dengan baik sehingga dapat menterjemahkannya melalui perbuatan dan amalan ketika menjalani kehidupan sama ada di sekolah, rumah dan di luar. Hasil analisis ke atas pelaksanaan PdPc komponen Ibadah di Kuching, penulis mendapati GPI di sekolah-sekolah kajian telah berusaha menerapkan amalan dan penghayatan ibadah dalam kalangan murid supaya selari dengan hukum syarak dan perkembangan dunia semasa. Penulis akan membuat rumusan kajian ini daripada sudut objektif kajian yang akan dibentangkan pada bahagian yang seterusnya.

5.2.1 Objektif 1: Pendekatan yang digunakan oleh GPI ketika mengajar komponen Ibadah.

Berdasarkan kepada dapatan kajian daripada soal selidik dan temu bual, penulis merumuskan bahawa GPI telah menggunakan pendekatan yang efektif untuk memastikan PdPc komponen Ibadah dilaksanakan dengan berkesan. Kecenderungan GPI untuk

mengaplikasikan pendekatan pemusatan murid berbanding pemusatan guru telah meningkatkan minat dan motivasi murid terhadap pembelajaran. Ini dibuktikan oleh nilai min keseluruhan untuk pemusatan murid iaitu 3.93 mengatasi nilai min keseluruhan pemusatan guru iaitu 3.64. Malah nilai median keseluruhan pemusatan murid 4.16 yang berada antara skala setuju dan sangat setuju menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa GPI cenderung mengaplikasikan pemusatan murid.

Pendekatan berpusatkan murid merupakan pendekatan yang disarankan oleh KPM untuk dilaksanakan dalam KBSM. Hasil analisis mendapati kesemua 12 item dalam soal selidik tentang pemusatan murid menunjukkan nilai skor min yang tinggi iaitu antara 3.46 -4.46. Ini menunjukkan bahawa murid mampu melakukan perubahan dan peningkatan dalam akademik dan sikap sekiranya GPI menggunakan pendekatan yang sesuai dengan tahap pencapaian mereka. Elemen-elemen pemusatan murid dalam soal selidik ini adalah selari dengan tujuh prinsip pengajaran berpusatkan murid berkesan yang disarankan oleh Kamarul, Osmawati dan Mohd Faez.⁴⁰³

Namun begitu jika diperhalusi, dapatan kajian yang berkaitan dengan pendekatan berpusatkan guru yang terdiri daripada 8 item, di mana 6 daripadanya mempamerkan nilai min yang tinggi antara 3.66-4.45 menunjukkan bahawa pemusatan guru masih lagi popular perlaksanaannya dan digemari oleh GPI di sekolah-sekolah menengah terpilih di Kuching. Murid masih lagi bergantung kepada kreativiti GPI untuk membimbing mereka sepanjang proses pembelajaran. Dapatan menunjukkan bahawa GPI cuba menerangkan terlebih dahulu beberapa elemen penting dalam setiap tajuk yang hendak diajar seperti konsep, maksud, dalil dan sebagainya supaya dapat memberi pendedahan awal dan mengekalkan tumpuan murid sebelum meneruskan pengajaran. Ini bertepatan dengan dapatan kajian

⁴⁰³Kamarul Azmi Jasmi, Osmawadi Talib, dan Mohd Faez Ilias, "Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berpusatkan Pelajar, 2012, 33-40.

Mohd Musnizam, Ab Halim dan Rohizan⁴⁰⁴ yang menyatakan GPI masih menggunakan pemusatan guru dalam pengajaran mereka.

Hasil analisis daripada dapatan temu bual sebagai sokongan kepada dapatan soal selidik juga menunjukkan kesemua informan mengakui mereka banyak menggunakan pemusatan murid berbanding dengan pemusatan guru. Pengalaman mengajar melebihi lima tahun sebagai GPI memberi kelebihan kepada mereka untuk menguasai pedagogikal kandungan dan mempelbagaikan kaedah pengajaran mengikut kesesuaian pencapaian murid. Ini diakui oleh Ahmad Yunus dan Ab. Halim⁴⁰⁵ yang mendapati pengalaman GPI banyak membantu mereka untuk mengolah dan mengubahsuai pengajaran mengikut keadaan.

Pendekatan yang popular dalam kalangan GPI semasa PdPc komponen Ibadah iaitu pendekatan pemusatan murid yang melibatkan penyertaan aktif murid telah meningkatkan minat murid untuk membuat penerokaan tambahan supaya lebih memahami kandungan komponen Ibadah. Ini kerana bagi memantapkan pemahaman mereka terhadap konsep ibadah, murid perlu mengamal dan menghayati setiap kandungan komponen Ibadah tersebut dalam kehidupan mereka. Hasilnya berlaku peningkatan dalam penghayatan terhadap ibadah. Penghayatan yang berterusan terhadap ibadah boleh mengelakkan mereka daripada terjebak dengan masalah gejala sosial. Oleh itu dapatan ini telah dapat menjawab objektif, soalan dan masalah kajian iaitu GPI telah menggunakan kedua-dua pendekatan tetapi lebih cenderung kepada pendekatan pemusatan murid. Pendekatan ini telah dapat menarik minat dan motivasi murid terhadap PdPc komponen Ibadah dan dalam masa yang sama mengelakkan murid daripada terlibat dalam masalah gejala sosial.

⁴⁰⁴Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha, Ab Halim Tamuri, dan Rohizan Ya, "Konsep Berilmu Di Kalangan Guru Pendidikan Islam: Satu Keperluan Dalam Membangunkan Modal Insan." 2012, 289-303.

⁴⁰⁵Ahmad Yunus Kasim dan Ab. Halim Tamuri, "Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah : Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam," *Journal of Islamic and Arabic Education* 2, no. 2 (2010), 13-30.

5.2.2 Objektif 2: Kaedah yang digunakan oleh GPI ketika mengajar tajuk-tajuk dalam komponen Ibadah.

Penulis merumuskan bahawa GPI telah menggunakan semua kaedah yang disenaraikan dalam soal selidik. Kaedah-kaedah ini adalah bersesuaian dengan latar belakang dan tahap pencapaian murid di sekolah-sekolah terpilih di Kuching serta menepati kehendak KPM. Ini adalah kerana pemilihan kaedah yang sesuai dan tepat dapat membantu murid untuk memperolehi ilmu dan kemahiran, mengubah sikap dan tingkah laku serta membentuk nilai-nilai murni.

Dapatan kajian soal selidik daripada pengalaman murid mendapati GPI cenderung menggunakan kaedah penceritaan, tunjuk cara dan latih tubi berbanding dengan kaedah yang lain. Walaupun kaedah-kaedah ini merupakan kaedah yang dikategorikan dalam pendekatan pemusatan guru, namun hasil analisis dapatan temu bual dengan GPI mendapati kaedah-kaedah ini hanya diaplikasikan oleh GPI pada peringkat awal pengajaran sebagai pengenalan kepada tajuk sebelum beralih kepada langkah pengajaran yang seterusnya. Ini bertepatan dengan dapatan dalam objektif yang pertama dan dapatan kajian Nur Hanani⁴⁰⁶ iaitu GPI menggunakan pemusatan guru untuk menerangkan konsep sesuatu tajuk dalam pengajaran Ibadah kepada murid. Apabila murid telah faham, GPI akan meneruskan pengajaran dengan menggunakan kaedah yang melibatkan penyertaan aktif murid iaitu pendekatan pemusatan murid.

Dapatan temu bual juga mendapati GPI menggunakan kaedah penceritaan ketika mengajar tajuk-tajuk awal dalam komponen Ibadah seperti tajuk Lambaian Kaabah terutama untuk mengaitkan cerita dengan sebab difardukan ibadah tersebut. Semasa menggunakan kaedah ini, GPI juga menyelitkan sesi soal jawab agar pembelajaran berlaku

⁴⁰⁶Nur Hanani Hussin, "Pengajaran Ibadah Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam.", 315-321.

secara dua hala untuk mengekalkan fokus murid terhadap pembelajaran. Selain itu, GPI juga menyatakan kaedah penceritaan disampaikan melalui pelbagai cara dan pendekatan sama ada GPI sendiri yang bercerita atau murid yang bercerita dengan bimbingan GPI. Ini kerana perkembangan teknologi masa kini telah memperluaskan konsep kaedah penceritaan apabila murid berusaha mencari maklumat berkaitan secara atas talian sebagai persediaan sebelum menceritakannya semula di dalam kelas.⁴⁰⁷

GPI juga memberitahu mereka menggunakan BBM seperti gambar dan audio video ketika bercerita untuk menarik minat, perhatian dan motivasi murid terhadap PdPc. Seterusnya, GPI menerangkan apabila murid telah faham, barulah mereka berpindah kepada kaedah lain untuk memantapkan lagi pemahaman murid. Kesimpulannya, berdasarkan pengalaman murid dalam dapatan soal selidik menunjukkan GPI cenderung menggunakan kaedah penceritaan, namun dapatan temu bual telah memperhalusi maksud sebenar kaedah penceritaan yang diaplikasikan oleh GPI di dalam kelas. Ternyata GPI lebih memilih untuk mengaplikasikan pendekatan pemusatan murid.

Dapatan temu bual juga mendapati GPI mengaplikasikan kaedah tunjuk cara dengan menggunakan bahan maujud seperti replika kaabah untuk tajuk tawaf supaya murid dapat memahami situasi yang sebenar dan menyaksikan sendiri secara jelas dan lebih praktikal. Manakala kaedah latih tubi pula sangat sesuai digunakan kepada murid yang mempunyai pencapaian yang sederhana dengan menggabungkan teknik soal jawab secara lisan dan kuiz supaya mereka dapat memahami sesuatu tajuk dengan berkesan. Dapatan ini disokong oleh data temu bual daripada informan apabila mereka mengakui menggabungkan beberapa kaedah untuk memastikan murid memahami pengajaran mereka. Ini selari dengan dapatan

⁴⁰⁷Rabiatul Adawiyah Ahmad Rashid dan Ahmad Tarmizi Abu, "Kesan Kaedah Bercerita Terhadap Motivasi Dan Pencapaian Murid Tahun 4 Dalam Bidang Aqidah," *The Online Journal Of Islamic Education* 5, no. 1 (2017), 39–52.

kajian Zuraini dan Abdul Rasid,⁴⁰⁸ Bani Hidayat et al.⁴⁰⁹ dan Nur Syazwina⁴¹⁰ yang mendapati kaedah-kaedah tersebut sering digunakan oleh GPI.

Hasil analisis soal selidik juga menunjukkan kaedah yang kurang digunakan ialah pembelajaran maya Frog VLE. Ini diakui oleh dapatan temu bual daripada GPI yang menyenaraikan beberapa faktor yang menyebabkan mereka kurang menggunakan kaedah pembelajaran maya Frog VLE iaitu kekangan masa, kemudahan komputer yang terhad, capaian internet yang kurang baik dan kemahiran ICT murid yang rendah. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Nur Zaira⁴¹¹ yang mendapati kemahiran ICT guru yang rendah, kekurangan kemudahan ICT di sekolah, keterbatasan masa untuk membuat persediaan dan capaian internet yang terhad merupakan alasan kukuh GPI untuk mengelak penggunaan kaedah pembelajaran maya Frog VLE. Data temu bual juga menjelaskan GPI tidak diberikan pendedahan dan latihan yang sempurna bagaimana untuk mengaplikasikan kaedah tersebut dalam PdPc menyebabkan mereka kurang menggunakan kaedah itu.

Oleh itu, penulis merumuskan bahawa dapatan ini telah menjawab objektif dan soalan kajian iaitu GPI menggunakan semua kaedah yang disenaraikan dalam soal selidik tetapi cenderung untuk mengaplikasi kaedah penceritaan pada awal pengajaran sebelum beralih kepada kaedah yang melibatkan penyertaan aktif murid pada langkah pengajaran seterusnya. Dapatan ini juga merungkaikan permasalahan kajian iaitu strategi PdPc GPI yang dikatakan banyak menggunakan kaedah tradisional. Sebenarnya PdPc GPI sedang beranjak dan beralih daripada kaedah tradisional yang berpusatkan guru kepada kaedah

⁴⁰⁸Zuraini Jusoh dan Abdul Rasid Jamian, "Kesan Bercerita Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Naratif Bahasa Melayu.", 2014, 11-18.

⁴⁰⁹ Bani Hidayat Shafie et al., "Strategi Teknik Demonstrasi Dan Pemerhatian Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Ibadah Pendidikan Islam KBSM Di Surau Sekolah.", 2010, 51-57.

⁴¹⁰Nur Syazwina Mustapa et al., "Kajian Meningkatkan Kemahiran Asas Membaca Teks Arab Melalui Kemahiran Membaca Al-Qur'an Dan Kaedah Latih Tubi.", 2012, 116-129.

⁴¹¹Nur Zaira Razali et al., "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Vle Frog Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Menengah.", 2016, 1-9.

pemusatan murid apabila GPI hanya menggunakan kaedah pemusatan guru pada awal pengajaran sahaja tetapi banyak menggunakan kaedah pemusatan murid pada langkah pengajaran yang seterusnya.

5.2.3 Objektif 3: Keberkesanan teknik yang digunakan oleh GPI terhadap PdPc komponen Ibadah di dalam kelas.

Apabila diteliti secara keseluruhan dapatan Bahagian D, penulis merumuskan bahawa teknik yang digunakan oleh GPI telah memperlihatkan kesan yang positif terhadap PdPc komponen Ibadah. Ini dibuktikan oleh nilai min keseluruhan yang tinggi iaitu 3.89 dan nilai median 3.9. Penggunaan teknik yang sesuai dengan tahap pencapaian murid adalah sangat penting untuk memastikan isi pelajaran dapat disampaikan dengan berkesan. Apabila murid memahami apa yang dipelajari, maka akan berakutlah peningkatan dalam akademik dan perubahan dari segi sikap.

Dapatan ini mengandungi 15 item, 12 item daripadanya menunjukkan teknik yang digunakan oleh GPI adalah berkesan apabila memperlihatkan skor min yang tinggi antara 3.46–4.53. Dapatan ini juga disokong oleh dapatan temu bual informan yang menyatakan teknik yang mereka gunakan telah memberi banyak kesan terhadap PdPc komponen Ibadah. Oleh itu penulis merumuskan bahawa teknik PdPc GPI adalah berkesan dalam menerapkan elemen penghayatan dalam jiwa murid agar sejajar dengan matlamat FPK dan FPI. Ini disokong oleh kajian Ab. Halim dan Muhibah⁴¹² yang menyatakan perkembangan teknologi memerlukan GPI lebih kreatif dalam pemilihan teknik.

Hanya 3 item sahaja yang menunjukkan teknik yang digunakan kurang berkesan kerana menunjukkan peratus di bawah 50% iaitu antara 44.3%-49.4%. Dapatan daripada temu

⁴¹²Ab. Halim Tamuri dan Siti Muhibah Haji Nor, "Prinsip Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam.", 2015, 28-42.

bual dengan GPI menyatakan mereka ada melakukan gabungjaln antara subjek Pendidikan Islam dengan subjek lain tapi mungkin tidak disedari oleh murid atau murid tidak memahami konsep gabungjaln. Oleh itu penulis membuat keputusan item-item tersebut masih menunjukkan bahawa teknik yang digunakan oleh GPI masih berkesan kerana peratus kurang berkesan hanya kurang sedikit sahaja di bawah 50%.

Dapatan ini juga telah dapat menjawab permasalahan kajian tentang strategi PdPc GPI yang terlalu berorientasikan peperiksaan. Hanya satu item sahaja yang mempamerkan peperiksaan iaitu *teknik yang digunakan telah meningkatkan markah Pendidikan Islam responden* iaitu menduduki tempat keempat. Ini membuktikan banyak lagi kesan lain yang akan diperolehi jika GPI menggunakan teknik PdPc yang tepat dan sesuai dengan tahap pencapaian murid. Oleh itu penulis merumuskan bahawa dapatan ini telah menjawab objektif dan soalan kajian iaitu teknik yang digunakan oleh GPI telah memberi kesan yang baik terhadap PdPc komponen Ibadah kerana pembelajaran Ibadah bukan semata-mata untuk lulus dalam peperiksaan sahaja tetapi yang paling utama ialah penguasaan ilmu dan penghayatan terhadap konsep ibadah.

5.2.4 Objektif 4: Cabaran yang dihadapi oleh GPI ketika mengajar komponen Ibadah Pendidikan Islam.

Berdasarkan dapatan kajian, penulis merumuskan bahawa GPI mengakui menghadapi beberapa cabaran ketika mengajar komponen Ibadah. Penelitian ke atas data temu bual menunjukkan terdapat enam cabaran yang diutarakan oleh informan iaitu isi kandungan komponen Ibadah yang terlalu banyak, kekangan masa, kekurangan kemudahan PdPc, peruntukan kemudahan PdPc yang terhad, kekurangan bengkel atau latihan berkaitan strategi PdPc dan cabaran dari murid sendiri.

GPI menyatakan walaupun isi kandungan komponen Ibadah sesuai tetapi ia didapati terlalu banyak dan memerlukan penerangan yang menyeluruh untuk memberi kefahaman kepada murid. Tambahan pula peruntukan jumlah masa PdPc tidak mencukupi untuk menghabiskan semua sukatan yang telah ditetapkan kerana GPI juga dibebankan dengan tugas lain di sekolah. Namun penulis mendapati daripada dapatan temu bual, cabaran ini telah dapat diatasi apabila GPI menggunakan masa luar sidang seperti waktu petang atau malam untuk mengadakan kelas tambahan bagi menghabiskan sukatan pelajaran walaupun terpaksa berebut dengan guru subjek lain bagi tujuan yang sama.

Selain daripada itu kekurangan kemudahan PdPc dan peruntukan kewangan yang terhad menjejaskan usaha GPI untuk melaksanakan PdPc dengan lebih berkesan. Tidak dinafikan kemudahan PdPc seperti BBM, LCD dan sebagainya memainkan peranan yang penting terutamanya PdPc komponen Ibadah yang melibatkan amali dan praktikal. Dapatan temu bual juga mendapati informan telah berusaha mencari dana sama ada berbincang dengan pihak pentadbir atau berusaha mendapatkan dana dari sumber luar bagi membeli kemudahan PdPc yang terkini dan moden.

GPI juga berhadapan dengan cabaran untuk melaksanakan arahan daripada KPM tentang pedagogi terkini kerana mereka tidak pernah menghadiri latihan atau kursus yang berkaitan sepanjang perkhidmatan mereka terutama mengenai pedagogi komponen Ibadah. Setiap arahan tersebut hanya diketahui melalui ketua jabatan atau rakan sekerja. Penulis berpendapat setiap GPI perlu menjalani sendiri latihan berkaitan pedagogi terkini untuk memantapkan lagi profesionalisme kerana merekalah yang akan merealisasikan dalam kelas.

Hasil temu bual dengan informan juga mendapati cabaran yang paling kerap mereka hadapi ialah sikap murid yang tidak serius dalam pelajaran, sering ponteng kelas dan tidak

dapat menguruskan masa dengan baik antara akademik dan tugas sebagai pengawas sekolah. Akibatnya mereka akan ketinggalan dalam pelajaran kerana GPI kesuntukan masa untuk mengulang semula tajuk-tajuk yang telah diajar. Ini bermakna GPI perlu mencari alternatif lain supaya murid tidak ketinggalan dalam pelajaran seperti memberikan latihan tambahan di rumah sebagai pengukuhan atau menggunakan masa '*sit-in*' untuk mengajar murid tajuk yang mereka tidak sempat pelajari.

Kesimpulannya penulis merumuskan bahawa dapatan ini telah menjawab objektif dan soalan kajian iaitu terdapat enam cabaran yang dihadapi oleh GPI ketika mengajar komponen Ibadah, namun GPI didapati telah berusaha mengatasinya dengan kreativiti tersendiri dan kemudahan yang terhad. Selain daripada menjawab objektif kajian, dapatan ini juga telah menjawab permasalahan kajian tentang peranan dan kesediaan GPI di sekolah iaitu GPI perlu menghadiri latihan dan kursus yang berkaitan sekerap mungkin untuk memantapkan pengetahuan pedagogikal kandungan dan meningkatkan kemahiran strategi PdPc mereka supaya mereka tidak dikatakan hanya mengajar apa yang terdapat dalam sukatan pelajaran sahaja.

5.3 Implikasi Kajian

Antara implikasi daripada kajian ini ialah:

1. Dapatan kajian ini menunjukkan perlaksanaan PdPc komponen Ibadah adalah bertepatan dengan teori Al-Ghazali, Ibnu Khaldun dan Dunkin dan Biddle. Al-Ghazali menekankan tiga aspek utama yang perlu ada pada seorang guru iaitu mempunyai ilmu fardu Ain dan fardu Kifayah, kemahiran untuk mengaplikasikan kaedah PdPc dan berakhlak mulia. Ibnu Khaldun pula menfokuskan konsep pengajaran secara beransur-ansur, berturut-turut, memperdalamkan dan

menyeluruh. Manakala Dunkin dan Biddle menyenaraikan empat elemen penting iaitu pembolehubah penting, konteks, proses dan hasil. Oleh itu GPI hendaklah memastikan mereka berilmu, berkemahiran dan berakhlak supaya dapat mendidik mengikut tahap pencapaian murid untuk meningkatkan kecemerlangan akademik dan membangunkan personaliti unggul melalui penghayatan terhadap ibadah.

2. Hasil kajian ini juga menunjukkan strategi yang digunakan oleh GPI berjaya membentuk PdPc yang berkesan dalam kelas. Ia bukan sahaja bermatlamatkan untuk mendapat keputusan yang baik dalam pelajaran tetapi yang lebih utama ialah penguasaan ilmu dan seterusnya membawa kepada penghayatan terhadap ibadah.
3. Walau bagaimanapun, dapatan kajian juga menunjukkan peranan GPI di sekolah masih ada ruang untuk diperkasakan dengan memberi pendedahan tentang kemahiran dan strategi PdPc yang terkini agar mereka dapat mengaplikasikannya dalam PdPc. GPI hendaklah bersedia bergerak seiring dengan transformasi yang digagaskan oleh KPM dan cabaran pendidikan alaf 21. Sekolah pula hendaklah sentiasa menyokong GPI dengan menyediakan bantuan kewangan bagi membeli BBM dan kemudahan lain untuk memudahkan proses PdPc agar objektif dapat dicapai.
4. Hasil kajian juga menunjukkan GPI berhadapan dengan beberapa cabaran dalam menjalankan tugas mereka sebagai seorang pendidik. GPI yang profesional tidak akan menjadikan cabaran tersebut sebagai alasan untuk mereka mengabaikan tanggungjawab untuk menerapkan elemen penghayatan dalam jiwa murid. Malah cabaran tersebut menjadikan mereka lebih berazam untuk memberikan yang terbaik dalam profesyen keguruan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan dapat menyumbang kepada kesejahteraan negara.

5.4 Cadangan-cadangan hasil kajian

Penulis mengemukakan beberapa cadangan dan saranan kepada beberapa pihak untuk meningkatkan lagi PdPc Pendidikan Islam terutama komponen Ibadah bagi manfaat bersama.

1. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, KPM.
 - a. Memberi bantuan kewangan yang lebih besar kepada sekolah-sekolah, terutama sekolah di Sarawak supaya lebih banyak kemudahan PdPc dapat dibina bagi kegunaan GPI untuk mempelbagaikan strategi PdPc.
 - b. Mengurangkan perlaksanaan penilaian yang berorientasikan peperiksaan supaya GPI dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan tidak terikat untuk menghabiskan sukatan pelajaran bagi menghadapi peperiksaan kerana Pendidikan Islam bertujuan untuk membentuk murid menjadi insan soleh selaras dengan matlamat Pendidikan Islam.
 - c. Memberi kursus khas kepada GPI di Sarawak agar mereka mempunyai keupayaan untuk mengaplikasikan strategi yang lebih menjana minda murid supaya setara dengan murid di negeri lain.
 - d. Membuat pemantauan secara berkala ke sekolah bagi memastikan PdPc dijalankan mengikut piawaian yang ditetapkan terutama yang berkaitan dengan pedagogi dan kandungan pelajaran.
2. Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.
 - a. Mengadakan kursus-kursus dan latihan-latihan kepada GPI yang dikendalikan oleh pakar-pakar pendidikan tentang strategi PdPc yang berkesan supaya dapat meningkatkan profesionalisme keguruan.

- b. Mengadakan lebih banyak ceramah dan bengkel pengukuhan jati diri pendidik seperti *tafaqquh fiddin* bagi menguatkan amalan dan penghayatan GPI terhadap ibadah serta dapat menyerapkannya kepada murid di sekolah.
 - c. Menggalakkan GPI menjalankan kajian-kajian tindakan mengenai strategi PdPc yang berkesan di sekolah serta menyebarkan maklumat tersebut kepada GPI di sekolah lain melalui bengkel, jurnal dan wacana pendidikan.
 - d. Menggalakkan GPI membuat inovasi pendidikan tentang BBM yang sesuai dan praktikal digunakan oleh murid di Sarawak.
 - e. Menjalankan penyeliaan yang berterusan melalui perbincangan dan penambahbaikan bagi meningkatkan mutu PdPc Pendidikan Islam.
3. Pentadbir Sekolah
- a. Menggunakan peruntukan kewangan yang disalurkan oleh KPM kepada sekolah untuk menyediakan kemudahan PdPc supaya sekolah menjadi tempat menjana pengalaman yang menyeronokkan kepada murid.
 - b. Mewujudkan suasana keagamaan dan disiplin yang tinggi untuk meningkatkan motivasi murid supaya mereka lebih jelas tujuan sebenar belajar Pendidikan Islam.
 - c. Membuat pencerapan terhadap guru di dalam kelas serta mengadakan perbincangan dan bimbingan dengan guru berkaitan supaya dia dapat dibantu secara profesional dan bergerak seiring dengan arus pendidikan.
 - d. Menggalakkan penggunaan BBM secara meluas dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang lengkap dan kondusif seperti LCD, makmal komputer dan sebagainya supaya GPI dapat mempelbagaikan kaedah PdPc.

4. Guru Pendidikan Islam

- a. Meningkatkan kefahaman Islam dalam jiwa terutama tentang penghayatan ibadah dan menonjolkan ciri-ciri muslim sejati dalam pergaulan seharian supaya dapat menjadi contoh kepada murid.
- b. Memilih pendekatan berpusatkan murid dengan menambah kepelbagaian kaedah dan teknik dalam pengajaran mereka.
- c. Memberi penjelasan secara berterusan tentang matlamat dan tujuan belajar Pendidikan Islam supaya murid lebih jelas bahawa Pendidikan Islam adalah untuk mereka mencari kebahagiaan di dunia dan di akhirat.
- d. Meningkatkan ilmu tentang kandungan mata pelajaran dan strategi PdPc terkini melalui pembacaan dan menghadiri bengkel-bengkel yang berkaitan supaya mudah memahami keperluan dan perubahan tingkah laku murid.
- e. Meningkatkan kemahiran diri dengan menguasai teknologi maklumat yang moden serta penggunaan BBM yang terkini dan praktikal seperti *powerpoint* dan *bluetooth microfon* supaya dapat menarik minat dan motivasi murid.
- f. Berkongsi idea dan pengalaman dengan GPI yang lain tentang maklumat terkini isu-isu pendidikan yang mereka perolehi melalui kursus-kursus anjuran KPM, JPN dan pihak-pihak luar.

5.5 Cadangan-cadangan bagi kajian lanjutan.

Penulis juga menyarankan beberapa cadangan untuk kajian akan datang iaitu:

1. Kajian yang dijalankan ini adalah terbatas kepada komponen Ibadah sahaja di Kuching, Sarawak. Kajian tentang komponen lain dalam Pendidikan Islam boleh dijalankan untuk mengetahui pelaksanaan PdPc komponen berkenaan.

2. Sampel yang digunakan dalam kajian ini hanya melibatkan sekolah-sekolah di Kuching. Kajian yang sama boleh dilaksanakan dengan menggunakan sampel yang lebih besar meliputi sekolah-sekolah di seluruh Sarawak atau bahagian yang lain.
3. Penulis mengumpul data hanya menggunakan soal selidik murid dan temu bual GPI. Cara pengumpulan data yang lain boleh digunakan seperti membuat eksperimen dalam kelas untuk mengenal pasti keberkesanan strategi PdPc yang dijalankan.
4. Kajian juga boleh dilanjutkan dengan mengambil kira setiap cabaran yang dihadapi oleh GPI semasa melaksanakan proses PdPc.

5.6 Penutup

Sejajar dengan perubahan perkembangan dunia pendidikan secara global, GPI harus melengkapkan diri dengan ilmu dan strategi PdPc terkini untuk menimbulkan minat murid terhadap pengajaran mereka. Melalui kajian ini dapat difahami bahawa banyak lagi yang perlu dilakukan oleh GPI untuk memartabatkan Pendidikan Islam di Sarawak. Tugas GPI bukanlah mudah lebih-lebih lagi untuk memperkukuhkan murid dengan elemen penghayatan terhadap ibadah, cintakan agama dan menunjukkan ciri-ciri muslim sejati di samping cemerlang dalam akademik. Oleh itu GPI perlu diberikan banyak latihan dan kursus dalam perkhidmatan terutama yang berkaitan dengan strategi PdPc yang terkini dari masa ke semasa.

Oleh itu diharap kajian ini dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada beberapa pihak untuk membuat penambahbaikan mutu strategi PdPc komponen Ibadah supaya kita dapat membentuk generasi muslim yang cemerlang dan dapat memberi sumbangan untuk kesejahteraan ummah.

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN UTAMA

Al-Quranul Karim

RUJUKAN BAHASA ARAB

‘Abd al-Karīm Zaydān,. *Al-Wajīz Fī Usūl Al-Fiqh*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah Nasyīrūn, 2006.

‘Abduh, Muhammad. *Al- ‘Ibādāh Fī Al-Islām*. Kuwait: Maktabah al-Falah, 1984.

Abu Hamid Al-Ghazali, *Ihya’ ‘Ulūm Al-Dīn*, 3rd edition, Beirut: Dār Al-Khayr, 1990.

Al-Asfāhānī, Al-Raghib. *Al-Mufradat*. Mesir: Maktabah Mustāfā al-Bāb al-Halābī wa Awlādūhū, 1961.

Al-Bayānūnī, Muhammad Abū Al-Fath. *Al- ‘Ibādah Dirāsah Manhājiyyah Syāmilah Fī Dāw, Al-Kitāb Wa Al-Sunnah*. Kaherah: Dār al-Salām, 1984.

Al-Ghazālī. *Ihyā’ ‘Ulūm Al-Dīn*. Jilid III Beirut: Dār al-Ma’rifah, t.t.

Al-Hamsī, Muhammad Hassan. *Qur’ān Karīm Tafsīr Wa Bayān Ma’a Asbāb Al-Nuzūl Li Al-Suyūti*. Beirut: Dār al-Rasyid, t.t.

Al-Qaradawī. *Al- ‘Ibādah Fīl Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995.

Ibn Kathir, ‘Imād al-Dīn Abī Fidā Ismā’il. *Tafsīr Al-Qurān Al- ‘Azīm*. Damsyik: Maktabah Dār al-Finā, 1998.

Ibn Khaldun, *Al-Muqadimah*. Beirut: Matba’ah al- ‘Arabiyah, 1948.

Ibn Manzur, *Lisān Al-Arab*. Beirut: Dār Ihya’ al-Turath, 1999.

Ibn Taymiyyah, *Al-‘Ubūdiyyah*. Beirut: Maktabah Islami, 1972.

_____. *Majmu’ Fatāwā Syaykh Al-Islām Ahmad Ibn Taymiyyah*. ed. 4, Beirut, Dār Ibn Hazam, 2011.

Mawdūdī, Abul Al-‘Ala. *Mabādi’ Al-Islām*. 3rd ed. Damsyik: Maktabah al-Shabāb al-Muslim, 1961.

Muhammad, Mahmūd. *Al-Dīn ‘Indāllah*. Jordan: Maktabah al-Risalah al-Hadithah, 1982.

Mulhim, Ahmad Salim. *Al-‘Ibādah Fī Daw’ Al-Qurān Wa Al-Sunnah*. Amman: Dār al-Nafā’is, 2004.

Nasih, Ulwan Abdullah. *Tarbīyah Al-Awlād Fī Al-Islām*. Kaherah: Dār al-Salām, 1996.

Sulaymān, Abī Dawūd. *Sunan Abī Dawūd*. Beirut: Dār al-Jayl, 1988.

Umar Sulayman Al-Asyqar,. *Al-Niyyāt Fī Al-‘Ibādat*. Amman: Dār al-Nafa’is, 2001.

_____. *Maqāsid Al-Mukallafīn: Al-Ikhlās*. Jordan: Dār al-Nafā’is, 1999.

Wahbah Al-Zuhaylī,. *Tafsīr Al Munīr Fī Al-‘Aqīdah Wa Al Syarī’at Wa Al-Manhaj*. Beirut: t.p, 1991.

RUJUKAN BAHASA INGGERIS

Abdul Rashid Moten. *A Guide To Research Proposal And Report Writting*. Selangor: Research Centre International Islamic University, 1998.

Ahmad Basheer, Muhamad Hagerat, Naji Kortam and Avi Hofstein, “The Effectiveness Of Teachers Use Of Demonstration For Enhancing Students Understanding Of And Attitudes To Learning The Oxidation-Reduction Concepts,” *EURASIA Journal Of Mathematics Science And Technology Education* 13, no. 3 (2017): 555–570.

- Alavi, H.R., "Al-Ghazali on Moral Education," *Journal of Moral Education* 36, no. 3 (2007): 309–319.
- Ayeni, A.J., "Teachers Professional Development And Quality Assurance In Nigerian Secondary School," *World Journal Of Education* 1, no. 2 (2011): 143–149.
- Bitter, G., and Legacy, M. *Using Technology In The Classroom Highlights The Essential Topics Related To Using Technology In Education As Outlined In The ISTE Standards*. Virginia: Allyn and Bacon, 2008.
- Boostrom, R., "The Nature And Function Of Classroom Rules," *Journal Of Curriculum And Inquiry* 21, no. 2 (1991): 193–216.
- Brophy, J. "Perspectives Of Classroom Management : Yesterday, Today And Tomorrow." In *Beyond Behaviorism : Changing The Classroom Management Paradigm*, edited by Freiberg, H., Boston: Allyn and Bacon, 1999.
- Cantillon, P., "ABC Of Learning And Teaching In Medicine : Teaching Large Group," *BMJ* 23, no. 6 (2003): 437–440.
- Carson, J., "A Problem With A Problem Solving : Teaching Thinking Without Teaching Knowledge," *The Mathematics Educator* 17, no. 2 (2007): 7–14.
- Cleaborne, D. Moddux. *Educational Computing : Learning With Tomorrows Technologies*. Virginia : Allyn and Bacon, 1992.
- Conti, G.I., " Identifying Your Educational Philosophy: Development Of The Philosophy Held By The Instructors Of Lifelong Learners," *Journal Of Adult Education* 36, no. 1 (2007): 19-35.
- Creswell, J.W., and V.L.P Clark. *Designing and Conducting Mixed-Methods Research. The Sage Handbook of Qualitative Research*, California: SAGE Publication, 2011.
- Dollard, N, and Christensen, L,. "Constructive Classroom Management," *Journal Of Focus On Exceptional Children* 29, no. 2 (1996): 1–24.

- Elliot, S. and Busse, R., "Social Skills Assessment and Intervention With Children and Adolescent," *SAGE Journals* 12, no. 2 (1991): 63-83.
- Elvis Munyaradzi Ganyaupfu, "Teaching Methods And Student's Academic Performance," *International Journal Of Humanities And Social Science Invention* 2, no. 9 (2013): 29-35.
- Ewing, B., "Direct Instruction In Mathematics : Issues For School With High Indigenous Enrolments : A Literature Review," *Australian Journal Of Teacher Education* 36, no. 5 (2011): 64-91.
- Fraenkel, Jack R., and Norman E. Wallen., "How to Design and Evaluate Research in Education," *Journal of Chemical Information and Modeling* 53, no. 9 (2013): 1689-1699.
- Galajda, Dagmara., "Teacher's Action Zone In Facilitating Group Dynamics," *Lingvarmarena* 3, no. 1 (2012), 89-101.
- Guthrie, J.W. *Encyclopedia Of Education*. 2nd ed. New York: MacMillan Reference Publication, 2003.
- Hackathon, Jana, Erin D. Solomon, and Kate L. Blankmeyer, "Learning By Doing : An Emperical Study Of Active Teaching Techniques," *The Journal Of Effective Teaching* 11, no. 2 (2011): 40-54.
- Halizah Awang and Ishak Ramly, "Creative Thinking Skill Approach Through Problem-Based Learning : Pedagogy and Practice In Engineering Classroom," *International Journal Of Social Sciences* 3, no. 1 (2008): 18-23.
- Havice, W.L., "College Students' Attitudes Toward Oral Lectures And Integrated Media Presentations," *Journal Of Technology Studies* 8, no. 1 (1999): 51-56.
- Hede, T., and. Hede, A., "An Integrated Model Of Multimedia Effects On Learning," *Journal Of Educational Multimedia And Hypermedia* 11, no. 2 (2002): 177-191.
- Jamjoun, M.I., "Female Islamic Studies Teachers in Saudi Arabia: A Phenomenological Study," *Journal Of Teaching and Teacher Education* 26, no. 3 (2010): 547-558.

- Johnson, D.W, and Johnson T.J., "Implementing Cooperative Learning," *Journal OfContemporary Education* 63, no. 3 (1992): 173–180.
- Kaldi, S., Filippatou, D. and Govaris, C., "Project-Based Learning Learning In Primary Schools : Effects On Pupils' Learning And Study," *International Journal of Primary, Elementary and Early Years Education* 39, no. 1 (2011): 35–47.
